

**KAJIAN SEMANTIK KATA NAMA PINJAMAN DALAM
*DAICHOUHEN DORAEMON***

NADIAH BINTI ZUBBIR

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**KAJIAN SEMANTIK KATA NAMA PINJAMAN DALAM
*DAICHOUHEN DORAEMON***

NADIAH BINTI ZUBBIR

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN
BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **Nadiah Binti Zubbir**

(No.KP/Pasport: **890303-12-5538**)

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA110004**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk ~~Kertas Projek/ Laporan Penyelidikan/~~ Disertasi/Tesis-(“Hasil Kerja ini”):

Kajian Semantik Kata Nama Pinjaman Dalam *Daichouhen Doraemon*

Bidang Penyelidikan : **Semantik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk kerja tersebut dan pengarang/penulis telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar sesuatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat lain , saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh: **06/02/2015**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh: **06/02/2015**

Nama: **Ong Shyi Nian**

Jawatan: **Pensyarah Kanan merangkap Penyelia**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat kekerapan dan bilangan kata nama pinjaman dan untuk mengenalpasti perubahan makna yang dibawa oleh kata nama pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Kajian ini telah menyelidik lima buah *manga* yang bertajuk *Daichouhen Doraemon* dengan mengutip kata pinjaman yang berbentuk kata tunggal. Kekerapan dan bilangan kata nama pinjaman diteliti melalui perbandingan dengan bilangan kekerapan kata kerja pinjaman dan kata adjektif pinjaman. Hanya perkataan yang selalu digunakan dalam kehidupan seharian dan tiga jenis perubahan makna sahaja dipilih iaitu peluasan makna, pemilikan makna baru dan pengurangan makna untuk diteliti dalam kajian ini. Tambahan pula, hanya kata pinjaman dari golongan kata nama sahaja yang dianalisis secara semantik. Dua buah kaedah telah digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif dijalankan secara statistik dan menggunakan jadual-jadual serta graf dari *Microsoft Excel* untuk menganalisis bilangan dan kekerapan kata pinjaman. Manakala, kaedah kualitatif menggunakan jadual yang telah diubahsuai dari Teori Analisis Komponen Makna yang diutarakan oleh Nida (1975) dan hanya makna kamus sahaja yang diteliti dalam kajian ini.

Kajian ini telah mendapati bahawa bilangan kata pinjaman dalam *manga Daichouhen Doraemon* ialah 105 perkataan. 87.62% daripada bilangan tersebut merupakan kata pinjaman dari golongan kata nama. 10.48% pula dari golongan kata kerja dan 1.90% pula merupakan kata adjektif. Dari segi kekerapan pula, didapati bahawa terdapat 353 pengulangan kata pinjaman dalam *manga* tersebut. 95.75% daripada kekerapan itu merupakan kata pinjaman dalam bentuk kata nama. Manakala, 3.68% daripadanya

adalah kata pinjaman dari golongan kata kerja dan akhir sekali, 0.57% adalah kata adjektif.

Bagi kajian secara kualitatif pula, didapati bahawa sebanyak 38 kata pinjaman mengalami pengurangan makna diikuti oleh kata pinjaman yang memiliki makna baru (20 perkataan) dan peluasan makna (4 perkataan). Pengurangan makna berlaku apabila makna kata pinjaman menjadi lebih spesifik dan makna asal sesuatu kata pinjaman tidak dikekalkan sepenuhnya apabila dijadikan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Manakala, pemilikan makna baru berlaku apabila makna kata pinjaman yang diperolehi berbeza dengan makna perkataan asal. Pemilikan makna baru boleh berlaku apabila kata pinjaman mengalami kedua-dua peluasan makna dan pengurangan makna. Selain itu, pemilikan makna baru juga boleh berlaku apabila kata pinjaman tidak mengalami sebarang perubahan makna yang disebut sebagai *shift in meaning*. Peluasan makna berlaku apabila makna kata pinjaman menjadi subjektif luas dan makna asal dikekalkan serta ditambah dengan makna baru.

ABSTRACT

This study was conducted to study the number and frequency of noun loanwords and to identify semantic changes within Japanese loanwords that were originated from English lexicals. Five *manga* from *Daichouhen Doraemon* were analysed by collecting single loanwords. The number and frequency of noun loanwords are studied by comparing with the number and frequency of verb loanwords and adjective loanwords. Only daily used words were gathered and only three types of semantic changes were analysed within the gathered loanwords which are semantic broadening, new meaning and semantic narrowing. Moreover, only loanwords in the form of noun are analysed semantically in this study. Both qualitative and quantitative methods were used in this study. The quantitative method was conducted statistically by using schedules and graphs from Microsoft Excel software to analyse number and frequency of loanwords in the *manga*. While, the qualitative method was conducted by using a modified schedule proposed by Nida (1975) from The Componential Analysis Theory and only dictionary meaning were analyzed in this study.

The findings show that there are 105 numbers of loanwords within the studied *manga*. 87.62% are loanwords in the form of noun. 10.48% are loanwords in the form verb and 1.90% are adjective. The frequency of loanwords within this *manga* is 353 words. 95.75% of this number is noun loanwords, 3.68% are verbs and finally, 0.57% are adjective.

According to the findings of the qualitative method analysis, 38 of the loanwords faced semantic narrowing, 20 of them formed new meanings and finally, 4 of the loanwords faced semantic broadening. Semantic narrowing occurs when the meaning of loanword

become more specific. While, the loanwords with new meaning are the loanwords that obtained different meaning compared to the original definition after been absorbed into Japanese lexicals. This type of semantic change could occur with loanwords in either semantic broadening or semantic narrowing. Moreover, loanwords could obtain new meaning without having any semantic change and this is called shift in meaning. Finally, semantic broadening occurs when the meaning of loanword become more general and the original meaning of the loanwords were fully preserved with additional semantic components from new meaning after been adapted into Japanese loanwords.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Segala pujian hanya bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Dan selawat dan salam bagi junjungan besar, nabi Muhammad SAW.

~Alhamdullillah~

Segala kesyukuran ingin saya panjatkan kepada Ilahi kerana memberi peluang kepada saya untuk menghasilkan disertasi ini. Setelah sekian lama berusaha, akhirnya, dengan berkat keizinanNya, saya dianugerahkan tenaga, kebijaksanaan, kesabaran dan keimanan untuk menukil karya ilmiah ini. Dengan kasih sayangNya juga saya dianugerahkan mereka-mereka yang menjadi pembimbing dan penyokong di sepanjang perjuangan ini.

Saya ingin berterima kasih kepada bonda, Juanita Garcia Vicente@Aisha Abdullah dan ayahanda, Zubbir Bin Mat Nor, yang tersayang kerana sentiasa menyokong saya dengan penuh kesabaran dan kasih sayang. Kepada adinda-adinda sekalian; Ahmad Uzair, Adi Aisar, Najilah dan Akmal Hasan, yang tanpa jemu menjadi penyeri hidup saya. Akhir sekali, kepada ahli baru keluarga kami, Norafidah Jamaluddin.

Kepada penyelia saya yang sanggup bersabar dengan kedegilan dan ketidakmatangan saya. Kepada sahabat-sahabat (terutamanya Kak Min, Kak Uda, Kak Shida, Kimah, Mashi, Fara, Shahida, Kak Ila dan Puan Liza Amin) yang mengajar erti kematangan, kebijaksanaan dan kegembiraan.

Kepada pembantu-pembantu pustakawan Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik; Encik Jamil dan Encik Hairi, yang menjadikan perpustakaan satu tempat yang cukup indah dan mesra untuk dijadikan tempat belajar. Akhir sekali, kepada bahagian pentadbiran fakulti dan mereka-mereka yang turut terlibat dalam penghasilan disertasi ini secara langsung atau tidak langsung.

～ありがとうございます～

Nadiah Binti Zubbir
Kuala Kangsar, Perak

KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISANi
ABSTRAK iii
ABSTRACTv
SEKALUNG PENGHARGAANvii
KANDUNGAN viii
SENARAI JADUAL xii
SENARAI RAJAH xiv
SENARAI LAMPIRAN xv
DEFINISI ISTILAH-ISTILAH BERKAITAN xvi
BAB 1 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN... 1
1.0	Rasional Kajian... .. 1
1.1	Latar Belakang Kata Pinjaman Bahasa Jepun... .. 3
1.2	Pernyataan Masalah... .. 7
1.3	Objektif Kajian... .. 11
1.4	Persoalan Kajian... .. 12
1.5	Kepentingan Kajian... .. 12
1.6	Batasan Kajian... .. 13

1.7	Sejarah Ringkas Komik Jepun (Manga)	16
1.7.1	Manga Doraemon... ..	19
1.8	Kesimpulan... ..	20

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS... ..21

2.0	Pendahuluan... ..	21
2.1	Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Jepun... ..	21
2.1.1	Peranan Kata Pinjaman dalam Bahasa Jepun... ..	22
2.1.2	Sebab-Sebab Pengadaptasian Kata Pinjaman dalam Bahasa Jepun... ..	25
2.1.3	Pemangkin-pemangkin Pengadaptasian Kata Pinjaman... ..	29
2.1.4	Bentuk-bentuk Kata Pinjaman dalam Bahasa Jepunv... ..	31
2.2	Sistem Tulisan Bahasa Jepun... ..	40
2.2.1	Katakana... ..	42
2.2.2	Perumian Bahasa Jepun (Romanization)	45
2.4	Semantik... ..	49
2.4.1	Perubahan makna... ..	50
2.4.2	Analisis Komponen Makna... ..	56
2.5	Tinjauan Kajian-Kajian Lepas... ..	60
2.6	Kesimpulan... ..	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN... .. 65

3.0	Pendahuluan... ..	65
3.1	Bahan Kajian... ..	65

3.2	Prosedur Kajian...	67
3.3	Kaedah Pemilihan Data...	71
3.4	Kaedah Pengumpulan Data...	72
3.5	Kaedah Analisis Data...	74
3.6	Penerapan Analisis Komponen Makna...	77
3.6.1	Kaedah Pemilihan Komponen-Komponen Semantik...	80
3.6.2	Penggunaan Kamus dalam Analisis Komponen Makna...	81
3.7	Kesimpulan...	82

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN... .. 84

4.0	Pendahuluan...	84
4.1	Analisis Kuantitatif: Kekerapan dan Purata Kata Pinjaman dalam Manga...	85
4.2	Perbincangan Analisis Kuantitatif...	87
4.3	Analisis Kualitatif: Analisis Komponen Semantik...	91
4.4	Perubahan makna Kata Nama Pinjaman...	122
4.4.1	Peluasan Makna (Semantic Broadening) ...	123
4.4.2	Pengurangan Makna (Semantic Narrowing) ...	125
4.4.3	Pemilikan Makna Baru...	125
4.5	Perbincangan Analisis Kualitatif...	129
4.6	Kesimpulan...	131

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN... .. 133

5.0	Pendahuluan...	133
-----	----------------	-----

5.1	Kesimpulan Kajian...	133
5.2	Saranan...	136
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan...	137
5.4	Kesimpulan...	139
RUJUKAN-RUJUKAN BERKAITAN...		141
LAMPIRAN...		147

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis Peminjaman Terus	33
Jadual 2.2	Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis Pemendekan Leksikal	33
Jadual 2.3	Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis <i>Tail Abbreviation</i>	34
Jadual 2.4	Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis <i>Abbreviation of Compounds</i>	35
Jadual 2.5	Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis <i>Front-Clipping</i>	35
Jadual 2.6	Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis Pemendekan secara Tatabahasa	36
Jadual 2.7	11 Sebutan Tambahan <i>Katakana</i>	44
Jadual 2.8	Jadual Matriks Istilah Kekeluargaan (<i>Kinship</i>) oleh Jackson (1988)	59
Jadual 3.1	Contoh Jadual Perbezaan Kekerapan dan Bilangan Kata Pinjaman	73
Jadual 3.2	Contoh Jadual Analisis Komponen Makna Yang Telah Digunakan	74
Jadual 3.3	Formula Kajian Kuantitatif	76
Jadual 3.4	Contoh Jadual Yang Digunakan Dalam Analisis Kajian Ini	79
Jadual 4.1	Purata Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam <i>Manga</i>	85
Jadual 4.2	Peratusan Golongan Kata	86
Jadual 4.3	Jadual Peratusan Kata Nama dalam Kategori Hidupan dan Bukan Hidupan	90
Jadual 4.4	Jadual Peratusan Kata Nama Kategori Bukan Hidupan	90
Jadual 4.5	Bilangan Perubahan Makna Kata Pinjaman	123
Jadual 4.6	Kata Pinjaman yang Mengalami Peluasan Makna	124
Jadual 4.7	Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru	126
Jadual 4.8	Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru Sahaja	127

Jadual 4.9	Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru dan Pengurangan Makna	128
Jadual 4.10	Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru dan Peluasan Makna	129

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
Rajah 2.1	Carta Pembahagian Kategori Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Jepun	32
Rajah 2.2	Cabutan dari <i>Manga Daichouhen Doraemon</i> yang Menggunakan <i>Katakana</i> untuk Menarik Perhatian Pembaca	43
Rajah 3.1	Metodologi Kajian	65
Rajah 3.2	Cabutan dari <i>A Dictionary of Loanwords</i> yang Menunjukkan Bahasa Asal Kata Pinjaman (Dalam Bulatan Merah)	69
Rajah 3.3	Carta Aliran Prosedur Kajian	70
Rajah 3.4	Aliran Pemilihan Data	72
Rajah 3.5	Cabutan dari Kamus <i>Oxford Advanced Learner's Dictionary International Student's Edition</i> (2005) yang Menunjukkan Kata Kunci yang Boleh Digunakan sebagai Komponen Makna	80
Rajah 4.1	Graf Peratusan Golongan Kata	86
Rajah 4.2	Carta Pembahagian Kategori Kata Pinjaman	89

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
LAMPIRAN 1	Jadual Hiragana dan Katakana Bersama dengan Kanji Asalnya yang diadaptasi dari Jadual Unger (2006)	148
LAMPIRAN 2	Jadual Romanization Hepburn bagi Sebutan Bahasa Jepun	149
LAMPIRAN 3	Jadual Senarai Kata Pinjaman Yang Tidak Mengalami Perubahan Makna	150
LAMPIRAN 4	Jadual Senarai Kata Pinjaman Yang Mengalami Perubahan Makna	151
LAMPIRAN 5	Jadual Senarai Kata Nama Pinjaman Yang Mengalami Pengurangan Makna	152
LAMPIRAN 6	Jadual Senarai Kata Pinjaman dalam Lima Manga Daichouhen <i>Doraemon</i>	153
LAMPIRAN 7	Jadual Makna Kata Pinjaman yang Dianalisis Secara Semantik dalam Manga Daichouhen <i>Doraemon</i>	157

DEFINISI ISTILAH-ISTILAH BERKAITAN

Kata Pinjaman

Gairaigo atau kata pinjaman bererti perkataan dari bahasa asing (*gaikokugo*) yang dimasukkan ke dalam sesebuah bahasa sumber (bahasa natif) atau, dengan lebih terperinci, perkataan asing yang diadaptasi dengan disesuaikan dengan fonotaktik bahasa Jepun (Sugimoto, 2007).

Kanji

Secara amnya, mana-mana tulisan yang berasal dari bahasa Cina dan dimasukkan ke dalam sistem tulisan bahasa Jepun dipanggil *kanji*. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kecil daripada sistem tulisan bahasa Cina diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Tambahan pula, terdapat perubahan yang dialami oleh tulisan *kanji* setelah dijadikan sistem tulisan bahasa Jepun.

Katakana

Unger (2006) menggambarkan *katakana* seperti tulisan *italic* yang digunakan dalam bahasa Inggeris kerana tulisan ini digunakan untuk menulis kata pinjaman dan juga ditulis untuk memberikan penekanan kepada sesuatu perkataan. Selain itu, *katakana* juga digunakan untuk menulis nama manusia, negara, syarikat dan sebagainya (Yamaguchi Toshiko, 2006).

Hiragana

Sistem tulisan ini merupakan sistem tulisan utama dan digunakan untuk menulis kata sendi, adverba, kadang-kala untuk kata nama, dan suku kata-suku kata akhir kata kerja dan kata adjektif yang juga dikenali sebagai *okurigana* (Unger, 2006).

Romaji

Romaji ialah sistem abjad *Roman* yang digunakan dalam bahasa Jepun. Contohnya, iklan pada papan tanda yang bertulis *We Try No.1* dengan makna “kami akan cuba sedaya-upaya” (*we will do our best*) (Honma Nobuyuki, 1995). Seperti *katakana*, *romaji* juga digunakan untuk menulis perkataan-perkataan yang berasal dari bahasa asing.

***Manga* atau Komik Jepun**

Manga (漫画) adalah komik yang dicipta di Jepun atau oleh pelukis Jepun dalam bahasa Jepun yang dikembangkan pada abad ke-19 menjadi satu gaya lukisan atau ilustrasi komik tersendiri (Lent, 2001).

Semantik

Yule (1995) telah menjelaskan semantik sebagai satu kajian makna dalam pelbagai peringkat bahasa iaitu perkataan, frasa dan ayat. Abdullah Hassan (2007) telah mendefinisikan semantik sebagai kajian fenomena makna dalam bahasa.

Perubahan Makna

Perubahan makna ialah perubahan yang berlaku pada makna sesuatu perkataan. Makna setiap perkataan yang boleh ditambah, digugurkan atau diubahsuai mengikut peredaran masa.

BAB 1

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Rasional Kajian

Sapir (1921) telah menyatakan bahawa pengaruh bahasa Inggeris ke dalam bahasa-bahasa lain adalah satu perkara yang boleh diketepikan. Namun begitu, selepas kematiannya pada 1939, pernyataan Sapir (1921) ternyata bercanggah dengan realiti semasa. Bahasa Inggeris telah berkembang ke seluruh dunia dan dituturkan oleh penutur-penutur dari pelbagai negara. Populasi penutur bahasa keduanya sahaja sudah mencecah lebih 430 juta orang (Lewis, M. P., Gary F. S., dan Charles D. F. (eds.), 2013). Dewasa ini, bahasa Inggeris telah memainkan peranan penting sebagai *lingua franca* dunia dalam pelbagai bidang.

Menurut Kuang (2009), perkembangan industri perdagangan dan pelancongan dunia semasa telah memaksa bahasa-bahasa dunia untuk membentuk satu bahasa yang relevan sebagai medium komunikasi antarabangsa seperti bahasa Inggeris. Desakan ini menjadi punca berlakunya interaksi antara manusia merentasi sempadan melalui perkembangan teknologi dan sains. Selain itu, keadaan ini juga telah mewujudkan satu peluang kepada masyarakat global untuk berkongsi budaya dan bahasa di antara satu sama lain. Jepun juga tidak ketinggalan dalam menerima impak globalisasi ini.

Secara sejarahnya, era Pemulihan Meiji (1868-1912) merupakan era terpenting apabila membincangkan tentang kemasukan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Pada era ini, pertembungan antara budaya Barat dan budaya Jepun,


kemunculan pengetahuan dan konsep baru serta peristiwa-peristiwa bersejarah seperti Perang Dunia Pertama dan Kedua, telah menjadi pemangkin kepada kemasukan kata pinjaman terutamanya bahasa Inggeris (Honna Nobuyuki, 1995). Perkara ini dapat dilihat melalui Misi Iwakura pada tahun 1871-1873 yang dijalankan untuk memerhati institusi-institusi di Barat seperti Amerika, British, Perancis, Portugis, Itali, Jerman, Austro-Hungaria, Rusia dan lain-lain lagi (Irwin, 2011; Kume, 2002). Misi ini telah menggalakkan kemasukan kata pinjaman secara drastik melalui institusi-institusi Barat seperti bank, universiti, pejabat pos dan pasukan polis (Gordon, 2003).

Abad ke-19 memperlihatkan kata pinjaman yang berasal dari negara-negara, seperti Jerman, Perancis, Itali, British dan sebagainya, yang dijadikan sebagai model oleh Jepun. Pada abad ke-20, kebanyakan kata pinjaman dalam bahasa Jepun sudah mula lebih cenderung diadaptasi dari bahasa Inggeris (Irwin, 2011). Dewasa ini, kata pinjaman digunakan dalam pelbagai bentuk, medium dan makna di Jepun bukan sahaja untuk memenuhi kekurangan kosa kata bahasa Jepun, tetapi juga untuk menarik perhatian pembaca. Perkara ini boleh dilihat melalui penggunaan kata pinjaman dalam bahan-bahan bacaan hiburan seperti majalah, novel, iklan dan juga *manga*. Walau bagaimanapun, penggunaan kata pinjaman dalam bahasa Jepun dengan kuantiti yang banyak telah mewujudkan kebimbangan kepada pelbagai pihak. Tambahan pula, kata-kata pinjaman tersebut mengalami perubahan makna disebabkan oleh penyesuaian perkataan-perkataan tersebut terhadap kehidupan masyarakat Jepun (sila rujuk bahagian 1.2 untuk penjelasan lanjut). Berdasarkan kepada keadaan ini, satu penyelidikan telah dijalankan untuk mengkaji kata pinjaman yang diperolehi dari bahasa Inggeris dalam kosa kata bahasa Jepun dan dalam kajian ini pengkhususan diberikan pada aspek semantik.

1.1 Latar Belakang Kata Pinjaman Bahasa Jepun

Kemasukan kata pinjaman bermula seawal abad ke-16 (Yamaguchi Toshiko, 2007). Menurut Crawford (2009), pada abad ke-7 sehinggalah abad ke-13, bahasa Jepun telah mengadaptasi pelbagai jenis perkataan dari bahasa Cina yang dikenali sebagai *Sino-Japanese* dan kemasukan kata pinjaman dalam bahasa Jepun pada awal abad ke-16 terdiri daripada perkataan-perkataan dari stratum bahasa-bahasa di Eropah. Memandangkan kajian ini memberi tumpuan kepada kata pinjaman yang berasal dari bahasa Inggeris, adalah lebih relevan sekiranya sejarah yang dibincangkan menyentuh tentang kemasukan bahasa-bahasa Eropah berbanding bahasa Cina.

Perkataan-perkataan dari bahasa-bahasa Eropah mula diperkenalkan kepada masyarakat Jepun apabila Jepun bertembung secara langsung dengan ketamadunan Eropah (Yamaguchi Toshiko, 2007). Yamaguchi Toshiko (2007) telah membahagikan sejarah kemasukan kata pinjaman bahasa-bahasa Eropah ini kepada 3 fasa iaitu:



Rajah 1.1
Carta Aliran Kemasukan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Jepun

Fasa pertama berlaku seawal tahun 1530an di mana pedagang-pedagang Portugis dan mubaligh-mubaligh Kristian seperti Francis Xavier (1549) menjejakkan kaki di Jepun dengan tujuan untuk berdagang dan menyebarkan agama Kristian (Lovins, 1975). Tambahan pula, Miller (1967) menyatakan bahawa,

The coming of the Portuguese in the mid-sixteenth century brought a flood of new words, most of them related to the material culture of Europe, to which the Japanese upper classes reacted with their customary enthusiasm for the new and the different. (pg. 239-240)

Oleh sebab itu, antara perkataan-perkataan asing yang terawal memasuki kosa kata bahasa Jepun merupakan perkataan yang berasal dari Portugis seperti *tabako* (*tobacco*) yang bermakna rokok dan *kasutera* (*Castella sponge cake*) yang merupakan sejenis kek. Yamaguchi Toshiko (2007) menyatakan bahawa pada waktu itu, kata pinjaman tersebut ditulis dalam tulisan *kanji*. *Kanji* merupakan tulisan bahasa Cina yang telah diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Selain itu, *kanji* juga adalah asas kepada sistem tulisan *hiragana* dan *katakana* dalam bahasa Jepun pada masa ini. Perkataan-perkataan dari bahasa Portugis pada waktu itu ditulis dengan menggunakan *kanji* melalui 2 kaedah (Yamaguchi Toshiko, 2007):

- a. Perkataan dari bahasa Portugis ditulis mengikut sebutannya dalam bahasa Portugis dan disesuaikan dengan sebutan bahasa Jepun menggunakan tulisan *kanji*. Contohnya perkataan *tempura* dalam bahasa Portugis yang bermaksud makanan yang digoreng dan ditulis dengan *kanji* 天麩羅 dalam bahasa Jepun. *Kanji* tersebut tidak membawa makna *tempura* tetapi digunakan hanya untuk mewakili sebutannya sahaja.
- b. Perkataan dari bahasa Portugis ditulis dengan menggunakan makna yang terdapat pada *kanji* dan disesuaikan dengan makna perkataan berkenaan dalam bahasa Portugis. 煙草 yang digunakan untuk mewakili perkataan *tabako* (rokok) terdiri daripada dua *kanji* iaitu 煙 yang bermaksud asap dan 草 yang bermakna rumput atau herba.

Fasa kedua pula berlaku pada era Edo (1600-1868). Pada era ini, ekonomi Jepun berkembang dengan stabil dan hanya pedagang-pedagang dari Cina dan Belanda dibenarkan berlabuh di Pelabuhan Nagasaki, Kyushu disebabkan pelaksanaan Dasar Tertutup oleh kerajaan Jepun (Yamaguchi Toshiko, 2007). Sehingga tahun 1858 iaitu selepas pemansuhan Dasar Tertutup, Jepun telah memperolehi banyak perkataan baru hasil daripada maklumat mengenai ketamadunan Barat yang disalurkan menggunakan bahasa Belanda (Lovins, 1975). Misalnya *garasu* (*glass*) yang bermakna kaca, *penki* (*paint*) yang bermakna cat dan *korera* (*cholera*) yang merupakan kuman yang disebarkan melalui makanan dan minuman.

Pada waktu itu, perkataan-perkataan asing tidak lagi ditulis mengikut sistem *kanji* tetapi menggunakan sistem tulisan baru yang dipanggil *katakana*. *Katakana* juga digunakan dalam urusan-urusan rasmi dan digambarkan sebagai abjad yang mewakili sifat maskulin. Oleh sebab itu, kebanyakan perkataan yang diadaptasi ke dalam bahasa Jepun pada era itu berasal dari bahasa Belanda dan ditulis dalam tulisan *katakana* yang digunakan hingga kini.

Fasa terakhir berlaku pada Era Pemulihan Meiji (*Meiji Restoration Era*). Honna Nobuyuki (1995) telah menyifatkan era ini sebagai era yang penting jika menyentuh tentang pertembungan budaya serta bahasa Anglo-Amerika (seperti bahasa Inggeris) dengan bahasa Jepun. Oleh sebab Jepun berdagang dan menerima maklumat yang pelbagai dari Eropah dan Amerika, perkataan-perkataan dari negara-negara tersebut menyelinap masuk ke dalam kosa kata bahasa Jepun, terutamanya perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang berasal dari Britain dan Amerika (Yamaguchi Toshiko, 2007). Pertembungan antara budaya, kemunculan pengetahuan dan konsep baru serta berlakunya peristiwa-peristiwa bersejarah seperti Perang Dunia Kedua di sepanjang era

ini telah menjadi pemangkin kepada kemasukan kata pinjaman terutamanya bahasa Inggeris (Honna Nobuyuki, 1995).

Walau bagaimanapun, menurut Honna Nobuyuki (1995), Era Pemulihan Meiji berbeza dengan era-era sebelum itu kerana bilangan penterjemahan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun sangat banyak. Ahli cendekiawan pada masa itu mengalami kesukaran untuk mengekspresikan perkataan yang menggambarkan konsep baru ke dalam bahasa Jepun. Seperti *rights*, *modern*, *liberal*, *he* dan *she*. Kebanyakan daripada perkataan-perkataan yang dibawa masuk dari bahasa Inggeris diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. Hasilnya, kata pinjaman tersebut ditulis menggunakan 2 kaedah iaitu:

- a. Menggunakan *katakana* untuk mewakili perkataan asing secara fonetik (bunyi dan sebutan). Contohnya perkataan *democracy* (demokrasi) yang boleh ditulis sebagai *demokurashī*.
- b. Menggunakan *kanji* untuk mewakili perkataan asing secara semantik (makna). Berdasarkan contoh di atas, perkataan *democracy* (demokrasi) juga boleh ditulis sebagai 民主主義 *minshushugi*.

Sehingga kini, penterjemahan antara kedua-dua bahasa ini berlaku dalam bilangan yang sangat besar dalam bahasa Jepun disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh bahasa Inggeris sebagai bahasa global. Crawford (2009) menyatakan bahawa bilangan peminjaman perkataan dari bahasa Inggeris ke bahasa Jepun selama 150 tahun cukup banyak sehingga wujudnya sumber bertulis yang memadai untuk menggambarkan dan membuktikan bagaimana sistem dan peraturan peminjaman perkataan daripada bahasa

Inggeris tercipta. Perkara ini menunjukkan bahawa kewujudan kata pinjaman dalam sistem bahasa Jepun merupakan sesuatu yang perlu diteliti oleh penyelidikan semasa.

Selain itu, peranan kata pinjaman dalam bahasa Jepun sering berubah seiring dengan peralihan zaman. Kemasukan kata pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun suatu masa dahulu bertujuan untuk memenuhi jurang kekurangan perkataan dalam kosa kata bahasa Jepun (Chan, 2003). Namun begitu, kata pinjaman tidak lagi sekadar memenuhi keperluan perkataan sahaja. Kata pinjaman bahasa Inggeris juga digunakan sebagai slanga. Contohnya. Perkataan *mobo* yang berasal dari frasa *modern boy* membawa makna pemuda yang bergaya moden. Peranan-peranan lain yang dimainkan oleh kata pinjaman akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab Kedua.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa kata pinjaman mempunyai sejarah yang sangat panjang. Dalam tempoh kewujudannya, kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun telah melahirkan permasalahan-permasalahan yang menjadi kebimbangan pelbagai pihak. Permasalahan-permasalahan tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bahagian seterusnya.

1.2 Pernyataan Masalah

Kata pinjaman bahasa Inggeris merupakan salah satu isu semasa yang menjadi kebimbangan dalam masyarakat Jepun. Antara sebab utama kemasukan kata pinjaman ini telah menjadi satu permasalahan kepada penutur-penutur bahasa Jepun ialah bilangannya yang begitu banyak dan peningkatan penggunaannya yang drastik. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Honna Nobuyuki (1995),

Many Japanese consider English loan words in Japanese as the most important, serious and grave problem there is to Japanese language today. The reason is simply because people believe in that the influx of a tremendous amount of foreign words into Japanese is an intrusion and will eventually lead to confusion, corruption, and decay of their national language.(p.45)

Malahan, apabila diteliti perbendaharaan kata bahasa Jepun, Honna Nobuyuki (1995) telah membuktikan bahawa:

- a. 10% dari perkataan dalam kamus bahasa Jepun terdiri daripada kata pinjaman.
- b. 13% daripada perkataan dalam perbualan seharian di Jepun terdiri daripada kata pinjaman.
- c. 60%-70% perkataan baru dalam kamus *neologism* bahasa Jepun yang disemak semula setiap tahun berasal dari bahasa Inggeris.

Tambahan pula, *kebanjiran* kata pinjaman ini digunakan secara meluas dalam pelbagai medium dan juga genre. Misalnya dalam papan-papan tanda, iklan-iklan dan juga majalah-majalah (Kuang, 2009). Pelbagai usaha telah dijalankan untuk membendung masalah *kebanjiran* kata pinjaman dalam bahasa Jepun. Di antaranya termasuklah menterjemahkan perkataan-perkataan tersebut ke dalam bahasa Jepun. Contohnya, istilah saintifik *hydrogen* yang telah diterjemahkan dalam bahasa Jepun iaitu *suiso*. Namun begitu, lambakan kata pinjaman yang diserap masuk secara mendadak ini telah menjadi penghalang kepada usaha-usaha ini.

Kebanjiran kata pinjaman ini juga telah membawa kepada pelbagai jenis permasalahan lain. Jüngst (2010) yang telah membuat kajian penterjemahan dari bahasa Jepun ke bahasa Jerman dalam *manga* berpendapat bahawa kata pinjaman dari bahasa Inggeris sering kali digunakan dalam tatabahasa yang salah. Malahan, menurut Hasegawa (2012), peminjaman perkataan tidak berfungsi secara efektif dalam penterjemahan

bahasa Jepun kepada bahasa Inggeris kerana perkataan-perkataan tersebut sukar difahami dan dikenalpasti oleh penutur bahasa Inggeris. Contohnya dalam *manga Doraemon* yang dikaji, *small light* merujuk kepada lampu suluh yang digunakan oleh *Doraemon* untuk mengecilkan saiz badan. Tetapi dalam bahasa Inggeris, *small light* bermakna lampu yang kecil. Lazimnya, dalam bahasa Inggeris, perkataan *small* digantikan dengan *shrinking* yang bermakna mengecil dan *light* boleh digantikan dengan *ray* untuk membentuk frasa yang lebih tepat iaitu *shrinking ray*.

Selain itu, Irwin (2011) telah menyatakan bahawa semasa atau selepas proses pengadaptasian kata pinjaman, perkataan-perkataan ini mungkin mengalami perubahan makna atau *semantic shift*. Perkara ini berlaku kerana dalam proses mengadaptasi perkataan-perkataan asing ke kosa kata bahasa Jepun, terlebih dahulu perkataan-perkataan ini perlu disesuaikan mengikut tatabahasa bahasa Jepun dan persetujuan sosio-budaya masyarakat Jepun (Yamaguchi Toshiko, 2007). Permasalahan timbul apabila perubahan makna yang berlaku pada kata pinjaman ini membawa kekeliruan kepada mereka yang cuba mempelajari bahasa Jepun dan penutur asal bahasa Jepun yang cuba mempelajari bahasa Inggeris (Hara, 2011). Hasegawa (2012) telah melabelkan teknik peminjaman perkataan sebagai *faux amis* atau *false friends* di mana ekspresi yang sama dalam dua bahasa yang berlainan membawa makna yang berbeza. Contohnya, perkataan *baikingu* yang berasal dari perkataan *viking* membawa makna *orang kasar* dalam bahasa Inggeris. Sebaliknya, dalam bahasa Jepun, perkataan *baikingu* membawa makna perkhidmatan makanan buffet.

Didapati bahawa punca berlakunya perkara ini ialah apabila penutur bahasa Jepun dan pelajar bahasa Jepun sudah mengenali perkataan-perkataan tersebut dalam satu konteks bahasa sahaja. Maka mereka akan cuba menerapkan makna perkataan yang sudah

mereka fahami ke dalam proses pembelajaran bahasa mereka tanpa mereka sedari bahawa perkataan-perkataan tersebut sudah mengalami perubahan makna. Contohnya, perkataan *veteran* dalam bahasa Jepun didefinisikan sebagai *pakar dalam sesuatu perkara* berbanding dengan makna asalnya iaitu *bekas tentera* ataupun *seseorang yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam sesuatu perkara* (Honna Nobuyuki, 1995).

Sepertimana bahan bacaan lain, *manga* turut mengalami permasalahan yang sama. Rasionalnya ialah kata pinjaman bahasa Inggeris dalam *manga* juga digunakan untuk sebab yang sama seperti dalam bahan-bahan bacaan lain. Contohnya dalam *manga Doraemon*, perkataan seperti *machine*, *robot* dan *screen* digunakan berulang kali sebagai istilah sains. Tambahan pula, penulis dan pelukis *manga* gemar menggunakan perkataan-perkataan dari bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris (Jüngst, 2010). Perkara ini boleh dilihat dalam tajuk-tajuk *manga* seperti *Fruit Basket*, *Angelic Layers*, *Black Blood Brothers*, *One Piece*, *Bleach*, *Space Dandy*, *Initial D* dan banyak lagi. Antara tujuan utama penggunaan perkataan ini adalah untuk menonjolkan sesuatu yang menarik, original dan baru.

Menurut Crawford (2009), peminjaman perkataan dari bahasa lain ke bahasa yang lain telah menjadi topik yang mendapat perhatian ahli-ahli linguistik setelah sekian lama. Perkara ini berlaku kerana sejarah kata pinjaman yang lama sebagaimana yang diutarakan oleh Lovins (1975),

Wholesale borrowing of foreign terminology is not just a recent phenomenon in Japanese. (pg.3)

Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian dijalankan untuk mendalami dan memahami kata pinjaman dalam *manga*. Menurut Hara (2011),

However, it seems that detailed and empirical studies have not been completed concerning this (loanwords) semantic change. (pg.3)

Selain itu, Jüingst (2010) menyatakan bahawa kekurangan kajian mengenai *manga* adalah satu perkara yang mengejutkan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh perspektif masyarakat yang melihat perbuatan membaca *manga* sebagai sub-budaya kecil yang boleh diabaikan. Keadaan ini boleh diperhatikan terutama pada masyarakat di luar Jepun. Malahan, di Malaysia sekalipun, *manga* masih tidak mendapat perhatian ramai pengkaji dalam bidang semantik mahupun kata pinjaman.

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa permasalahan mengenai kata pinjaman dalam *manga* adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian. *Kebanjiran* kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun merupakan satu isu yang telah berlaku sekian lama dan semakin berkembang dengan cepat. Masalah ini bertambah sukar apabila makna yang dibawa oleh perkataan-perkataan ini mengelirukan disebabkan perbezaan makna dari bahasa Inggeris dengan makna dalam bahasa Jepun selepas diadaptasi. Tambahan pula, tidak banyak kajian dalam bidang ini yang memfokuskan penyelidikan terhadap *manga*. Bertitik tolak daripada hal ini, satu penyelidikan harus dijalankan untuk melihat sejauhmana *kebanjiran* kata pinjaman ini dalam *manga* dan apakah perubahan makna yang dibawa oleh perkataan-perkataan ini.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, kajian ini cuba mencapai dua objektif utama berikut:

- a. Melihat kekerapan dan bilangan kata nama pinjaman dalam *manga*.
- b. Mengkaji aspek peluasan makna, pengurangan makna dan pemilikan makna baru yang dibawa oleh kata nama pinjaman dalam *manga*.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam mencapai kedua-dua objektif kajian di atas, kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan utama berikut:

- a. Berapa kekerapan dan bilangan kata nama pinjaman dalam *manga*?
- b. Bagaimana kata nama pinjaman yang digunakan di dalam *manga* mengalami peluasan makna, pengurangan makna dan pemilikan makna baru?

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif dan persoalan-persoalan yang dikemukakan, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan dan maklumat oleh para pengkaji pada masa akan datang dalam bidang kata pinjaman, semantik dan bahasa Jepun untuk menjalankan kajian yang lebih efektif. Di samping itu, kajian ini juga akan menambah jumlah kajian yang sedia ada dalam bidang-bidang berkaitan. Lanjutan daripada itu, kajian ini akan menjadi pemangkin kepada kajian-kajian sepertinya pada masa akan datang terutamanya di Universiti Malaya.

Selain itu, kajian ini juga boleh digunakan oleh guru-guru atau pensyarah-pensyarah yang mengajar bahasa Jepun atau linguistik terutamanya bidang semantik sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran mereka. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran tentang penggunaan kata pinjaman, bentuk-bentuk kata pinjaman secara leksikologi, perubahan makna dan juga cara pertuturan seharian masyarakat Jepun dalam bidang budaya Jepun. Dapatan kajian ini juga boleh digunakan sebagai contoh dalam pengajaran mahupun tesis yang berkaitan dengan bahasa Jepun, semantik dan leksikologi. Sehubungan dengan itu, pelajar juga boleh menggunakan kajian ini sebagai

bahan bacaan dalam mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Penyelidikan ini juga boleh menjadi satu landasan untuk para pelajar menyedari *kebanjiran* perkataan asing atau kata pinjaman dalam bahasa Jepun.

Bagi masyarakat umum, kajian ini boleh membantu memahami keadaan semasa bahasa Jepun. Di samping itu, penyelidikan ini juga boleh membina satu platform untuk masyarakat di Malaysia berfikir mengenai keadaan bahasa mereka sendiri. Data yang diperolehi dalam kajian ini mampu menjadi pemangkin kesedaran mengenai pengaruh bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain ke dalam bahasa tempatan yang semakin berleluasa pada masa kini.

Kesimpulannya, diharapkan kajian ini akan menjadi pemangkin kepada perkembangan bidang semantik dan secara amnya, bidang linguistik di Malaysia. Selain menimbulkan minat terhadap bahasa Jepun, diharap kajian ini juga dapat menjadi karya ilmiah yang memupuk sikap sayangkan keindahan bahasa Melayu melalui pengetahuan mengenai bahasa asing.

1.6 Batasan Kajian

Bagi memperoleh data yang lebih jitu, kajian ini perlu membataskan beberapa perkara. Pertama, kajian ini dijalankan dengan menggunakan 5 buah *manga* bersiri *Doraemon* yang berbahasa Jepun bertajuk *Daichouhen Doraemon* sahaja. *Manga* yang digunakan bermula dari jilid 20 sehingga jilid 24 kerana jilid-jilid ini merupakan jilid terkini bagi siri *manga Doraemon*. Siri *manga* ini dipilih kerana bahasa yang digunakan mudah dan senang difahami. Selain itu, *manga* ini mengandungi dialog-dialog dengan istilah-istilah sains dan teknologi yang kebanyakannya dalam bentuk kata pinjaman bahasa

Inggeris serta bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Jepun. Faktor ini bersesuaian dengan keadaan globalisasi semasa yang membabitkan banyak perkara tentang sains dan teknologi. Namun begitu, kajian ini memberi fokus kepada istilah-istilah sains dan teknologi yang kerap digunakan sebagai perkataan seharian. Oleh disebabkan itu, *manga* ini dipilih sebagai bahan kajian untuk penyelidikan ini.

Kedua, kajian ini hanya akan tertumpu kepada kata tunggal dan perkataan dalam kehidupan seharian. Kata pinjaman yang berbentuk frasa atau ayat tidak diteliti dalam kajian ini kerana frasa dan ayat memerlukan penelitian semantik yang berbeza. Tambahan pula, kajian terhadap ayat dan frasa memerlukan penelitian secara tatabahasa untuk mendalami makna. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kajian terhadap kata tunggal untuk mengelakkan gangguan secara tatabahasa pada kajian makna. Hanya tiga jenis golongan kata difokuskan dalam kajian ini iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif untuk kajian secara kuantitatif.

Bagi analisis kuantitatif, hanya tiga jenis golongan kata sahaja yang dipilih iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Kata kerja dan kata adjektif dikumpulkan secara statistik dan dibandingkan dengan kekerapan dan bilangan kata nama untuk melihat dan menunjukkan signifikan kata nama dalam *manga*. Tiga golongan kata ini dipilih kerana tiga golongan kata ini merupakan golongan kata asas dalam bahasa Jepun. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Thaiyibah dan Kami (1997) di mana antara golongan kata utama untuk asas pembentukan ayat dasar bahasa Jepun ialah kata nama, kata kerja, kata adjektif *i* dan kata adjektif *na*.

Dan hanya golongan kata nama sahaja yang dianalisis secara semantik kerana terdapat beberapa dakwaan bahawa majoriti daripada kata pinjaman terdiri daripada kata nama.

Antaranya ialah Oshima (2002) yang mendapati bahawa 68.5% daripada 979 kata pinjaman yang diperolehinya merupakan kata nama. Kekerapan dan bilangan kata kerja pinjaman dan kata adjektif pinjaman dibandingkan dengan kekerapan dan bilangan kata nama pinjaman untuk menunjukkan signifikan kata nama pinjaman dalam *manga* yang dikaji. Lanjutan daripada itu, hanya makna perkataan secara kamus diteliti dalam kajian ini. Tambahan pula, kajian ini menyelidik aspek tiga perubahan makna (semantik) sahaja iaitu:

- a. Kata pinjaman yang mengalami peluasan makna
- b. Kata pinjaman yang mengalami pengurangan makna
- c. Kata pinjaman yang mengalami pemilikan makna baru

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini melibatkan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif. Analisis dapatan secara kualitatif kajian ini dijalankan berlandaskan Teori Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) yang menggunakan jadual untuk meneliti komponen semantik. Komponen semantik yang dipilih pula berdasarkan makna perkataan dalam bentuk kata nama sahaja dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Jadual tersebut diubahsuai mengikut keperluan dalam kajian ini. Manakala, kajian secara kuantitatif yang dijalankan ke atas untuk melihat kriteria-kriteria berikut:

- a. Peratusan Golongan Kata (Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Adjektif).
- b. Purata Kata Pinjaman Bahasa Inggeris.

Akhir sekali, kriteria-kriteria di atas diwakili oleh jadual dan graf dari *Microsoft Excel* untuk memudahkan analisis dan perbincangan dapatan kajian. Kajian kuantitatif dijalankan untuk melihat bilangan dan kekerapan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam

bahasa Jepun yang berbentuk kata tunggal. Sementara, kajian kualitatif dijalankan untuk melihat corak perubahan makna dalam kata pinjaman. Bagi memahami dengan lebih mendalam tentang kajian ini, sejarah ringkas *manga* dan sinopsis *manga Doraemon* perlu difahami terlebih dahulu.

1.7 Sejarah Ringkas Komik Jepun (*Manga*)

Manga merupakan komik yang dihasilkan di oleh pelukis Jepun dengan teknik lukisan yang tersendiri. Gravett (2004) mendefinisikan *manga* sebagai komik yang dicipta di Jepun atau oleh orang Jepun yang terdiri daripada gaya lukisan yang dikembangkan pada lewat tahun 90an. Menurut Yukiko Sakata (2000) pula, *manga* membawa makna sebagai lukisan yang memaparkan perkara lucu, sindiran dan sebagainya, menggunakan lakaran-lakaran mudah. Tambah Yukiko Sakata (2000) lagi, *manga* mengandungi jalan cerita bergambar dengan menggunakan lukisan-lukisan ringkas dan dialog-dialog yang pendek. Perkataan *manga* telah diperkenalkan bagi merujuk kepada semua jenis lukisan komik di Jepun pada sekitar tahun 1890an, Namun begitu, sejarah *manga* bermula lebih awal dari itu.

Pada abad ke-12, terdapat sejenis lukisan yang dilukis di atas skrol kertas sepanjang 6 meter. Lukisan-lukisan ini menceritakan tentang lagenda, peperangan dan juga kehidupan seharian secara kronologi (Gravett, 2004). Skrol kertas tersebut disebut sebagai *Choujuugiga* (Schodt, 1996). Antara karya terkenal pada zaman itu ialah lukisan-lukisan oleh seorang sami bernama Toba yang cuba mengkritik sami-sami pada waktu itu melalui watak-watak arnab, monyet, musang dan katak. Skrol lukisan ini dikatakan sebagai pencetus minat masyarakat Jepun terhadap lukisan. Perkara ini juga menjadi asas kepada apa yang dipanggil *manga* pada hari ini.

Selepas sistem percetakan bongkah kayu dicipta, lukisan-lukisan yang dipanggil *kibyoushi* atau dikenali sebagai *yellow-jacket books* mula dicetak dalam kuantiti yang banyak menggunakan 15 warna yang berlainan (Gravett, 2004). *Kibyoushi* merupakan buku dengan kulit kuning yang mengandungi cetakan monokrom dan disertakan dengan petikan-petikan cerita (Schodt, 1983). Lazimnya buku-buku ini dicetak dalam bentuk siri dan merupakan bahan bacaan yang terkenal di Edo (nama lama bagi Tokyo) dan Osaka pada masa itu.

Manga yang dikenali pada zaman kini dibentuk dan dikembangkan pada zaman Pemulihan Meiji. Pada zaman tersebut, *manga* telah mula menerima idea-idea dari Barat. Antara pengaruh awal yang diterima oleh *manga* pada zaman tersebut ialah komik politik dalam satu bingkai kotak (*single-frame*) (Gravett, 2004). Selepas itu, *manga* mula mengadaptasi pelbagai penggunaan kotak panel dalam lukisannya yang disertakan dengan belon-belon dialog. Kaedah ini dibawa masuk buat pertama kalinya ke Jepun oleh George McManus dengan karyanya *Bringing Up Father* (Schodt, 1996).

Menurut Schodt (1996) ledakan kreativiti *manga* berlaku pada sekitar era pasca peperangan iaitu tempoh di antara Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Pada waktu ini, karya Osamu Tezuka yang bertajuk *Astroboy* dan karya Machiko Hasegawa yang bertajuk *Sazae-san* mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di dalam dan di luar Jepun. Tambah Schodt (1996) lagi, karya-karya Osamu Tezuka menjadi asas dan inspirasi kepada lukisan bermata besar *manga* kini. Disebabkan oleh karya-karyanya yang inovatif dan unik, Osamu Tezuka digelar sebagai *The Father Of Manga*. Antara karya-karyanya yang terkenal ialah *Astroboy*, *Kimba The White Lion* dan *Black Jack*.

Berlainan dengan Amerika yang menghasilkan komik pertama mereka dalam bentuk majalah yang nipis, buku komik pertama di Jepun merupakan buku dengan kulit keras dan tebal yang diterbitkan untuk kedua-dua kanak-kanak lelaki dan perempuan (Schodt, 1996). Namun begitu, untuk menerbitkan *manga* dalam bentuk siri, siri *manga* tersebut terlebih dahulu dicetak bersama pelbagai siri komik lain dalam satu buku cetakan seperti majalah *Jump!*. Kemudian, semua siri dari *manga* yang terbabit dikumpulkan untuk menghasilkan bukunya yang tersendiri.

Pada era ini, *manga* bukan sahaja diminati di Jepun sahaja, malahan di seluruh dunia. *Manga* telah tersebar secara meluas ke Amerika, Asia dan majoriti negara Eropah. Pada tahun 2004 sahaja, terdapat 297 jenis majalah komik di Jepun yang diterbitkan dan telah dianggarkan sebanyak 1,134,000,000 naskah *manga* telah dihasilkan (Kinko Ito, 2008). *Manga* bukan sahaja wujud dalam bentuk bercetak, buku-buku ini juga boleh didapati secara talian, melalui telefon bimbit dan sebagainya. Selain itu, *manga* wujud dalam pelbagai genre yang menarik minat bukan sahaja semua lapisan umur, malahan semua orang dari tahap pendidikan yang berbeza untuk membacanya.

Kesimpulannya, *manga* sudah menjadi sebahagian daripada kebudayaan masyarakat di Jepun disebabkan oleh sejarahnya yang sudah sebatih dengan kehidupan seharian masyarakat tempatannya dan peranan besar yang dimainkan sepanjang peredaran masa. Malahan, *manga* juga sudah mula mengambil tempat dalam hati masyarakat global terutamanya bagi generasi muda. Oleh sebab itu, tidaklah keterlaluan untuk dinyatakan bahawa tidak lengkap pemahaman seseorang mengenai budaya semasa Jepun sekiranya mereka tidak mengenali peranan yang dimainkan oleh *manga* dalam masyarakat Jepun (Schodt, 1996).

1.7.1 Manga Doraemon

Manga Doraemon merupakan sebuah komik yang berasal dari Jepun. *Manga* ini dilukis oleh dua orang pelukis iaitu Hiroshi Fujimoto dan Motō Abiko yang digelar Fujio Fujiko dan diterbitkan oleh Shōgakukan. Selepas kematian Hiroshi Fujimoto akibat kanser hati pada tahun 1996, siri *manga* ini diteruskan oleh anak-anak didik Fujio Fujiko. Sepanjang penerbitan *manga* ini yang bermula dari tahun 1969, sebanyak 45 buah *manga* berjaya dihasilkan. Selepas kematian pelukis *Doraemon* pada tahun 2005 hingga 2014, Shōgakukan telah menambah 6 buah *manga* lagi yang dinamakan sebagai *Doraemon Plus*. Jilid ke-6 bagi siri ini telah diterbitkan pada Disember 2014 oleh *Tentōmushi Comics* untuk meraikan hari kelahiran pelukis-pelukisnya yang ke-80 (Macdonald (Ed.), 2014).

Manga Doraemon berkisar tentang seorang budak lelaki yang bernama Nobita. Nobita merupakan seorang kanak-kanak yang malas, lemah dan suka bermain-main. Sikapnya itu menyebabkan dia sering kali mengalami pelbagai masalah dan selalu dibuli oleh rakan-rakannya. Oleh disebabkan itu, cucu Nobita dari masa hadapan datang berjumpa dengannya dan menghadiahkan sebuah robot biru yang bernama *Doraemon*. *Doraemon* ialah sebuah robot yang baik hati, berani, pandai dan penyayang. Dia tinggal bersama keluarga Nobita dan gemar makan kuih dengan inti kacang merah bernama *Dorayaki*. *Doraemon* memiliki pelbagai jenis alat dan mesin dari masa hadapan. Semua alat dan mesin tersebut disimpan dalam poket ajaib milik *Doraemon*. Dengan menggunakan alat dan mesin tersebut, *Doraemon* sering kali membantu Nobita yang sentiasa bernasib malang. Walau bagaimanapun, Nobita selalu menyalahgunakan bantuan yang dihulurkan oleh *Doraemon*.

Nobita mempunyai 3 orang rakan yang sering bermain dengannya. Shizuka merupakan seorang budak perempuan yang comel, pandai dan baik hati. Dia sering membantu Nobita dengan kerja rumahnya. Giant pula seorang budak lelaki yang gemuk dan kuat. Dia gemar membuli sesiapa sahaja yang lemah daripadanya. Giant gemar menyanyi walaupun suaranya tidak merdu dan dibenci rakan-rakannya. Nobita sering dibuli oleh Giant kerana sifatnya yang penakut dan lemah. Suneo ialah seorang budak lelaki yang pentingkan diri sendiri, licik dan penakut. Dia sering mendampingi Giant dan suka membuli Nobita. Disebabkan dia berasal dari keluarga yang kaya, Suneo memiliki pelbagai jenis alat permainan yang dicemburui oleh Nobita. Walaupun rakan-rakan Nobita sering membulinya, adakalanya Nobita akan membantu rakan-rakannya dengan alat-alat yang dimiliki oleh *Doraemon*. Cerita ini penuh dengan nilai-nilai moral yang sesuai untuk tatapan semua lapisan umur.

1.8 Kesimpulan

Akhir sekali, boleh disimpulkannya bahawa bab ini memberi gambaran dan idea ringkas mengenai skop kajian yang dijalankan. Penekanan diberikan kepada dua objektif dan persoalan kajian sebagai teras utama penyelidikan ini. Selain itu, bab ini juga menjelaskan bahawa *kebanjiran* kata pinjaman dalam bahasa Jepun menjadi permasalahan utama dalam penyelidikan ini. Di samping itu, kajian ini dijalankan pada 5 buah *manga Daichouhen Doraemon* sahaja menggunakan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif. Hanya kata tunggal sahaja yang dipilih sebagai data dan tiga jenis perubahan makna sahaja yang dikaji pada bahagian kualitatif. Akhir sekali, data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan 2 objektif kajian iaitu kekerapan kata pinjaman dan perubahan makna yang dialami.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.0 Pendahuluan

Kajian kepustakaan merupakan satu rumusan bertulis mengenai artikel-artikel jurnal, buku-buku dan juga dokumen-dokumen lain yang menggambarkan keadaan semasa mahupun keadaan terdahulu berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan (Creswell, 2012). Dalam bab ini, kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan ini dibincangkan dengan lebih terperinci. Melalui bab ini juga penerangan lanjut mengenai kata-kata kunci yang berkaitan dengan kajian ini untuk memudahkan para pembaca memahami bab-bab seterusnya dan untuk menambah pengetahuan mengenai bidang yang berkaitan dengan kajian ini.

2.1 Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Jepun

Peminjaman perkataan merupakan hasil pertembungan budaya di antara dua komuniti bahasa yang berlainan. Menurut Fromkin et al. (2011) peminjaman perkataan berlaku apabila sesuatu bahasa menambah satu perkataan atau morfem dari bahasa lain ke dalam leksikonnya. Namun begitu, keadaan ini selalunya berlaku secara asimetri di mana lebih banyak perkataan dipinjam dari satu bahasa berbanding bahasa yang satu lagi (Kemmer, 2013). Proses peminjaman perkataan yang sebenar merupakan satu proses yang kompleks serta melibatkan pelbagai faktor dan elemen. Penutur-penutur bahasa asal (dalam kes ini, penutur-penutur bahasa Jepun) harus mempunyai pengetahuan atau penguasaan bahasa lain (bahasa Inggeris) yang cukup bagus untuk proses itu berlaku.

Kemmer (2013) menjelaskan bahawa perkataan *loan* dalam *loanword* yang bermaksud *pinjam* hanyalah sekadar satu metafora kerana secara realitinya, tiada proses peminjaman dan pemulangan secara literal berlaku. Disebabkan itu, pada tahap permulaan berlakunya proses peminjaman perkataan bahasa lain, perkataan-perkataan tersebut dikenali sebagai *foreign word* atau perkataan asing kerana perkataan-perkataan tersebut masih tidak dikenali oleh penutur-penutur bahasa peminjam. Apabila suatu keperluan dalam komunikasi boleh dipenuhi oleh perkataan dari bahasa lain dengan lebih efektif, pengadaptasian kata pinjaman akan menjadi satu strategi yang membenarkan penutur menyampaikan sesuatu dengan mudah (Kuang, 2009).

Kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun memainkan pelbagai peranan penting yang tersendiri secara negatif mahupun positif. Peranan-peranan kata pinjaman ini berubah seiringan dengan peredaran zaman. Walau bagaimanapun, asal-usul secara terperinci kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun masih tidak diketahui dengan jelas. Perkara ini berlaku kerana proses peminjaman perkataan dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun merupakan satu proses yang memakan masa yang lama dan kompleks.

2.1.1 Peranan Kata Pinjaman dalam Bahasa Jepun

Menurut Honna Nobuyuki (1995), terdapat empat fungsi atau peranan yang dimainkan oleh kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun iaitu:

a. Sebagai istilah teknikal

Pelbagai jenis perkataan telah dibawa masuk dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun sebagai terminologi dalam bidang-bidang tertentu seperti sains dan teknologi, fesyen, pendidikan, hiburan dan banyak lagi. Istilah-istilah dari kata pinjaman bahasa Inggeris ini bukan sahaja digunakan secara professional, malahan juga diadaptasi oleh masyarakat umum kerana informasi sains dan teknologi merupakan satu keperluan dalam masyarakat Jepun (Ishikawa, 1985). Contohnya, *input*, *output*, *girly*, *networking* dan *server*. Dewasa ini, istilah atau terminologi mudah didapati dalam perbualan seharian sebagaimana maklumat teknikal mampu diperolehi oleh masyarakat Jepun melalui media-media (Shimada, 2003).

b. Sebagai perkataan baru atau makna baru yang menggambarkan benda, konsep, peristiwa, pergerakan dan keadaan yang baru atau pseudo/separa baru

Sebagaimana yang dapat dilihat dalam sejarah kata pinjaman, perkataan jenis ini telah banyak membantu penterjemah dan penutur-penutur bahasa Jepun dalam memperkenalkan dan mengekspresikan sesuatu yang baru dan yang berada di luar konsep kebudayaan masyarakat di Jepun. Contoh kata pinjaman seperti ini boleh dilihat dalam aspek makanan Barat seperti perkataan マスタード *masutādo* yang berasal dari perkataan *mustard*, マフィン *mafin* yang berasal dari perkataan *muffin*, ケーキ *kēki* yang bermakna *cake* dan チョコレート *chokorēto* yang bererti *chocolate*. Pada asalnya, makanan ini tidak terdapat di Jepun tetapi selepas diperkenalkan, perkataan-perkataan ini menjadi sehati dengan kehidupan masyarakatnya.

c. Sebagai perkataan yang dicipta untuk memberikan imej baru kepada perkara atau benda lama.

Kata pinjaman juga dicipta berdasarkan perkataan bahasa Inggeris untuk menonjolkan imej baru atau kelainan pada perkara lama. Selalunya, imej baru yang dibawa menggambarkan konsep dari Barat. Penggunaan kata pinjaman dalam kes seperti ini adalah untuk memperlihatkan dua perbezaan konsep Barat dan konsep Jepun dalam satu perkara yang sama. Contohnya, *ribingu rūmu (living room)* mempunyai perbezaan yang sedikit berbanding dengan perkataan yang sinonim dengannya, *chanoma*. Perkataan *chanoma* membawa imej ruang tamu tradisional manakala *ribingu ruumu* merujuk kepada ruang tamu rumah moden di Jepun. Loveday (1996) menjelaskan bahawa perkara ini menggambarkan proses pemodenan Barat dalam masyarakat Jepun dan kewujudan kedua-dua perkataan tidak bercanggah, malahan wujud seiring dalam kosa kata bahasa Jepun.

d. Sebagai *euphemism*.

Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (2008), *euphemism* didefinisikan sebagai perkataan atau frasa yang membawa makna secara tidak langsung dan digunakan untuk merujuk sesuatu yang memalukan dan tidak selesa dengan tujuan untuk menjadikan sesuatu lebih mudah diterima. Manakala, Fromkin et al. (2011) menjelaskan *euphemism* sebagai perkataan atau frasa yang menggantikan perkataan *taboo* atau terlarang, atau digunakan untuk mengelakkan topik yang menakutkan atau kurang menyenangkan. Honna Nobuyuki (1995) dan Shimada (2003) telah menyatakan bahawa penambahan pengetahuan mengenai bahasa Inggeris oleh penutur-penutur bahasa Jepun membolehkan mereka menyampaikan makna sesuatu yang berunsurkan seksual, hipokrit, kurang menyenangkan dan memperdayakan secara tidak langsung

(*euphemism*). Kahru (1986) telah menyifatkan strategi linguistik ini sebagai *neutralization* di mana sesuatu disampaikan atau diekspresikan secara tidak langsung. Contohnya, perkataan *shakkin* yang bermakna pinjaman kewangan. Perkataan tersebut telah digantikan dengan perkataan *loan*. Selepas peperangan di Jepun, perbelanjaan yang melebihi pendapatan dikira sebagai satu perbuatan yang tidak beretika. Dan oleh sebab itu, perkataan *shakkin* yang membawa imej kejatuhan ekonomi dan perbuatan tidak bermoral digantikan dengan perkataan *loan*.

2.1.2 Sebab-Sebab Pengadaptasian Kata Pinjaman dalam Bahasa Jepun

Kuang (2009) telah menyenaraikan enam faktor yang menjadi sebab pengadaptasian perkataan bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun sebagai kata pinjaman iaitu:

a. Untuk menonjolkan tahap pengetahuan atau pendidikan yang tinggi

Perkataan-perkataan bahasa Inggeris dikatakan menggambarkan sesuatu yang baru, moden, sofistikated atau intelektual yang menyebabkan ramai penutur bahasa Jepun lebih menggemari perkataan-perkataan bahasa Inggeris (Taylor dan Taylor, 1995; Kuang, 2009). Tambahan pula, penutur asal bahasa Jepun yang mempunyai kebolehan berbahasa asing (dalam kes ini bahasa Inggeris) dipandang tinggi oleh orang lain walaupun pada jangka masa yang pendek (Kuang, 2009). Disebabkan itu, ramai daripada penutur-penutur bahasa Jepun ini lebih memilih untuk menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam perbualan seharian mereka bagi menunjukkan darjat, pangkat dan status sosial mereka. Perkara ini disokong oleh Sakagami (2000) yang menyatakan bahawa bahasa Inggeris mampu menonjolkan sesuatu penulisan atau

perbualan dengan memberi sentuhan prestij, darjat, original, unik atau glamor untuk menjadikan penyampaian lebih bergaya dan bersifat kosmopolitan.

b. Untuk memenuhi keperluan dalam kosa kata bahasa Jepun

Seperti yang disebut oleh Honna Nobuyuki (1995), kata pinjaman bahasa Inggeris digunakan untuk menggambarkan perkara-perkara dan konsep-konsep baru yang masuk ke dalam masyarakat Jepun. Hal ini berlaku apabila tiada perkataan yang sesuai dalam bahasa Jepun yang mampu mengekspresikan sesuatu. Oleh itu, antara jalan penyelesaiannya ialah untuk menggunakan perkataan dari bahasa lain bagi memenuhi keperluan berbahasa sama ada oral mahupun bertulis (dalam kes ini bahasa Inggeris) (Loveday, 1996; Ishiwata, 1985). Ono (1993) menjelaskan bahawa sesetengah kata pinjaman diadaptasi disebabkan oleh maknanya yang luas berbanding makna dalam perkataan asal. Sakagami (2000) memberi contoh melalui perbandingan makna perkataan *bīfu* dari perkataan *beef* dan *gyūniku* di mana perkataan *gyūniku* lebih merujuk kepada daging yang sudah dimasak manakala *bīfu* membawa makna kedua-dua daging mentah dan daging yang sudah dimasak.

c. Untuk menunjukkan perkara baru, terkini, original atau luarbiasa

Globalisasi telah membolehkan penutur-penutur bahasa Jepun menerima maklumat dan pengetahuan dari serata dunia. Kemasukan perkara dan konsep baru, terkini, luar biasa serta berlainan dari kebiasaan ke dalam kehidupan rakyat Jepun merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan mengekspresi perkara-perkara tersebut secara linguistik, penutur-penutur bahasa Jepun telah mengadaptasi

perkataan dari bahasa lain. Contohnya, seperti penyakit influenza H1N1, sensasi dunia hiburan Korea yang mencipta perkataan *K-pop wave* dan sebagainya.

d. Untuk merujuk sesuatu yang terlarang atau perkara yang tidak diterima masyarakat. (*Taboo*)

Oxford Advanced Learner's Dictionary (2008) mendefinisikan *taboo* sebagai perkara yang dilarang oleh budaya atau agama kerana perkara tersebut bersifat memalukan atau melukakan seseorang. Contohnya, dalam masyarakat Melayu, perkara mengenai seks merupakan perkara yang tidak dibincangkan secara terbuka dan dipandang negatif. Sebagaimana yang diutarakan oleh Honna Nobuyuki (1995), kata pinjaman bahasa Inggeris dilihat sebagai salah satu kaedah yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu secara tidak langsung (*euphemism*). Menurut Azuma (1996) pula, dalam kes tertentu, kata pinjaman memainkan peranan sebagai satu bentuk strategi kesopanan. Contohnya, frasa *love hotel* dalam bahasa Jepun merujuk kepada hotel yang dikhaskan untuk pasangan melakukan aktiviti seksual. Namun begitu, perkataan tersebut tidak membawa makna yang sedemikian dalam bahasa Inggeris.

e. Mengalami perubahan model bertutur

Menurut Hymes (1974), model bertutur atau *speaking models* merujuk kepada 8 perkara iaitu:

- a. Keadaan dan persekitaran (*setting and scene*)
- b. Peserta (*participants*)
- c. Objektif atau tujuan dan keputusan (*ends*)
- d. Aturan perlakuan (*acts sequence*)

- e. Intonasi dan semangat (*key*)
- f. Gaya bertutur (*instrumentalities*)
- g. Kebiasaan dalam masyarakat sekeliling (*norms*)
- h. Genre

Berdasarkan model pertuturan oleh Hymes (1974), Kuang (2009) telah menjelaskan bahawa terdapat penutur-penutur bahasa Jepun yang mengalami pelbagai jenis model pertuturan (*speaking models*) semasa berinteraksi dan mempengaruhi pertuturan mereka. Sepanjang proses tersebut, mereka mungkin memperolehi perkataan baru yang kemudian dikenali sebagai kata pinjaman dalam bahasa Jepun dari model pertuturan tertentu. Perkataan-perkataan tersebut secara tidak sedar kerap digunakan dan menjadi sebahagian dari kebiasaan semasa bertutur bahasa Jepun.

f. Kuasa ekonomi dan teknologi dalam bahasa

Perkembangan ekonomi, sains dan teknologi yang pesat di Barat menjadikan bahasa Inggeris bukan sahaja bahasa inovasi, malahan bahasa ekonomi dan perdagangan dunia. Revolusi perindustrian dan ledakan zaman penemuan sains telah memaksa dunia untuk berhubung antara satu sama lain di bawah satu bahasa iaitu bahasa Inggeris. Tambahan pula, pada era globalisasi ini, keperluan pertukaran maklumat dengan pantas telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai satu medium yang penting dalam melakukan urusan-urusan seperti perniagaan, perdagangan, akademik dan juga diplomatik. Oleh disebabkan itu, bahasa Jepun telah mengadaptasi perkataan-perkataan dari bahasa ini dan dijadikan kata pinjaman kerana kuasa bahasa Inggeris dalam bidang teknologi dan ekonomi.

2.1.3 Pemangkin-pemangkin Pengadaptasian Kata Pinjaman

Kata pinjaman tersebut tidak semestinya dibawa masuk oleh penutur-penutur bahasa asing. Mutsukawa (2006) menyatakan bahawa kata pinjaman bahasa Inggeris diperkenalkan oleh penutur-penutur bahasa Jepun yang berkebolehan menutur bahasa Inggeris. Rasional berlakunya perkara ini terletak pada sistem pendidikan Jepun yang mewajibkan rakyat Jepun mempelajari bahasa Inggeris pada peringkat sekolah menengah. Honna Nobuyuki (1995) telah menyatakan bahawa terdapat tiga pemangkin kepada penyebaran kata pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun iaitu:

a. *Katakana* dan *romaji* sebagai sistem tulisan dan ejaan perkataan-perkataan asing

Seperti yang diterangkan pada bab satu, bahasa Jepun mempunyai 4 sistem tulisan iaitu *hiragana*, *katakana*, *kanji* dan *romaji*. *Katakana* dan *romaji* merupakan sistem tulisan yang dikhaskan untuk menulis perkataan-perkataan yang berasal dari bahasa asing terutamanya kata pinjaman bahasa Inggeris. Dengan kewujudan sistem tulisan ini, kata pinjaman atau perkataan-perkataan asing boleh diserap masuk ke dalam bahasa Jepun bila-bila masa sahaja setelah perkataan-perkataan tersebut diterima oleh penutur-penuturnya.

b. Penggunaan *kanji* yang terhad

Sejurus selepas Perang Pasifik, sistem tulisan *kanji* telah banyak digunakan dalam slogan-slogan ketenteraan Jepun. Walau bagaimanapun, apabila peperangan berakhir, sistem tulisan ini banyak menerima kritikan negatif dan dikatakan sebagai ketinggalan zaman. Ibu pejabat *American Occupation Force* telah mengarahkan kerajaan Jepun

supaya menghapuskan *kanji*. Kemudian, sistem tulisan *romaji* diperkenalkan dengan rasional untuk memudahkan pelajar-pelajar Jepun memberikan tumpuan kepada subjek-subjek lain. Tetapi, Kounsel Bahasa Kebangsaan Jepun tidak mahu menghapuskan *kanji* sepenuhnya lalu memperkenalkan had penggunaan *kanji* dalam kehidupan seharian masyarakat Jepun seperti dalam surat khabar dan buku.

Dengan itu, pada tahun 1948, bilangan *kanji* yang perlu dipelajari oleh pelajar bahasa Jepun dan pelajar bahasa Jepun sebagai bahasa asing dihadkan kepada 1850 huruf sahaja. Kini, bilangan *kanji* tersebut telah dinaikkan kepada 1926 huruf selepas sistem Peperiksaan Kemahiran Bahasa Jepun (Nihongo Noryouku Shiken) baru diperkenalkan pada tahun 2009 (*Japanese Education Exchange and Services*, 2009). Pada asalnya, tujuan utama bilangan *kanji* dihadkan adalah bagi memudahkan penyampaian maklumat. Namun begitu, dengan berbuat demikian, fleksibiliti penggunaan sistem tulisan bahasa Jepun telah dihadkan dan perkara ini memberi peluang kepada perkataan-perkataan dari bahasa Inggeris untuk memenuhi jurang kekurangan kosa kata tersebut.

c. Bahasa Inggeris sebagai matapelajaran wajib dalam sistem pendidikan Jepun [sepertimana yang dinyatakan oleh Mutsukawa (2006)]

Pada tahun 1967, kerajaan Jepun telah mewajibkan subjek bahasa Inggeris dalam sistem pendidikannya bermula pada peringkat menengah rendah. Namun begitu, langkah tersebut kurang berjaya apabila majoriti rakyat Jepun masih tidak berkebolehan untuk menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Rasional keadaan ini ialah (Honma Nobuyuki, 1995):


- a. Masyarakat Jepun tidak berpeluang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa dan perkara ini telah melemahkan motivasi pelajar dalam memahirkan diri bertutur bahasa Inggeris.
- b. Objektif program pengajaran Bahasa Inggeris yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan Jepun tidak realistik iaitu untuk memiliki kemahiran berbahasa Inggeris sebagaimana penutur asal bahasa Inggeris.

Disebabkan kegagalan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan di Jepun, pelajar-pelajar yang terbabit dengan subjek tersebut mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris walaupun memiliki pengetahuan mengenai bahasa tersebut. Perkara ini telah mendorong pelajar-pelajar tersebut untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam bahasa Jepun lalu mewujudkan perkataan-perkataan yang dikenali sebagai kata pinjaman (Honna Nobuyuki, 1995).

2.1.4 Bentuk-bentuk Kata Pinjaman dalam Bahasa Jepun

*A language may borrow a word directly or indirectly.
(Fromkin et al, 2011)*

Berdasarkan pernyataan Fromkin et al (2011) di atas didapati bahawa kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun boleh dikelaskan mengikut kategori tersendiri. Berdasarkan kategori-kategori yang dikemukakan oleh Yamaguchi Toshiko (2007) dan Honna Nobuyuki (1995), boleh dirumuskan bahawa kata pinjaman digolongkan kepada lapan jenis kata pinjaman. Dalam penyelidikan ini, didapati bahawa bentuk-bentuk kata pinjaman ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu:



Rajah 2.1
Carta Pembahagian Kategori Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Jepun

Dan berikut merupakan penjelasan untuk bentuk-bentuk kata pinjaman yang disebutkan di atas.

a. Peminjaman terus (*Direct Transfer*)

Yamaguchi Toshiko (2007) menjelaskan bahawa *direct transfer* merujuk kepada kata pinjaman yang digunakan tanpa mengubah makna. Menurut Fromkin et al (2011) peminjaman terus bermakna perkataan yang dipinjam merupakan perkataan asli yang berasal dari bahasa yang dipinjam. Perkataan-perkataan tersebut diserap masuk ke dalam kosa kata bahasa Jepun dengan menggunakan sistem *mora* bahasa Jepun dan ditulis dengan sistem ortografik bahasa Jepun iaitu *katakana*. Contohnya:

Kata/ Frasa Pinjaman	Sebutan dalam Bahasa Jepun	Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Makna
バナナ	<i>Banana</i>	<i>banana</i>	pisang
ナイフ	<i>Naifu</i>	<i>knife</i>	pisau
レンタカー	<i>Rentakā</i>	<i>rent-a-car</i>	kereta sewa

Jadual 2.1
Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis Peminjaman Terus

Kata pinjam bahasa Inggeris ini diadaptasi ke dalam bahasa Jepun kerana tidak mempunyai perkataan yang sinonim dengannya dalam bahasa Jepun.

b. Pemendekan Leksikal (*Shortened Form*)

Pemendekan leksikal berlaku apabila sebahagian sahaja perkataan digunakan untuk memenuhi keperluan leksikal Bahasa Jepun. Menurut Kay (1995), perkara ini berlaku apabila penyesuaian sistem ortografik bahasa Jepun pada kata pinjaman telah menyebabkan perkataan-perkataan ini menjadi lebih panjang. Oleh itu, bagi memudahkan sebutan, kata pinjaman mengalami pemendekan. Yamaguchi Toshiko (2007) telah mengkategorikan kumpulan kata pinjam ini sebagai *shortened form*. Contohnya

Kata/ Frasa Pinjaman	Sebutan dalam Bahasa Jepun	Pemendekkan pada Perkataan Asal	Makna
テレビ	<i>Terebi</i>	<u>television</u>	televisyen
コンビニ	<i>Konbini</i>	<u>convenience store</u>	kedai runcit
ボールペン	<i>Bōrupen</i>	<u>ballpoint pen</u>	pen mata bulat

Jadual 2.2
Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis Pemendekan Leksikal

Honna Nobuyuki (1995) pula menjelaskan bahawa terdapat dua jenis pemendekan iaitu:

i. *Tail abbreviation*

Tail abbreviation merupakan pemendekan yang berlaku selepas suku kata pertama, kedua, ketiga ataupun keempat dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Kay (1995) mengkategorikan proses pemendekan kata pinjaman ini sebagai *backclipping*. Perkara ini berlaku kerana kebanyakan perkataan Jepun terdiri daripada dua, tiga ataupun empat suku kata. Disebabkan oleh peminjaman ini berlaku dengan menggunakan sistem ortografik bahasa Jepun, maka sesetengah kata pinjaman terpaksa melalui proses pemendekan. Contohnya:

Kata/ Frasa Pinjaman	Sebutan dalam Bahasa Jepun	Pemendekkan pada Perkataan Asal	Makna
ホモ	<i>Homo</i>	<u>hom</u> osexual	hubungan sejenis
アマ	<i>Ama</i>	<u>am</u> ateur	amatur
ヘリ	<i>Heri</i>	<u>hel</u> icopter	helikopter

Jadual 2.3
Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis *Tail Abbreviation*

ii. *Abbreviation of Compounds*

Abbreviation of compounds dalam kata pinjaman berlaku apabila lebih dari satu kata pinjaman dalam bahasa Jepun dipendekkan dan dijadikan satu perkataan. Bentuk kata pinjaman ini serupa dengan jenis kata pinjaman *tail abbreviation*. Perbezaannya ialah perkataan asalnya dari bahasa Inggeris mempunyai lebih dari satu perkataan. Manakala, *tail abbreviation* memberi penekanan pada perkataan asal yang berbentuk kata tunggal. Contohnya,

Kata/ Frasa Pinjaman	Sebutan Dalam Bahasa Jepun	Pemendekkan Pada Perkataan Asal	Makna
モボ	<i>Mobo</i>	<i>modern boy</i>	jejak moden
モガ	<i>Moga</i>	<i>modern girl</i>	gadis moden
セクハラ	<i>Sekuhara</i>	<i>sexual harassment</i>	gangguan seksual
パソコン	<i>Pasokon</i>	<i>personal computer</i>	komputer persendirian

Jadual 2.4
Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis *Abbreviation of Compounds*

Terdapat satu lagi jenis pemendekkan yang berlaku pada suku kata di hadapan kata pinjaman. Kategori ini tidak tersenarai dalam kategori yang dibincangkan oleh Honna Nobuyuki (1995) dan Yamaguchi Toshiko (2007) tetapi jenis kata pinjaman ini penting untuk dijelaskan. Kay (1995) menyatakan bahawa jenis pemendekkan ini sangat jarang berlaku. Tambah Kay (1995) lagi, proses pemendekan ini dipanggil *front-clipping*. Antara contoh yang diberikan ialah,

Kata/ Frasa Pinjaman	Sebutan Dalam Bahasa Jepun	Pemendekkan Pada Perkataan Asal	Makna
ニス	<i>nisu</i>	<i>varnish</i>	varnis
ホーム	<i>hōmu</i>	<i>platform</i>	platform
タオルケット	<i>taoruketto</i>	<i>towel <u>ing</u> blanket</i>	selimut

Jadual 2.5
Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis *Front-Clipping*

c. Pemendekan secara Tatabahasa (*Grammatical Reduction*)

Apabila sesuatu perkataan asing diadaptasikan ke dalam kosa kata bahasa Jepun, tatabahasa perkataan tersebut mengalami pemendekan untuk disesuaikan dengan bahasa Jepun. Pemendekan dari segi tatabahasa melibatkan perubahan dari segi kata kala lepas, kata kala hadapan, kata hubung dan sebagainya. Contohnya boleh dilihat

seperti berikut di mana bahagian bergaris ialah bahagian tatabahasa yang dibuang apabila dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun:

Kata/ Frasa Pinjaman	Sebutan Dalam Bahasa Jepun	Pemendekkan Pada Perkataan Asal	Makna
フライパン	<i>Furaipan</i>	<i>fry<u>ing</u> pan</i>	kuali menggoreng
ハムエッグ	<i>Hamueggu</i>	<i>ham <u>and</u> egg</i>	ham dan telur
コーンビーフ	<i>Koonbīfu</i>	<i>corn<u>ed</u> beef</i>	daging masin

Jadual 2.6
Jadual Contoh Kata Pinjaman Jenis Pemendekan secara Tatabahasa

Walau bagaimanapun, tidak semua kata pinjaman melalui proses ini. Terdapat juga kata pinjaman yang diserap terus termasuklah tatabahasanya. Contohnya, kata jamak *shoes* dalam bahasa Inggeris dipinjam terus menjadi *shuuzu* dalam bahasa Jepun tanpa membuang sebutan *zu* yang mewakili huruf *s* di mana huruf ini merupakan tanda tatabahasa bagi kata jamak dalam bahasa Inggeris.

d. Peluasan Makna (*Semantic Broadening*)

Peluasan makna jarang berlaku dalam kata pinjaman bahasa Jepun jika dibandingkan dengan pengurangan makna (Yamaguchi Toshiko, 2007). Peluasan makna terbentuk apabila skop makna sesuatu perkataan menjadi lebih luas atau lebar berbanding maknanya yang terdahulu. Perkara ini berlaku apabila pada mulanya, sesuatu perkataan itu mempunyai maknanya yang spesifik dan khusus tetapi digeneralisasikan mengikut perubahan. Dalam bidang semantik, peluasan makna disebut sebagai *extension* (Ullman, 1977; Sumarsono, 2007). Contohnya, perkataan レジ *reji* yang berasal dari perkataan Bahasa Inggeris, *register*. Dalam bahasa Inggeris, perkataan *register* bermakna mesin yang mempunyai laci untuk menyimpan wang yang perolehi dari suatu jualan. Tetapi

dalam bahasa Jepun, perkataan レジ *reji* mengekalkan dan meluaskan lagi makna tersebut dengan merujuk kepada lokasi mesin tersebut berada. Selain itu, perkataan レジ *reji* juga membawa makna juruwang yang mengendalikan mesin tersebut.

e. Pengurangan Makna (*Semantic Narrowing*)

Pengurangan makna merujuk kepada kata pinjaman yang masih mengekalkan sekurang-kurangnya sebahagian makna atau seperti yang dijelaskan oleh Yamaguchi Toshiko (2007), *one or two sense of meaning*. Selain itu, pengurangan makna juga merujuk kepada makna sesuatu perkataan yang menjadi lebih spesifik berbanding maknanya yang terdahulu. Kajian ini pula mentafsirkan pengurangan makna sebagai perubahan makna kata pinjaman kepada makna yang lebih sempit atau terhad berbanding makna asalnya. Pengurangan makna disebut juga sebagai pembatasan makna atau *restriction* dalam aspek semantik (Ullman, 1977; Sumarsono, 2007). Contohnya, ヒーター *hītā* (*heater*) yang hanya merujuk kepada pemanas bilik dalam bahasa Jepun walaupun makna asalnya boleh digunakan sebagai pemanas bilik dan pemanas air.

f. Japan-made Western words

Japan-made western words atau 和製英語 (*wasei eigo*) yang telah dikemukakan oleh Yamaguchi Toshiko (2007) dan Kay (1995) merujuk kepada kata pinjaman yang dicipta oleh orang Jepun dari perkataan bahasa Inggeris tetapi mempunyai konsep dan makna dari persektif masyarakat Jepun. Jenis kata pinjaman hanya boleh didapati dalam perbendaharaan bahasa Jepun. Namun begitu, perkataan tersebut tidak wujud dalam kosa kata bahasa Inggeris. Contohnya, ペーパードライバ *pēpādoraiba* (*paper driver*) yang membawa makna pemandu yang mempunyai lesen kereta tetapi tidak

mempraktikkannya. Perkataan tersebut menggunakan kedua-dua perkataan bahasa Inggeris iaitu *paper* dan *driver* tetapi tidak dapat difahami oleh penutur-penutur bahasa Inggeris. Sebaliknya, dalam bahasa Jepun, perkataan tersebut telah mencipta maknanya tersendiri yang bersesuaian dengan konteks masyarakat Jepun.

g. Mencari perkataan alternatif (*Adopting an Alternative*)

Terdapat kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun yang menambah makna atau memberikan makna lain kepada perkataan yang sinonim dengannya dalam bahasa Jepun. Perkara ini berlaku kerana kata pinjaman tersebut diadaptasi untuk mewakili adat sosio-budaya tertentu di Jepun. Yamaguchi Toshiko (2007) memberi contoh perkataan *ranchi* yang berasal dari perkataan bahasa Inggeris, *lunch*. Bahasa Inggeris mendefiniskan *lunch* sebagai makanan yang dimakan pada waktu tengah hari. Tambahan pula, perkataan *lunch* merujuk kepada salah satu waktu makan utama dalam kehidupan seharian. Namun begitu, Yamaguchi Toshiko (2007) menjelaskan bahawa perkataan *ranchi* merujuk kepada dua jenis konsep dalam kategori makanan tengah hari di Jepun iaitu:

- a. Hidangan makanan pada waktu tengah hari yang boleh diperolehi dan dipesan di restoran.
- b. Hidangan makanan pada waktu tengah hari yang tidak boleh diperolehi dan dipesan di restaurant. Makanan tersebut dibekalkan seperti makanan yang diberikan oleh pihak sekolah, pejabat ataupun dibawa dari rumah.

Berdasarkan penjelasan di atas, kata pinjaman juga wujud dalam bentuk perkataan alternatif dan digunakan sebagai perkataan yang menonjolkan makna yang hampir sinonim dengan perkataan yang sedia wujud dalam bahasa Jepun. Namun begitu, kata pinjaman tersebut mempunyai sedikit selitan konsep baru yang bersesuaian dengan sosio-budaya semasa di Jepun.

h. Gabungan perkataan bahasa Jepun dan kata pinjaman (*Hybrid*)

Gabungan antara perkataan Jepun dan kata pinjaman dari bahasa Inggeris juga antara bentuk kata pinjaman yang popular pada masa kini (Honna Nobuyuki, 1995). Yamaguchi Toshiko (2007) telah mengasingkan jenis kata pinjaman ini di luar kategori bentuk-bentuk kata pinjaman. Namun begitu, Honna Nobuyuki (1995) pula telah melakukan sebaliknya dengan mengkategorikan kata pinjaman ini sebagai *Japanese words combined with English loans*. Kay (1995) pula menggolongkan kata pinjaman jenis ini sebagai *loanblend*. Selalunya perkataan atau frasa seperti ini akan mengalami perubahan untuk disesuaikan di antara satu sama lain dari segi sebutan dan ejaan. Contohnya:

ha (gigi dalam bahasa Jepun) + *burashi* (berus dalam bahasa Inggeris)
= *ha-burashi* (berus gigi)

torai (*cuba* dalam bahasa Inggeris) + *suru* (*buat* dalam bahasa Jepun)
= *torai suru* (mencuba/ *to try*)

Menurut Honna Nobuyuki (1995), apabila membincangkan jenis kata pinjaman ini, didapati bahawa kebanyakan kata pinjaman bahasa Inggeris ini digunakan sebagai kata kerja atau kata adjektif. Seperti contoh di atas, apabila kata pinjaman *torai* (*to try*)

digabungkan dengan perkataan *suru* (bermakna *to do* dalam bahasa Inggeris), perkataan tersebut bertukar menjadi kata pinjaman yang bersifat kata kerja iaitu *toraisuru*. Disebabkan oleh penggunaannya yang meluas, gabungan perkataan *suru* dan kata pinjaman ini telah membentuk kata pinjaman yang pelik dan di luar dari kebiasaan (Honna Nobuyuki, 1995).

Selain itu, gabungan suku kata akhiran *-na* atau *-i* yang merupakan *adjective modifier* bahasa Jepun dengan kata pinjaman bahasa Inggeris telah melahirkan kata pinjaman yang bersifat kata adjektif. Horikawa (2012) melihat perkara sebagai satu bentuk perubahan sintaksis atau *syntactic change* kerana perubahan yang berlaku digunakan untuk mencipta kata kerja, kata adjektif atau adverb melalui penambahan suku kata akhiran. Contohnya, perkataan *denjarasu-na* dari perkataan *dangerous*, *derishasu-na* dari perkataan *delicious*, *biggu-na* dari perkataan *big*, *nau-I* dari perkataan *now* dan banyak lagi. Di samping itu, suku kata akhiran *-tic* atau dalam sebutan bahasa Jepun *chikku* dari bahasa Inggeris digunakan bersama perkataan bahasa Jepun untuk mewujudkan perkataan yang menyerupai bahasa Inggeris. Contohnya, perkataan *otome-chikku* yang bermakna seperti dara (*like a virgin*). Perkataan *otome* dalam bahasa Jepun bermakna anak dara atau gadis dan apabila digabungkan dengan suku kata akhiran *chikku*, perkataan tersebut seolah-olah mendapat sedikit sentuhan bahasa Inggeris dengan konsep bahasa Jepun.

2.2 Sistem Tulisan Bahasa Jepun

Menurut Unger (2006), sistem tulisan Cina memasuki Jepun melalui artifak-artifak Cina yang dibawa masuk pada awal abad millennium pertama dan pada abad ke-5, sistem tulisan ini dibawa masuk oleh pengunjung-pengunjung dari kerajaan Paekche yang

terletak pada bahagian tenggara semenanjung Korea. Pada waktu itu, bahasa Jepun yang tidak mempunyai sebarang sistem tulisan, telah mengadaptasi sistem tulisan Cina dan telah mengaplikasikannya ke dalam bahasa Jepun. Pengadaptasian tulisan Cina sebagai *kanji* berlaku sekitar abad ke-6 apabila agama Buddha buat pertama kalinya diperkenalkan di Jepun dari Tanah Besar Cina (Yamaguchi Toshiko, 2007).

Pada abad ke-8, hanya *kanji* tertentu digunakan untuk mewakili suku kata bahasa Jepun (mora) secara fonetik dan sistem tersebut dipanggil *manyōgana* yang berasal dari perkataan *manyōshū* (Unger, 2006). *Manyōshū* merupakan antologi sajak Jepun pada abad ke-8. Walau bagaimanapun, *manyōgana* tidak kekal digunakan kerana bahasa Cina merupakan bahasa yang *monosyllabic* iaitu bahasa yang perkataannya terdiri daripada satu jenis suku kata sahaja. Manakala bahasa Jepun ialah bahasa yang *polysyllabic* di mana perkataannya mempunyai lebih daripada satu jenis suku kata.

Pada zaman *Heian* (794-1185) sistem tulisan *hiragana* dan *katakana* telah tercipta berdasarkan tulisan *kanji* (Yamaguchi Toshiko, 2007). Perubahan *kanji* kepada *hiragana* dan *katakana* boleh dilihat pada lampiran 1 sebagaimana yang diusulkan oleh Unger (2006). Karya-karya kesusasteraan mula ditulis dengan menggunakan *hiragana*, terutamanya oleh penulis-penulis wanita. Pada zaman itu, dua jenis genre karya yang mendapat sambutan ialah jenis *monogatari* iaitu kisah atau cerita dan jenis *nikki* iaitu dairi. Karya penulisan yang terkenal pada waktu itu ialah karya *Genji Monogatari* oleh *Murasaki Shikibu* dan *Makura no Shōshi* oleh *Seishō Nagon* yang menjadi pengasas genre *zuihitsu*.

Pada masa kini, *kanji*, *katakana* dan *hiragana* merupakan sistem tulisan asas dalam kehidupan seharian di Jepun, sepertimana yang digunakan dalam surat khabar, buku-

buku dan juga majalah. Selain itu, penulisan-penulisan moden juga menggunakan tanda titik atau dikenali sebagai *kuten* dan tanda koma yang disebut sebagai *tōten*. Melalui gabungan ini, sistem tulisan bahasa dan tatabahasa bahasa Jepun berubah menjadi lebih sistematik.

2.2.1 Katakana

Katakana merupakan sistem tulisan yang diubah suai berdasarkan perkataan-perkataan yang telah dipinjam dari bahasa Cina dan sistem tulisan tersebut telah diserap masuk ke dalam bahasa Jepun seawal abad ke-5 (Kuang, 2009). *Katakana* mempunyai lima fungsi yang berlainan iaitu:

- a. Maynard (1990) menyatakan bahawa *katakana* boleh digunakan untuk mentranskripsi kata pinjaman bahasa asing (kecuali bahasa Cina) dan bunyi-bunyian dalam onomatopiea. Contohnya, frasa *curtain rail* yang menjadi satu perkataan dalam bahasa Jepun iaitu カーテンレール *kātenrēru* setelah dijadikan kata pinjaman.
- b. Selain itu, *katakana* juga digunakan untuk menunjukkan penekanan pada perkataan tertentu. Menurut Maynard (1990), *katakana* juga boleh digunakan atas sebab-sebab stailistik bagi menarik perhatian pembaca. Contohnya, dalam gambar rajah yang diambil dari *manga Daichouhen Doraemon* seperti:



Rajah 2.2
Cabutan dari *Manga Daichouhen Doraemon* yang Menggunakan *Katakana*
untuk Menarik Perhatian Pembaca

- c. *Katakana* juga digunakan sebagai *euphemisms* dalam bahasa Jepun. *Katakana* digunakan untuk menulis kata pinjaman (terutamanya dari bahasa Inggeris) untuk mengekspresikan sesuatu yang tidak menyelesaikan secara sopan dan tidak langsung. Contohnya, perkataan 便所 *benjo* yang bermakna tandas digantikan dengan kata pinjaman トイレ *toire* dari perkataan *toilet* kerana perkataan 便所 *benjo* membawa imej yang tidak menyelesaikan.
- d. Untuk memenuhi kekurangan yang ada pada tulisan *katakana* tradisional. Dalam tulisan *katakana*, terdapat beberapa perkara yang harus diteliti untuk melengkapkan tulisan tersebut berdasarkan sistem mora bahasa Jepun iaitu:
- i. Tanda ー

Tanda ー digunakan untuk mewakili pengulangan vokal dalam bahasa Jepun terutamanya bagi perkataan dari bahasa asing. Contohnya dalam perkataan *boom* yang disebut sebagai *būmu* dalam bahasa Jepun. Apabila ditulis dengan *katakana*, *u* yang berada selepas suku kata *bu* digantikan dengan tanda ー menjadi ブーム.

ii. Tanda •

Apabila menulis nama seseorang tanda • digunakan untuk mengasingkan nama pertama dan nama keluarga. Perkara ini dilakukan bagi mengelakkan kekeliruan kerana tidak terdapat ruang di antara perkataan dalam bahasa Jepun. Contohnya nama *Tom Johns* ditulis sebagai トム・ジョーンズ, *Tomu Jyōnzu*.

iii. 11 sebutan tambahan katakana

Disebabkan perbezaan sebutan di antara bahasa Jepun dan bahasa-bahasa asing, 11 sebutan tambahan diperkenalkan dalam sistem tulisan *katakana*. Sebutan-sebutan baru tersebut boleh dilihat dalam jadual oleh Yamaguchi Toshiko (2007) berikut:

Sebutan	Katakana	Contoh
je	シェ [she]	シェフ <i>Chef</i>
ze	ジェ [jye]	ジェスチャー <i>gesture</i>
tfe	チェ [tche]	チェス <i>Chess</i>
Ti	ティ [ti]	パーティー <i>Party</i>
Di	ディ [di]	ディック <i>Dick</i>
dju	デュ [dyu]	デュエット <i>duetto</i> (Bahasa Itali)
fa	ファ [fa]	ファイト <i>Fight</i>
fi	フィ [fi]	フィアンセ <i>fiancé</i> (Bahasa Perancis)
fe	フェ [fe]	フェリー <i>Ferry</i>
fo	フォ [fo]	フォト <i>photo</i>
uo	ウォ [uo]	ウォーター <i>water</i>

Jadual 2.7
11 Sebutan Tambahan Katakana

Secara keseluruhannya, *katakana* memainkan peranan yang penting dalam memperkayakan perbendaharaan bahasa Jepun. Selain itu, *katakana* telah mengisi kekurangan yang terdapat dalam bahasa Jepun dan memberikan nilai estetika dalam sistem tulisan bahasa ini.

2.2.2 Perumian Bahasa Jepun (*Romanization*)

Fromkin et al (2011) menjelaskan bahawa ejaan kata pinjaman sering (tetapi bukan selalu) diubah untuk disesuaikan mengikut peraturan fonologi bahasa peminjam. Perumian Bahasa Jepun (*Romanization*) ialah sistem ejaan dalam menukar sistem tulisan *katakana* kepada ejaan abjad *Roman* bagi memberi kemudahan dalam mengenalpasti sebutan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Menurut Unger (2006), sistem *romanization* pertama di Jepun dicipta pada abad ke-16 oleh mubaligh-mubaligh Kristian Portugis. Sebelum tahun 1880, sistem *romanization* perkataan Jepun di Barat tidak mempunyai sistem penulisan yang standard. Pada sekitar tahun 1885, dua buah sistem *romanization* yang terperinci diperkenalkan iaitu Sistem Perumian Hepburn yang digunakan dalam Kamus Bahasa Jepun-Bahasa Inggeris edisi ketiga oleh James Curtin Hepburn dan Sistem Nippon-Shiki oleh Tanakadate Aikitsu.

Kini, sistem *romanization Hepburn* merupakan antara sistem *romanization* yang memainkan peranan yang penting dalam membantu penutur-penutur bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris mengenali sebutan bahasa Jepun. Sebagaimana yang digunakan dalam kajian ini, sistem *romanization Hepburn* telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti kewartawanan, politik dan akademik. Sistem *Romanization Hepburn* boleh dilihat seperti dalam lampiran 2.

Dalam sistem ejaan bahasa Jepun, terdapat satu bentuk fonologi yang disebut sebagai vokal panjang atau *long vowels*. Vokal panjang digunakan apabila terdapat dua vokal yang sama atau berlainan digunakan dalam sesebuah perkataan. Misalnya vokal panjang *ou* dalam perkataan 学校 *gakkou*. Dalam *Hepburn Romanization*, vokal-vokal panjang ini ditulis menggunakan sistem tersendiri. Terdapat lima jenis vokal panjang dan empat jenis diftong dalam sistem *Hepburn Romanization* iaitu:

a. A+A=AA

Contohnya dalam perkataan お婆さん *obaasan*. Kedua-dua vokal *aa* ditulis bersama. Selain itu, vokal panjang *aa* juga boleh ditulis menggunakan simbol *ā*. Namun begitu, bagi perkataan yang mempunyai batas di antara kedua-dua vokal panjang *aa* seperti dalam perkataan 邪悪 *jyaaku*, vokal ini mesti ditulis sebagai *aa*. Ini kerana perkataan 邪 *jya* dan 悪 *aku* merupakan dua sebutan dan *kanji* yang berlainan.

b. I+I = II

Penggunaan vokal panjang *ii* boleh dilihat pada perkataan seperti お兄ちゃん *oniichan* di mana vokal panjang tersebut ditulis sebagai *ii*. Menurut Unger (2006), bagi vokal panjang *ii*, vokal ini lebih sesuai ditulis sepertimana ejaannya tetapi simbol *ī* juga boleh digunakan.

c. U+U= UU

Terdapat dua kaedah dalam menulis vokal panjang *uu* mengikut sistem *Hepburn*. Apabila vokal panjang *uu* yang terdapat dalam sesebuah perkataan itu berada di

belakang kata kerja (*suffix*) atau wujudnya batasan di antara dua vokal tersebut, vokal panjang *uu* akan ditulis sebagai *uu* seperti dalam perkataan 食う *kuu* yang bermakna *makan* dan 湖 *mizuumi* yang merujuk kepada *tasik*. Selain daripada keadaan di atas, vokal panjang *uu* boleh ditulis menggunakan simbol *ū* dan *uu* seperti dalam perkataan 数学 *sūgaku* yang bermakna *matematik*.

d. E+E= EE

Seperti vokal panjang *aa*, vokal panjang *ee* boleh ditulis sebagai *ee* seperti dalam perkataan お姉さん *oneesan*. Bagi perkataan yang meletakkan batas di antara kedua-dua vokal *ee* seperti dalam perkataan 濡縁 *nureen*, vokal panjang jenis ini akan ditulis sebagai *ee*. Perkara ini berlaku kerana 濡縁 *nureen* terdiri daripada gabungan dua sebutan dan *kanji* yang berlainan iaitu 濡 *nure* dan 縁 *en*. Selain daripada itu, vokal panjang *ee* juga boleh ditulis menggunakan simbol *ē* seperti dalam perkataan *onēsan*.

e. O+O = OO

Lazimnya vokal panjang *oo* akan ditulis sebagai *ō* seperti mana yang dilihat dalam perkataan 氷 *kōri*. Tetapi apabila terdapat batasan di antara kedua-dua vokal *oo*, vokal panjang tersebut akan ditulis sebagai *oo*. Selalunya batasan yang dapat dilihat di antara kedua-dua vokal panjang ini berpunca daripada *kanji*. Apabila kedua-dua vokal panjang yang bertemu ini berasal dari dua huruf *kanji* yang berlainan seperti 小躍り *koodori* yang terdiri daripada dua buah *kanji* 小 *ko* dan 躍り *odori*, maka vokal panjang tersebut akan dipisahkan dan tidak menggunakan simbol dengan tanda *macron* seperti *ō*.

f. O+U= OU

Diftong ‘ou’ boleh ditulis menggunakan simbol *ō*. Contohnya dalam perkataan 教室 *kyōshitsu*. Diftong jenis ini hanya akan ditulis sebagai *ou* apabila wujudnya batasan di antara kedua-dua vokal tersebut seperti yang vokal panjang yang lain di atas. Contohnya dalam perkataan 子馬 *kouma* iaitu gabungan kanji 子 *kodan* 馬 *uma*.

Bagi tiga diftong yang lain iaitu **E+I = EI**, **U+I = UI** dan **O+I = OI**, diftong-diftong ini ditulis sebagaimana ejaannya tanpa mengira sebarang keadaan perkataan tersebut. Contohnya dalam perkataan 先生 *sensei*, 軽い *karui* dan 美味しい *oishii*. Bagi pengulangan konsonan pula, semua perkataan akan ditulis menggunakan huruf berulang seperti 学校 *gakkou*, 結果 *kekka* dan サッカー *sakkā* kecuali bagi konsonan *ch* yang ditulis sebagai *tch*. Contohnya dalam perkataan こっち *kotchi*.

Selain itu, huruf N digunakan untuk mewakili konsonan *hiragana* ん dan konsonan *katakana* ン dalam bahasa Jepun. Contohnya perkataan ミカン yang bermakna oren mandarin. Mengikut sistem *Romanization Hepburn*, perkataan ミカン ditulis sebagai *mikan*. Namun begitu, apabila konsonan *hiragana* ん dan konsonan *katakana* ン digunakan sebelum konsonan nasal iaitu *b*, *m* dan *p*, konsonan tersebut akan diwakili oleh konsonan *m* (Hypnos, 2013). Contohnya, perkataan 新聞^{しんぶん} *shimbun* yang membawa makna surat khabar.

2.4 Semantik

Trask (1999) telah mendefinisikan semantik sebagai cabang linguistik yang mengkaji tentang makna. Sejak zaman dahulu lagi, manusia berminat untuk mendalami ilmu tentang makna. Walau bagaimanapun, Trask (1999) juga telah menjelaskan bahawa usaha untuk mendalami ilmu makna berkembang dengan perlahan dan semantik tidak wujud sebagai satu bidang tersendiri hingga lewat abad ke-19. Kajian terhadap makna mempunyai sejarah yang panjang dan melibatkan beberapa bidang yang berlainan terutamanya falsafah.

Semantik benar-benar bertapak dalam bidang linguistik apabila ahli linguistik Perancis, Michel Bréal (1900) berjaya dalam usahanya memperkenalkan semantik dalam arena linguistik Eropah. Nama semantik dicipta oleh Bréal berdasarkan perkataan bahasa Yunani *semantique* (Palmer, 1989). Antara karya terawal Bréal ialah sebuah buku bertajuk *Semantic: Studies In The Science Of Meaning* yang membincangkan tentang semantik sebagai *sains* makna pada tahun 1900 tetapi buku tersebut tidak mendapat sambutan. Selepas kejayaan Bréal, kedudukan bidang semantik bertambah kukuh apabila ahli linguistik Swiss, Ferdinand De Saussure berjaya memperkenalkan teori lambangnya iaitu *signifiant* (Penanda) dan *signifié* (Petanda).

Dalam buku *The Linguistics Encyclopedia* yang disunting oleh Malmkjær (1991), semantik dikatakan mengalami perdebatan dalam kalangan ahli-ahli linguistik kerana skop bidangnya yang menyerupai bidang falsafah bahasa. Kedua-dua bidang ini mempunyai perbezaan dari segi aspek atau fokus dalam kajian terhadap makna. Semantik memberi penekanan terhadap bagaimana makna beroperasi dalam bahasa dan penggunaannya dalam kehidupan seharian. Manakala, falsafah memfokuskan kepada

sifat makna itu sendiri. Walaupun kedua-dua bidang ini melihat kepada dua aspek yang berlainan dalam makna, tidak dapat dinafikan bahawa, bidang-bidang ini tidak dapat diceraikan secara terus apabila membuat kajian mengenai makna kerana kedua-duanya saling berkait di antara satu sama lain.

2.4.1 Perubahan makna

Perubahan makna atau lebih dikenali sebagai *semantic change* merupakan perubahan yang dialami oleh makna sesuatu perkataan. Perubahan ini berlaku apabila makna semasa sesuatu perkataan berbeza dengan makna asalnya. Menurut Traugott (2006), perubahan makna merujuk kepada kedua-dua proses dan hasil sesuatu perubahan makna. Traugott (2006) menjelaskan lagi bahawa perubahan makna berfungsi untuk mengenalpasti perubahan sama ada yang merujuk kepada dunia luar (objek, budaya dan sebagainya) atau linguistik seperti implikasi pragmatik dan sebagainya. Menurut Ullman (1962), terdapat empat faktor utama yang menjadi punca berlakunya perubahan makna iaitu:

a. Punca Linguistik

Perubahan makna ini berlaku apabila sesebuah kolokasi itu kerap digunakan sehingga membentuk satu tabiat (*habitual collocation*). Tabiat ini boleh mempengaruhi makna perkataan-perkataan yang terlibat. Proses ini dikenali sebagai *contagion* oleh Bréal (1900). *Contagion* merupakan perbuatan mempengaruhi dan menyebar sesuatu perkataan dengan mudah. Contohnya, kolokasi *balik kampung* pada asalnya tidak wujud sebagai satu kolokasi dan hanya merujuk kepada perbuatan untuk pergi ke sesebuah kampung. Tetapi setelah digunakan dengan kerapnya, frasa *balik kampung*

mengalami perubahan makna dan boleh didefinisikan sebagai *perbuatan pulang ke rumah atau tempat kelahiran seseorang*.

b. Punca Sejarahwi

Makna sesebuah perkataan boleh berubah mengikut secara perlahan-lahan dan mengikut peredaran masa (Derry dan Reyyan, 2011). Ullman (1962) telah membahagikan punca ini empat konsep perkataan utama iaitu objek, institusi, idea dan konsep saintifik. Contohnya, perkataan *sesawang* merujuk kepada sarang seekor labah-labah tetapi pada masa kini, *sesawang* boleh juga didefinisikan kepada lawan web secara talian. Perkara ini selalunya berlaku pada bahasa yang lebih konservatif dan lebih kerap berlaku pada benda-benda material berbanding perkara-perkara moral (Ullman, 1962).

c. Punca Sosial

Perubahan makna secara sosial berlaku apabila sesebuah perkataan itu digunakan sebagai istilah atau slanga dalam sesebuah bidang atau komuniti bahasa tertentu. Croft (2000) dan Landsbergen et al (2010) menjelaskan bahawa faktor ini juga yang menyebabkan perubahan makna sesebuah perkataan tersebar dalam satu komuniti. Ullman (1962) telah membahagikan punca ini kepada dua kategori iaitu:

i. *Generalization*

Generalization berlaku apabila sesebuah perkataan mengalami peluasan makna setelah melalui perubahan sosial. Contohnya, perkataan *khalwat* dalam bahasa Arab membawa maksud *menyendiri dalam gelap berseorangan untuk bertakafur atau menenangkan*

fikiran tetapi setelah digunakan dalam bahasa Melayu, perkataan *khalwat* mengekalkan makna asalnya dan juga didefinisikan sebagai *hal berdua-duaan di tempat yang terpencil atau tersembunyi, antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan bukan pula suami isteri, sehingga boleh menimbulkan fitnah dan dianggap sebagai suatu perbuatan sumbang* (Kamus Dewan Bahasa, 2005).

ii. *Specialization*

Specialization berlaku apabila sesebuah perkataan itu mengalami penyempitan makna setelah melalui perubahan sosial. Contohnya, perkataan *restaurant* dalam bahasa Inggeris merujuk kepada mana-mana kedai makan tetapi apabila digunakan dalam bahasa Jepun, perkataan tersebut hanya merujuk kepada kedai makan makanan Barat sahaja.

d. Punca Psikologi

Perubahan makna boleh berlaku apabila makna sesuatu perkataan dikaitkan dengan pemikiran penuturnya. Ullman (1962) telah mengutarakan bahawa terdapat dua faktor yang menjadi punca perubahan makna secara psikologi ini iaitu:

i. Faktor emotif

Perubahan makna boleh berlaku apabila makna sesuatu perkataan itu dipengaruhi oleh perasaan penutur. Perkara ini boleh dilihat dalam penggunaan simile atau metafor dalam sesebuah pertuturan. Contohnya, perumpamaan *hamba* merupakan perkataan

yang membawa konsep negatif tetapi apabila digunakan dalam doa mereka yang beragama Islam, perkataan *hamba* merujuk kepada perasaan *merendahkan diri*.

ii. *Taboo*

Perubahan makna juga boleh berlaku apabila terdapat perkataan yang digunakan untuk mewakili sesuatu yang suci, tersembunyi, sensitif, terlarang atau sukar diterima oleh komuniti bahasa tertentu. Contohnya, perkataan *mati* merupakan perkataan yang memberikan imej negatif, disebabkan itu kolokasi *meninggal dunia* lebih gemar digunakan oleh komuniti bahasa Melayu walaupun secara harfiahnya, *meninggal dunia* boleh difahami sebagai *meninggalkan sesuatu dunia atau alam*.

Selain itu, kajian-kajian awal terhadap perubahan makna telah berjaya mengenalpasti enam kategori perubahan makna sepertimana yang diperolehi oleh Bréal (1900), Stern (1968) dan Ullman (1957) (Traugott, 2006) iaitu:

a. Peluasan Makna (*Broadening*)

Broadening atau dalam bahasa Melayunya, peluasan makna merupakan perubahan yang menambah makna sesuatu perkataan. Traugott (2006) dan Fromkin et al (2011) menjelaskan bahawa peluasan makna berlaku apabila makna sesuatu perkataan yang terhad berubah menjadi lebih longgar atau meluas. *Broadening* juga dikenali sebagai *generalization*, *expansion*, *schematization* atau *extension* (Geeraerts, 2010). Contohnya, perkataan *taiya* タイヤ yang bermakna tayar. Perkataan *taiya* タイヤ berasal dari perkataan bahasa Inggeris, *tyre*. Perkataan *tyre* hanya merujuk kepada tayar getah tetapi

perkataan *taiya* タイヤ merujuk kepada tayar getah dan juga roda besi (rujuk bab 4 untuk keterangan lanjut).

b. Pengurangan/Penyempitan Makna (*Narrowing*)

Narrowing atau lebih dikenali sebagai pengurangan atau penyempitan makna merujuk kepada makna perkataan yang dikecilkan. Menurut Geeraerts (2010) secara terminologinya, pengurangan makna boleh disamakan dengan *specialization*. Perkara ini berlaku apabila makna semasa sesuatu perkataan menjadi lebih spesifik atau sempit berbanding makna asalnya. Penyempitan makna juga dikenali sebagai *restriction* atau *specialization*. Contohnya, perkataan *purezento* プレゼント yang berasal dari perkataan *present*. Dalam bahasa Inggeris, perkataan *present* membawa dua makna iaitu hadiah dan masa sekarang. Tetapi apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun, perkataan *purezento* プレゼント hanya mengekalkan sebahagian daripada maknanya iaitu hadiah.

c. Ameriorasi (*Amelioration*)

Amelioration atau ameriorasi merupakan perubahan makna yang berlaku apabila makna sesuatu perkataan menjadi lebih positif. Perubahan makna jenis *amelioration* juga dikenali sebagai *melioration*. Perubahan ini berlaku apabila makna semasa diperbaiki dan ditambahbaik berbanding makna asal. Contohnya, perkataan *nice*. Pada zaman pertengahan Inggeris, perkataan *nice* bererti *bodoh* tetapi pada zaman sekarang, perkataan *nice* bererti *baik hati, bertimbang rasa dan peramah*.

d. Pejorasi (*Pejoration*)

Bertentangan dengan *amelioration*, *pejoration* atau pejorasi merupakan jenis perubahan makna yang merujuk kepada makna perkataan yang menjadi lebih negatif. Perkara ini berlaku apabila makna semasa sesuatu perkataan menjadi lebih teruk berbanding makna asalnya. Contohnya, perkataan *gay* dalam bahasa Inggeris. Asalnya perkataan *gay* bermakna *menggembirakan* tetapi apabila digunakan pada konteks semasa, perkataan tersebut bertukar negatif dan merujuk kepada *homoseksual*.

e. Metafora (*Metaphor*)

Menurut Hawke (1972), *metaphor* atau metafora merujuk kepada satu proses di mana satu aspek daripada sesebuah objek dipindahkan ke dalam objek yang lain dan objek tersebut dapat menyampaikan makna sebagaimana objek asalnya. Metafora juga boleh dilihat sebagai satu proses pemindahan makna ke dalam konteks yang hampir sama atau sememangnya sama dengan menggunakan medium (bahasa atau gerak badan) yang berlainan. Contohnya, kolokasi *patah hati*. Kolokasi *patah hati* tidak merujuk kepada perbuatan *mematahkan hati* tetapi frasa tersebut bermaksud *kecewa dan sedih terhadap sesuatu*.

f. Metonimi (*Metonymy*)

Metonymy boleh didefinisikan sebagai perkataan yang digunakan untuk mewakili satu perkataan lain dan perkataan-perkataan tersebut saling berkaitan di antara satu sama lain. Traugott (2006: 125) telah menjelaskan *metonymy* sebagai *one word is associated with another along the lines of already existing connections*. Manakala, Geeraerts (2010:

27) pula menerangkan bahawa *metonymy* sebagai *a semantic link between two reading of lexical item that is based on a relationship of contiguity between referents of the expession in ech of those reading*. Contohnya, perkataan Maggi yang digunakan untuk mewakili semua jenis mee segera walaupun perkataan Maggi itu merujuk kepada jenama mee segera secara spesifik.

2.4.2 Analisis Komponen Makna

Analisis Komponen Makna merupakan salah satu teknik yang digunakan untuk menganalisis makna perkataan. Bagi Analisis Komponen Makna, makna sesuatu perkataan itu boleh diceraikan untuk membentuk beberapa komponen semantik (*semantic features*) dan setiap komponen semantik tersebut membawa nilai maksud yang tersendiri (Trask, 1999). Menurut Geeraerts (2006) pula, Analisis Komponen Makna merupakan pendekatan yang menggambarkan makna sesuatu perkataan melalui kombinasi komponen makna yang dipanggil sebagai *semantic features* atau komponen semantik. Manakala, Kempson (1991) menjelaskan bahawa Analisis Komponen Makna merupakan kaedah menganalisis yang meneliti makna perkataan sebagai himpunan komponen makna, di mana komponen makna adalah *inti makna*.

Dalam Analisis Komponen Makna, komponen semantik merupakan komponen yang penting dan berfungsi sebagai *penanda* yang membezakan makna perkataan-perkataan yang berada dalam sesebuah medan atau domain semantik. Menurut Nida (1975), komponen semantik boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

a. *Common Component*

Komponen ini merupakan komponen teras yang dikongsi oleh perkataan-perkataan dalam medan semantik yang sama. Contohnya, perkataan *ibu* dan perkataan *bapa* yang berkongsi *common component* yang sama iaitu *salah seorang ahli dalam sebuah keluarga teras*.

b. *Diagnostic* atau *Distinctive Component*

Komponen ini merupakan komponen yang membezakan perkataan-perkataan yang terdapat dalam satu medan semantik. Mengambil contoh di atas, perkataan *ibu* dan perkataan *bapa* mempunyai *diagnostic* atau *distinctive component* yang berbeza iaitu perkataan *ibu* merujuk kepada seorang perempuan manakala perkataan *bapa* merujuk kepada seorang lelaki. *Diagnostic* atau *Distinctive Component* mempunyai tiga fungsi utama yang berbeza (Nida, 1975) iaitu:

i. *Implicational component*

Diagnostic atau *Distinctive Component* boleh berfungsi sebagai komponen yang dipengaruhi sama ada secara negatif atau positif oleh makna tertentu tetapi komponen tersebut tidak mengganggu makna teras sesebuah perkataan. Contohnya perkataan *sesal* yang boleh didefinisikan sebagai *perbuatan salah yang dilakukan pada masa lampau, rasa bersalah terhadap perkara yang telah berlaku dan perubahan sikap*. Definisi pertama merupakan *implicational component* kerana definisi kedua dan ketiga tidak menunjukkan arah perubahan sama ada secara negatif mahupun positif. Hanya definisi pertama yang menunjukkan kesan negatif.

ii. *Core component*

Diagnostic atau *Distinctive Component* juga boleh berfungsi sebagai komponen utama dalam sesebuah makna perkataan. Komponen ini mampu mewakili aspek teras sesebuah makna tanpa mengubah *implicational component*. Perkataan ini boleh dilihat dalam perkataan-perkataan yang bersifat antonim di mana komponen makna yang berbeza juga boleh menjadi komponen teras perkataan-perkataan tersebut. Contohnya, perkataan *panas* dan perkataan *sejuk* yang diwakili dan dibezakan oleh komponen makna *suhu* yang juga merupakan komponen teras perkataan-perkataan tersebut.

iii. *Inferential Component*

Inferential component merupakan *diagnostic* atau *distinctive component* yang boleh menimbulkan sesuatu pendapat atau keputusan berdasarkan sesuatu ekspresi. Contohnya, apabila dikatakan “polis telah menembak penjenayah itu”, *inferential component* yang wujud adalah “penjenayah tersebut telah mati ditembak” tanpa merujuk konteks. Walaupun, terdapat kemungkinan penjenayah yang disebut hidup.

Medan semantik pertama yang berjaya dianalisis menggunakan Analisis Komponen Makna merupakan medan semantik kekeluargaan (*kinship*). Bagi memudahkan penjelasan, kaedah yang digunakan oleh analisis ini akan diterangkan melalui penelitian terhadap medan semantik kekeluargaan (*kinship*) melalui jadual oleh Jackson (1988) engan berlandaskan idea oleh Nida (1975) di atas, Jackson (1988) telah membina sebuah jadual yang serupa dengannya. Jadual oleh Jackson (1988) di bawah telah diubahsuai untuk memudahkan penjelasan dalam bahagian ini seperti berikut:

Istilah Kekeluargaan (<i>Kinship Term</i>)	[LELAKI]	[MENAİK]	[MENURUN]	[LINEAL]
Bapa	+	+	-	+
Ibu	-	+	-	+
Pak Cik	+	+	-	-
Mak Cik	-	+	-	-
Abang	+	-	-	+
Kakak	-	-	-	+
Anak Lelaki	+	-	+	+
Anak Perempuan	-	-	+	+
Anak Saudara Lelaki	+	-	+	-
Anak Saudara Perempuan	-	-	+	-
Sepupu	+/-	-	-	-

Jadual 2.8
Jadual Matriks Istilah Kekeluargaan (*Kinship*) oleh Jackson (1988)

Berdasarkan jadual di atas, Jackson (1988) telah menganalisis perkataan-perkataan *bapa*, *ibu*, *pak cik*, *mak cik*, *abang*, *kakak*, *anak lelaki*, *anak perempuan*, *anak saudara lelaki*, *anak saudara perempuan* dan *sepupu* yang berasal dari hubungan kekeluargaan (*kinship*). Jadual di atas ditanda dengan tanda + yang bermakna komponen tersebut wujud dalam perkataan di atas manakala tanda - menunjukkan sebaliknya. Perkataan-perkataan tersebut telah dianalisis mengikut kaedah Analisis Komponen Makna dengan menggunakan empat komponen semantik iaitu [LELAKI], [MENAİK], [MENURUN] dan [LINEAL].

Dalam menganalisis makna secara jantina, komponen semantik [LELAKI] sahaja telah digunakan sudah mencukupi kerana sekiranya ditandakan dengan tanda - bermakna komponen yang terdapat pada perkataan terbabit ialah [PEREMPUAN]. Komponen [MENAİK] dan [MENURUN] pula merujuk kepada jurang umur atau generasi. Komponen [MENAİK] atau bahasa Inggerisnya [ASCEND] menunjukkan umur yang lebih tua manakala [MENURUN] atau [DESCEND] pula merujuk kepada umur yang lebih muda. Komponen [LINEAL] pula digunakan untuk menunjukkan sama ada hubungan kekeluargaan yang wujud berkaitan secara terus atau tidak. Berdasarkan jadual oleh Jackson (1988) dan idea oleh Nida (1975) ini, kajian ini telah menjadikan

Analisis Komponen Makna sebagai metodologi dalam menganalisis perubahan makna kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun.

2.5 Tinjauan Kajian-Kajian Lepas

Pengkaji telah mendapati bahawa kajian-kajian kata pinjaman yang terdahulu di Malaysia kurang memberikan tumpuan kepada aspek semantik dalam *manga*. Oleh itu, pengkaji telah mengambil langkah untuk memenuhi jurang dalam bidang ini. Secara amnya, kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun telah mendapat tumpuan pelbagai aspek kajian daripada ahli linguistik bahasa sejak 100 tahun dahulu (Bordilovskaya, n.d.).

Honna (1995) merupakan salah seorang pengkaji yang menyelidik status perkataan bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Honna (1995) menyimpulkan bahawa peminjaman leksikal, tatabahasa dan pragmatik daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun merupakan satu fenomena yang kompleks dan perlu dikaji melalui 3 pendekatan iaitu secara struktural, fungsional dan sosio-linguistik. Berdasarkan kajian ini, Honna (1995) telah mengkategorikan bentuk-bentuk kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun seperti berikut :-

- i) Pengurangan dan perubahan makna/ *Semantic narrowing and shift*
- ii) Perkataan bahasa Jepun baru yang dicipta berdasarkan kata pinjaman bahasa Inggeris/ *Japanese phrasing of English*
- iii) Pemendekan suku kata akhir/ *Tail abbreviation*
- iv) Akronim
- v) Gabungan pemendekan perkataan/ *Abbreviation of compound*

- vi) Gabungan perkataan bahasa Jepun dengan kata pinjaman bahasa Inggeris
- vii) *Word play*

Kuang (2009), dalam kajiannya bertajuk *Common Loanwords Identified in Japanese Music Magazines*, telah meneliti kata pinjaman bahasa Jepun bergenrekan muzik. Dalam kajiannya juga, didapati bahawa 93.9% daripada kata pinjaman itu berasal dari perkataan bahasa Inggeris. Beliau juga mendapati bahawa penggunaan kata pinjaman tersebut telah diubahsuai mengikut konteks majalah-majalah tersebut.

Kajian oleh Shimada (1999) yang bertajuk *Functions of Loanwords in Japanese Newspaper* pula memberi penekanan pada empat fungsi kata pinjaman dalam surat khabar Jepun iaitu sebagai istilah teknikal, untuk mengisi jurang perkataan, untuk menonjolkan imej dan menggantikan perkataan asal. Shimada (1999) mendapati bahawa dalam kajian kuantitatifnya, kata pinjaman yang terbanyak memainkan peranan untuk mengisi jurang perkataan dengan peratusan sebanyak 45.08%. Selain itu, beliau telah merumuskan bahawa peranan utama kata pinjaman berbeza-beza bergantung kepada gaya dan objektif teks.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian di atas tidak memberikan tumpuan kepada aspek semantik. Menurut Aishah (1991), kajian mengenai semantik kata pinjaman lebih sedikit berbanding kajian mengenai intergrasi fonologi/ortografi dan integrasi tatabahasa kata pinjaman. Kajiannya mengenai kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Malaysia telah mendapati bahawa lebih 70% kata pinjaman tulen bahasa Inggeris mengalami perubahan semantik.

Keok (2000) pula mengkaji kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dari aspek semantik dalam Kamus Dewan. Kajiannya telah memperlihatkan bahawa kebanyakan kata pinjaman bahasa Cina masih mengekalkan makna asal mereka. Tambahan pula, kata pinjaman konkrit bahasa Cina biasanya terdiri daripada dua patah perkataan dalam bahasa Cina tetapi dicantumkan menjadi satu dalam bahasa Melayu. Keok (2000) telah mengkategorikan datanya seperti berikut:-

- i) Kata pinjaman yang mengalami peluasan makna
- ii) Kata pinjaman yang mengalami pengurangan makna
- iii) Kata pinjaman yang mengalami pembatasan makna
- iv) Kata pinjaman yang mengalami pengkhususan makna
- v) Kata pinjaman yang mengalami pemilikan makna baru

Manakala, Sakina Sahuri (2000) telah menjalankan kajian secara semantik terhadap metafora Melayu yang bertemakan manusia dan alam. Kajiannya memberi tumpuan kepada cerpen dari dua surat khabar tempatan. Menurut Sakina Sahuri (2000), setiap perkataan mengandungi komponen makna atau fitur makna yang boleh disenaraikan. Beliau juga telah berjaya membuktikan bahawa metafora mencerminkan sistem konsep makna penutur dan sistem ini terpaku di dalam budaya penutur.

Namun begitu, kajian-kajian yang disebutkan tidak menyentuh *manga* sebagai bahan kajian mereka. Menurut Takahashi (2008),

In the past few decades, manga has become one of Japan's most important pop culture industries. Over ten thousand new titles are published every year, and many of these provide the inspiration for anime (Japanese animated films), TV shows, and even contemporary theater production. (pg. 114)

Kajian-kajian terdahulu banyak memfokuskan penyelidikan mereka lebih kepada unsur-unsur sosiobudaya dan sejarahwi disebabkan oleh perkembangan anime yang merupakan sebahagian daripada budaya industri global (MacWilliam, 2008). Berndt (2008) mendapati bahawa banyak kajian yang dilakukan bersifat bias terhadap anime dan manga kerana para pengkaji memfokuskan pendapat mereka sendiri dan kajian dijalankan bukanlah untuk menyampaikan kandungan yang berunsurkan budaya Jepun, tetapi lebih kepada perspektif para pengkaji mengenai sesuatu anime melalui budaya mereka sendiri.

Jüngst (2004) dalam kajiannya yang bertajuk *Japanese Comics in Germany* pula telah membincangkan masalah penterjemahan *manga* dari bahasa Jepun ke bahasa Jerman. Didapati bahawa standard penterjemahan *manga-manga* di Eropah terutamanya di Jerman dipengaruhi oleh permintaan peminat-peminat *manga* dan penerbit-penerbit *manga* berbanding penilaian penterjemah. Selain itu, kajian beliau menunjukkan bahawa gaya penterjemahan juga atau disebut sebagai *eropeaanised* dibentuk oleh pembaca-pembaca *manga* di Eropah.

Manakala, Mohd Nazim Bin Najmuddin (2010) telah mengkaji aspek bahasa dan gender dalam komik humor kanak-kanak dan salah satu aspek yang ditinjau beliau ialah penggunaan perkataan pinjaman Bahasa Inggeris. Beliau mendapati bahawa dalam hanya 5 buah buku siri Doraemon dalam Bahasa Melayu, terdapat 471 patah perkataan pinjaman. Berdasarkan dapatan ini, beliau mengatakan bahawa kuantiti penggunaan pinjaman dalam komik adalah banyak. Walaubagaimana pun, beliau telah menjustifikasi kesimpulan beliau dengan menyatakan kesukaran untuk menggantikan perkataan Bahasa Inggeris dengan perkataan Bahasa Melayu.

Berdasarkan tinjauan ringkas ini, jelas menunjukkan kajian semantik, *manga* dan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan, terutamanya oleh pengkaji tempatan. Kajian ini merupakan satu cubaan untuk mengisi jurang dalam bidang-bidang tersebut..

2.6 Kesimpulan


Dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat lapan bentuk kata pinjaman berdasarkan perbincangan oleh Honna Nobuyuki (1995), Kay (1995) dan Yamaguchi Toshiko (2007) iaitu peminjaman terus (*direct transfer*), pemendekan leksikal (*shortened form*), pemendekan secara tatabahasa (*grammatical reduction*), peluasan makna (*semantic broadening*), pengurangan makna (*semantic narrowing*), *Japan-made western words*, mencari perkataan alternatif (*adopting an alternative*) serta gabungan perkataan bahasa Jepun dan kata pinjaman (*hybrid*). Kata pinjaman tersebut boleh dikenalpasti melalui sistem tulisan *katakana* yang dikhaskan untuk menulis perkataan-perkataan dari bahasa asing (kecuali bahasa Cina) dalam bahasa Jepun. Dalam bidang semantik, terdapat enam jenis perubahan makna yang telah dikenalpasti iaitu *broadening*, *narrowing*, *amelioration*, *pejoration*, *metaphor* dan *metonymy*. Makna sesuatu perkataan boleh dianalisis menggunakan Analisis Komponen Makna yang diutarakan oleh Nida (1975). Nida (1975) menyatakan bahawa makna boleh dibahagikan menjadi komponen-komponen tertentu dan dianalisis menggunakan jadual.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai kaedah-kaedah penyelidikan yang telah digunakan. Secara amnya, kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif. Kedua-dua kaedah ini dipilih untuk memperolehi data dan analisis yang memenuhi objektif-objektif kajian.



Rajah 3.1
Metodologi Kajian

Bagi memudahkan penerangan mengenai kaedah yang telah digunakan, bab ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu bahan kajian, prosedur kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data serta penerapan Analisis Komponen Makna.

3.1 Bahan Kajian

Kajian ini akan meninjau kata pinjaman dalam 5 buah buku *manga* berbahasa Jepun yang bertajuk *Daichouhen Doaremon*. Rasional memilih *manga* ini terletak pada penggunaan bahasa seharian dalam *manga* tersebut. Bahasa yang digunakan adalah

mudah, ringkas dan senang difahami. Tambahan pula, *manga* ini dibaca oleh semua lapisan umur kerana temanya yang agak santai dan ringan. Mohd Nazim Najmuddin (2010) menyatakan bahawa *manga Doraemon* bukan sahaja mendapat perhatian daripada kanak-kanak, malahan juga remaja dan orang dewasa. Disebabkan itu, *manga* ini sesuai untuk dijadikan bahan kajian berbanding *manga-manga* lain.

Lima buah *manga Daichouhen Doraemon* yang dipilih untuk menjalankan kajian ini. Buku-buku ini dicipta oleh pelukis *manga Doraemon*, Fujio Fujiko dan disambung oleh anak-anak muridnya selepas kematiannya. *Manga* ini diterbitkan bermula pada tahun 1980 sehingga tahun 2004. Terdapat 24 buah buku *Daichouhen Doraemon* yang dihasilkan dan hanya lima buah *manga* yang terkini dipilih sebagai bahan kajian iaitu:

- a. Fujio F. Fujiko. (2000). *Nobita's Legend of the Sun King*



- b. Fujio F. Fujiko. (2001). *Nobita and the Winged Braves*



- c. Fujio F. Fujiko. (2002). *Nobita and the Robot Kingdom*



- d. Fujio F. Fujiko. (2003). *Nobita and the Wind Wizard*




- e. Fujio F. Fujiko. (2004). *Nobita's Wannyan Space Time Odyssey*




3.2 Prosedur Kajian

Bahagian ini akan membincangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelidik kata pinjaman. Selain itu, bahagian ini juga akan menjelaskan proses-proses yang diperlukan untuk mengumpulkan data, mengkategorikan data dan akhir sekali, kaedah yang digunakan untuk membincangkan dapatan kajian.

Langkah pertama dalam prosedur kajian ini ialah mengeluarkan dan mengumpulkan kata pinjaman yang terdapat dalam 5 buah *manga Daichouhen Doraemon*. Kata pinjaman yang dikumpulkan dikenalpasti menggunakan sistem tulisan *katakana* dan ditranskripsikan mengikut sistem *Hepburn Romanization* (rujuk Bab Dua dan Lampiran 2) bagi memudahkan pembaca mengenali sebutan kata pinjaman tersebut. Kemudian, kata pinjaman tersebut dikumpulkan dan dibahagikan dalam jadual mengikut golongan perkataan berikut:




Berdasarkan kata pinjaman yang perolehi, hanya kata nama sahaja dikekalkan untuk diteliti dari aspek perubahan makna. Perubahan makna yang dialami oleh kata pinjaman dikategorikan seperti berikut:



Perubahan makna kata pinjaman ditentukan dengan meneliti kamus-kamus berkaitan dan dilakukan secara kualitatif. Kamus-kamus yang dipilih untuk mengkaji aspek-

aspek ini dalam kata pinjaman ialah *Oxford Advanced Learner's Dictionary International Student's Edition* (2005) dan *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Third Edition* (2008) serta kamus bahasa Jepun-bahasa Inggeris yang berbentuk buku iaitu *A Dictionary of Loanwords* (読む例文でカタカナ語の辞典) (2000), *the Great Japanese Dictionary Second Edition* (講談社カラー版日本語大辞典第二番) (1995), *Netto De Yoku Hiku Sanshouhenshujyo Katakana Shingo Jiten* (ネットでよくひく
さんしょうへんしゅうじょ
三省編集所カタカナ新語辞典) (2004), kamus elektronik dan kamus dari internet (<http://jisho.org/>). Fungsi-fungsi utama kamus-kamus ini ialah:

- a. Untuk menentukan sama ada kata pinjaman tersebut berasal dari bahasa Inggeris.




Rajah 3.2

Cabutan dari *A Dictionary of Loanwords* yang Menunjukkan Bahasa Asal Kata Pinjaman (Dalam Bulatan Merah)

- b. Untuk mencari fitur-fitur atau komponen-komponen semantik bagi kata pinjaman yang telah dipilih.
- c. Untuk membandingkan komponen-komponen makna yang dimiliki kata pinjaman dan perkataan asalnya dalam bahasa Inggeris.
- d. Untuk membandingkan bentuk kata pinjaman dalam bahasa Jepun dan bentuk asalnya dalam bahasa Inggeris.

Perubahan makna yang dialami oleh kata pinjaman pula dikenalpasti dengan menggunakan kaedah dalam Analisis Komponen Makna yang dipelopori oleh Nida (1975). Akhir sekali kekerapan dan purata kata pinjaman dilihat dan dibincangkan dalam bentuk graf dan jadual secara kuantitatif. Ringkasnya, aliran prosedur kajian boleh dilihat seperti berikut:



Rajah 3.3
Carta Aliran Prosedur Kajian

3.3 Kaedah Pemilihan Data

Bahagian ini akan membincangkan tentang bagaimana kata pinjam dipilih untuk dijadikan data mentah kajian. Data kajian ini dipilih bermula dengan penelitian terhadap dialog-dialog dalam 5 buah *manga Daichouhen Doraemon*. Perkataan-perkataan yang ditulis dengan sistem tulisan *katakana* dalam dialog-dialog 5 buah *manga* tersebut dikeluarkan dan dikumpulkan dalam jadual. Kemudian, kamus-kamus bercetak dan kamus elektronik yang disebut sebelum ini dijadikan rujukan utama untuk mengenalpasti sama ada perkataan-perkataan tersebut merupakan kata pinjaman dalam bahasa Jepun atau tidak. Kamus-kamus tersebut juga digunakan untuk mengenalpasti kata pinjaman yang berasal dari bahasa Inggeris. Kata pinjaman yang dipilih berasal dari kedua-dua bahasa Inggeris Amerika dan British.

Seterusnya, kata pinjaman tersebut ditranskripsikan dengan menggunakan sistem *Hepburn Romanization* (rujuk bahagian 2.2.2 dan lampiran 2). Skop data mentah dikecilkan lagi dengan memilih kata pinjaman yang berbentuk kata tunggal sahaja. Selepas itu, kata pinjaman tersebut dipilih dalam tiga jenis golongan kata sahaja iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif untuk analisis secara kuantitatif. Kata kerja dan kata adjektif dipilih dan dibandingkan dengan kata nama secara statistik untuk menunjukkan signifikan golongan kata nama dalam *manga* dan memberi rasional kepada pemilihan kata nama pinjaman dalam analisis perubahan makna. Bagi menjalankan analisis perubahan makna, hanya kata pinjaman dari golongan kata nama sahaja dikaji. Akhir sekali, mana-mana kata pinjaman yang mengekalkan makna asalnya disingkirkan dari skop data mentah untuk menjalankan analisis perubahan makna. Pendek kata, pemilihan data boleh dilihat seperti berikut:



Rajah 3.4
Aliran Pemilihan Data

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Bahagian ini akan membincangkan tentang bagaimana data dikumpulkan dan diatur secara sistematik. Selain itu, bahagian ini juga akan menjelaskan bagaimana kaedah pengumpulan data-data dapat membantu dalam menganalisis dan membincangkan dapatan.

Sepertimana yang diterangkan pada bahagian sebelumnya, data-data yang diperolehi dikumpulkan dan diatur dalam jadual dan graf. Dalam analisis kuantitatif, data dikumpulkan secara statistik di mana kekerapan dan bilangan kata pinjaman dibincangkan dalam bentuk peratusan. Objektif penggunaan peratusan dalam mewakili

data ialah untuk menonjolkan perbezaan corak di antara kata pinjaman yang terdiri dari pelbagai golongan kata dengan jelas. Selain itu juga, graf bar dipilih dalam mewakili peratusan-peratusan tersebut. Rasional pemilihan graf bar ialah rekabentuknya yang ringkas dan jelas memudahkan perbincangan dapatan kajian.

Dua komponen penting yang perlu dibezakan semasa memperolehi data secara statistik ialah bilangan kata pinjaman dan juga kekerapan kata pinjaman. Bilangan kata pinjaman (*number of loanwords*) merupakan kuantiti kata pinjaman dalam *manga* manakala kekerapan (*frequency of loanwords*) merujuk kepada kuantiti pengulangan sesebuah kata pinjaman dalam *manga*. Dalam bentuk jadual, bilangan kata pinjaman direkodkan pada bahagian kanan manakala kekerapan dicatat pada bahagian tengah seperti yang boleh dilihat dalam jadual berikut:

Bil	Leksikal	Kekerapan	Bilangan
1.	Kata Nama	338	92
2.	Kata Kerja	13	11
3.	Kata Adjektif	2	2
Jumlah:		353	105

Jadual 3.1
Contoh Jadual Perbezaan Kekerapan dan Bilangan Kata Pinjaman

Bagi analisis kualitatif pula, jadual yang digunakan mempunyai tiga kategori iaitu komponen semantik, kata pinjaman dan juga perkataan asalnya dalam bahasa Inggeris seperti berikut:

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	ドリーム Dream <i>dorīmu</i>	<i>dream</i>
Mimpi.	+	+
Angan-angan.	+	+
Ilusi.	+	+
Imaginasi.	+	+
Harapan.	-	+
Impian.	-	+

Jadual 3.2
Contoh Jadual Analisis Komponen Makna Yang Telah Digunakan

Makna yang perolehi dari kamus untuk kedua-dua perkataan tersebut merupakan komponen makna yang akan disenaraikan pada bahagian kanan jadual. Lambang [+] menunjukkan komponen yang dimiliki oleh perkataan dan lambang [-] bermakna komponen makna yang tidak mewakili makna perkataan tersebut.

3.5 Kaedah Analisis Data

Selesai peringkat pengumpulan data, data mentah perlu dianalisis untuk membentuk satu perbincangan dan kesimpulan yang memenuhi objektif-objektif kajian. Dalam bahagian ini, keadah analisis data terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah analisis kuantitatif dan kaedah analisis kualitatif. Aspek-aspek yang dikaji secara kuantitatif adalah seperti berikut:

- a. Peratusan Golongan Kata (Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Adjektif).
- b. Purata Kata Pinjaman Bahasa Inggeris.

Analisis secara kualitatif pula membincangkan tiga ciri-ciri perubahan makna yang dialami oleh perkataan-perkataan tersebut iaitu peluasan makna, pengurangan makna dan pemilikan makna baru. Perubahan makna diteliti mengikut kaedah jadual yang telah diubahsuai berdasarkan Analisis Komponen Makna sebagaimana yang dikemukakan oleh Nida (1975).

3.5.1 Kaedah Analisis Kuantitatif

Kaedah analisis kuantitatif yang dijalankan menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Menurut Creswell (2012), analisis deskriptif merupakan analisis yang menggunakan statistik iaitu pengiraan sesuatu nilai berdasarkan nombor-nombor. Kelebihan-kelebihan apabila menggunakan analisis deskriptif ialah (Creswell, 2012):

- a. Boleh membantu dalam mencari corak atau kecenderungan dalam data apabila meneliti salah satu pembolehubah atau persoalan dalam bahan kajian.
- b. Mengaitkan dua atau lebih pembolehubah.
- c. Menguji hipotesis mengenai perbezaan dua buah kumpulan data yang berbeza.
- d. Menghubunkaitkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berkaitan.

Dalam kajian ini, kaedah ini digunakan dengan tujuan untuk meneliti secara ringkas sama ada kata pinjaman bahasa Inggeris dari golongan kata nama dalam *manga Daichouhen Doraemon* wujud dalam kuantiti yang signifikan atau tidak. Di samping itu, juga, kaedah ini dijalankan bagi mengkaji sejauhmana tahap *kebanjiran* kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun secara statistik. Berikut merupakan formula yang digunakan untuk memperolehi purata kata pinjaman dalam *manga Daichouhen Doraemon*:

Purata	Formula
Purata Bilangan Kata Pinjaman bahasa Inggeris dalam Manga.	$\frac{\text{Jumlah Bilangan Kata Pinjaman dalam Manga}}{\text{Jumlah Manga}}$
Purata Kekerapan Kata Pinjaman bahasa Inggeris dalam Manga.	$\frac{\text{Jumlah Kekerapan Kata Pinjaman dalam Manga}}{\text{Jumlah Manga}}$
Purata Kekerapan Satu Kata Pinjaman bahasa Inggeris dalam Manga	$\frac{\text{Jumlah Kekerapan Kata Pinjaman dalam Manga}}{\text{Jumlah Bilangan Kata Pinjaman dalam Manga}}$

Jadual 3.3
Formula Kajian Kuantitatif

Purata-purata yang diperolehi di atas bertujuan untuk memberi idea kasar tentang bilangan serta kekerapan kata pinjaman dalam sebuah *manga*. Melalui dapatan yang diperolehi daripada formula-formula di atas, kajian ini dapat menunjukkan signifikan kata pinjaman dalam bahan-bahan kajian dan memberikan gambaran mengenai kata pinjaman dalam *manga* secara umum dan secara statistik. Perkara ini dilakukan untuk membuktikan bahawa kata pinjaman sudah menjadi sebahagian daripada perbualan seharian masyarakat Jepun melalui purata bilangan dan kekerapan kata pinjaman.

Data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk peratusan dengan jadual dan graf supaya perbincangan dapat dilakukan dengan jelas dan jitu. Walau bagaimanapun, kaedah analisis kuantitatif sahaja tidak mencukupi untuk meneliti kata pinjaman bahasa Inggeris yang wujud dalam *manga*. Bagi memperkukuhkan lagi dapatan kajian, kajian ini telah menyokong data kuantitatif dengan data kualitatif bagi mendapatkan gambaran yang lebih mantap mengenai keadaan kata pinjaman dalam *manga*.

3.5.2 Kaedah Analisis Kualitatif

Kaedah analisis kualitatif pula dijalankan dengan meneliti perubahan makna yang dialami oleh kata pinjaman bahasa Inggeris setelah diadaptasi ke dalam kosa kata bahasa Jepun. Analisis kajian kualitatif hanya dijalankan pada kata pinjaman dari golongan kata nama sahaja.

Kajian terhadap perubahan makna ini dilakukan berdasarkan Teori Analisis Komponen yang dipelopori oleh Nida (1975). Perubahan makna kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun diteliti dengan melihat perbandingan antara komponen makna perkataan asal dalam bahasa Inggeris dan komponen makna kata pinjaman dalam *manga Doraemon*. Komponen-komponen makna yang dipilih hanyalah makna untuk perkataan dari golongan kata nama. Komponen-komponen makna diperolehi dengan melihat kamus-kamus bercetak, kamus elektronik dan kamus dari internet. Selain itu, kajian ini juga telah mengadaptasi jadual yang dikemukakan oleh Nida (1975) dan mengubahsuainya untuk kegunaan kajian (dibincangkan dengan lebih mendalam pada bahagian 3.6). Seterusnya, data yang diperolehi dikategorikan dan dianalisiskan berdasarkan perubahan makna.

3.6 Penerapan Analisis Komponen Makna

Sebagaimana yang dinyatakan pada bab dua, Analisis Komponen Makna melibatkan dua jenis komponen makna iaitu *common component* dan *diagnostic component*. *Common component* dimiliki oleh kedua-dua perkataan asal dan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun manakala *diagnostic component* merupakan komponen

semantik yang membezakan kedua-dua kata pinjaman dan perkataan asal secara semantik. Misalnya perkataan bahasa Inggeris *mama* dan kata pinjaman *mama*. Kedua-dua perkataan memiliki *common component* yang sama iaitu *ibu*. Namun begitu, perkataan ママ *mama* turut membawa definisi baru iaitu *pemilik bar wanita* dan *madam*. Perbezaan makna ini merupakan *diagnostic component* kedua-dua perkataan tersebut.

Berlandaskan Analisis Komponen Makna, kajian ini telah memberikan kepentingan kepada analisis terhadap *diagnostic component* bagi mengenalpasti sama ada perkataan tersebut mengalami perubahan makna secara peluasan makna, pengurangan makna atau pemilikan makna baru. Berikut merupakan langkah-langkah yang dikemukakan oleh Nida (1975: 54-61) untuk menganalisis komponen makna:

- a. Langkah pertama ialah memilih makna yang berkaitan secara tentatif di mana makna-makna tersebut membentuk satu medan semantik yang lengkap dan medan tersebut terdiri daripada beberapa *common component*. Langkah ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sekiranya kedua-dua perkataan (dalam kes ini perkataan asal dari bahasa Inggeris dan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun) berada dalam kategori atau medan semantik yang sama. Contohnya, kedua-dua perkataan perkataan *mama* dan ママ berada dalam medan semantik manusia dan keluarga.
- b. Langkah seterusnya ialah menyenaraikan makna yang menjadi *referent* dalam medan semantik yang berkaitan. Dengan kata lain, langkah ini dijalankan dengan mengenalpasti dan menyenaraikan komponen-komponen semantik yang terdapat pada perkataan-perkataan yang dipilih.

- c. Langkah ketiga ialah mengenalpasti *common component* yang terdapat dalam perkataan-perkataan yang dipilih.
- d. Langkah keempat ialah mengenalpasti *diagnostic component* atau komponen-komponen semantik yang membezakan perkataan-perkataan yang dianalisis.
- e. Langkah kelima ialah menyemak semula atau *cross-checking* komponen-komponen semantik yang diperolehi dengan mengulangi langkah pertama iaitu melihat sama ada perkataan-perkataan tersebut berada dalam medan semantik yang sama.
- f. Akhir sekali ialah menyenaraikan *diagnostic component* secara sistematik. Nida (1975) telah mencadangkan bahawa langkah ini boleh dilakukan dengan menggunakan rajah pepohon atau jadual *matrix*. Namun, bagi menjalankan langkah ini, sedikit pengubahsuaian telah dilakukan untuk memenuhi keperluan data yang diperolehi. Jadual yang digunakan adalah seperti berikut:

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen Semantik	プレゼント <i>purezento</i>	<i>present</i>
Pemberian tanpa diminta.	+	+
Masa sekarang.	-	+

Jadual 3.4
Contoh Jadual Yang Digunakan Dalam Analisis Kajian Ini


Jadual di atas akan menyenaraikan semua komponen semantik yang berkaitan dan ditanda dengan tanda tambah, [+] dan tanda tolak, [-]. Tanda tambah, [+] bermakna komponen semantik tersebut dimiliki oleh perkataan tersebut. Sebaliknya, tanda tolak,

[-] bermakna makna tersebut tidak tersenarai sebagai salah satu komponen semantik perkataan tersebut.

3.6.1 Kaedah Pemilihan Komponen-Komponen Semantik

Dalam mengkaji perubahan makna, kaedah pemilihan komponen-komponen semantik juga perlu diperjelaskan. Kajian ini telah memilih komponen-komponen semantik perkataan bermula dengan merujuk kepada kamus bahasa Inggeris iaitu *Oxford Advanced Learner's Dictionary International Student's Edition* (2005) dan *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Third Edition* (2008). Komponen-komponen semantik yang dipilih hanya makna dari perkataan dari golongan kata nama.

Pemilihan komponen-komponen makna dipermudahkan apabila kamus bahasa Inggeris yang dipilih sudah membekalkan komponen-komponen makna yang terlibat. Jika dilihat dalam dua buah kamus bahasa Inggeris tersebut, definisi sesuatu perkataan didahulukan dengan kata kunci makna yang boleh dijadikan komponen makna.



Rajah 3.5
Cabutan dari Kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary International Student's Edition* (2005) yang Menunjukkan Kata Kunci yang Boleh Digunakan sebagai Komponen Makna

Setelah memperoleh komponen-komponen makna dari bahasa Inggeris, komponen-komponen makna kata pinjaman dalam bahasa Jepun pula diteliti melalui tiga buah

kamus, kamus elektronik dan kamus dari internet yang disebut sebelum ini. Akhir sekali, kedua-dua komponen makna dari bahasa Inggeris dan bahasa Jepun yang diperolehi dibandingkan dalam bentuk jadual sebagaimana yang diutarakan dalam Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975).

3.6.2 Penggunaan Kamus dalam Analisis Komponen Makna

Dalam buku *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*, Nida (1975) telah mengutarakan bahawa penggunaan kamus dalam menganalisis sesuatu makna ialah salah satu kaedah dalam Analisis Komponen Makna. Tidak dapat dipertikaikan bahawa penggunaan kamus mempunyai banyak kelemahannya yang tersendiri. Di antaranya ialah susun-atur yang dilakukan pada perbezaan makna dalam kamus kurang sesuai disebabkan kelemahan pada kaedah yang digunakan untuk menghubungkan perkembangan sejarah dan perkaitan yang logik. Selain itu, perbezaan makna dilakukan oleh kamus berada dalam konteks yang berlainan dan makna yang disenaraikan agak selektif terutamanya dalam kamus *interlingual* (Nida, 1975).

Tetapi, Nida (1975) juga telah menyuarakan sokongannya terhadap penggunaan kamus dalam analisis makna kerana beberapa sebab berikut:

- a. Kamus menyediakan makna yang merangkumi medan semantik yang terlibat dengan makna sesuatu perkataan.
- b. Kamus juga menyenaraikan perbezaan yang ketara dari segi makna.
- c. Kamus mempunyai konteks yang ilustratif.
- d. Kamus boleh digunakan untuk mengenalpasti pelbagai kegunaan sintaksis.

- e. Kamus membekalkan data yang menunjukkan hubungan antara makna secara sejarawi.
- f. Kamus menyenaraikan peribahasa dan kegunaan figuratif dalam perkataan
- g. Akhir sekali, kamus menunjukkan makna-makna dan ciri-ciri semasa perkataan seperti *neologism*, *archaic*, *obsolescent* dan banyak lagi.

Berdasarkan pernyataan Nida (1975), kajian ini telah memilih kamus sebagai rujukan utama dalam menganalisis data secara semantik. Data yang akan diteliti secara kualitatif ini akan dilakukan dengan merujuk kamus-kamus yang disebutkan sebelum ini.

3.7 Kesimpulan

Secara amnya, kajian ini dijalankan menggunakan 5 buah *manga Doraemon* yang berbahasa Jepun yang bertajuk *Daichouhen Doraemon*. Dialog-dialog yang terdapat dalam *manga* tersebut diteliti dan semua kata pinjaman bahasa Inggeris dari golongan kata nama, kata kerja dan kata adjektif dalam bahasa Jepun yang ditulis dengan *katakana* dikumpulkan. Kata pinjaman tersebut kemudiannya ditranskripsikan ke dalam sistem tulisan *Hepburn Romanization*. Data yang diperolehi dimasukkan ke dalam jadual-jadual untuk meneliti aspek perubahan makna dengan menggunakan kaedah analisis kualitatif.

Kaedah analisis kuantitatif pula meneliti peratusan beberapa aspek tertentu dengan menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Kaedah ini dibincangkan dengan menggunakan jadual dan graf bar mengikut kesesuaian data yang diperolehi. Selesai langkah mengumpul dan mengkategorikan data, kajian ini membincangkan dan

menganalisis data secara kritikal untuk menginterpretasi dan mendalami data yang diperoleh. Dan akhir sekali, berdasarkan perbincangan itu, kesimpulan akan dibuat dengan menyeluruh mengenai kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan dapatan kajian mengikut kaedah-kaedah yang digambarkan dalam bab 3 ini. Selain itu, bab seterusnya juga akan meneliti satu per satu kata pinjaman yang diperoleh dalam *manga Doraemon*.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan.

Dalam bab ini, dapatan dan analisis kajian diteliti dan dibincangkan secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian ini diterangkan mengikut susunan objektif kajian berikut iaitu:

- a. Melihat kekerapan dan bilangan kata nama pinjaman dalam *manga*.
- b. Mengenalpasti aspek perubahan makna yang dibawa oleh kata nama pinjaman dalam *manga*.

Kajian secara kuantitatif dijelaskan bagi memenuhi objektif pertama iaitu untuk melihat kekerapan dan bilangan kata pinjaman dalam *manga* ini. Bahagian kajian ini telah menyelidik perkara-perkara berikut:

- a. Peratusan Golongan Kata (Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Adjektif).
- b. Purata Kata Pinjaman Bahasa Inggeris.

Data statistik yang diperolehi dikemukakan dengan menggunakan jadual dan graf bar bagi memudahkan pembaca memahami data dan membolehkan perbincangan dilakukan dengan jelas.


Manakala, kajian secara kualitatif pula telah meneliti perubahan makna kata pinjaman kata nama dalam *manga Daichouhen Doraemon*. Dapatan kajian ini diterangkan berdasarkan objektif kajian iaitu mengenalpasti aspek perubahan makna yang dibawa oleh kata nama pinjaman dalam *manga*. Selain itu, kajian secara kualitatif ini dijalankan berdasarkan jadual dalam Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975).

4.1 Analisis Kuantitatif: Kekerapan dan Purata Kata Pinjaman dalam *Manga*

Kategori	Purata
Bilangan Kata Pinjaman bahasa Inggeris dalam <i>Manga</i>.	21
Kekerapan Kata Pinjaman bahasa Inggeris dalam <i>Manga</i>.	71
Kekerapan Satu Kata Pinjaman bahasa Inggeris dalam <i>Manga</i>.	3

Jadual 4.1
Purata Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam *Manga*

Berdasarkan keterangan sebelum ini dan jadual di atas, kajian ini mendapati bahawa purata bilangan kata pinjaman bahasa Inggeris bagi sebuah *manga* ialah 21 patah perkataan. Selain itu, didapati bahawa setiap *manga* mempunyai purata kekerapan kata pinjaman sebanyak 71 patah perkataan. Tambahan pula, purata satu kata pinjaman digunakan dalam sebuah *manga* ialah sebanyak 3 kali berdasarkan data yang diperolehi dari lima buah *manga* yang dikaji. Dapatan kajian seterusnya hanya akan menjelaskan bilangan dan kekerapan golongan kata dalam kata pinjaman yang telah didapati dalam *manga*.



Rajah 4.1
Graf Peratusan Golongan Kata

Bil	Leksikal	Kekerapan	Peratusan Kekerapan	Bilangan	Peratusan Bilangan
1.	Kata Nama	338	95.75%	92	87.62%
2.	Kata Kerja	13	3.68%	11	10.48%
3.	Kata Adjektif	2	0.57%	2	1.90%
	Jumlah	353	100%	105	100%

Jadual 4.2
Peratusan Golongan Kata

Penelitian terhadap kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun menunjukkan bahawa sebanyak 105 kata pinjaman telah digunakan dalam *manga Daichouhen Doraemon* jilid ke 20 hingga 24. Didapati bahawa perkataan-perkataan tersebut digunakan sebanyak 353 kali dalam *manga-manga* tersebut. Berdasarkan bilangan dan kekerapan kata pinjaman yang diperolehi, kata pinjaman tersebut telah dibahagikan kepada tiga golongan kata iaitu kata nama, kata kerja dan juga kata adjektif.

Kajian ini mendapati kata nama merupakan golongan kata yang paling besar dengan peratusan sebanyak 87.62% (92 perkataan) daripada 105 bilangan kata pinjaman. 10.48% (11 perkataan) daripada bilangan itu terdiri daripada kata kerja dan 1.9% (2 perkataan) sahaja merupakan kata adjektif. Selain itu, didapati bahawa 95.75% (338 perkataan) daripada 353 kekerapan kata pinjaman bahasa Inggeris merupakan kata nama. Sementara itu, kata kerja diwakili oleh 3.68% (13 perkataan) dan diikuti oleh kata adjektif dengan peratusan sebanyak 0.57% (2 perkataan) sahaja.

4.2 Perbincangan Analisis Kuantitatif

Berdasarkan semua data yang diperolehi dalam kajian terhadap lima buah *manga* *Daichouhen Doraemon*, didapati bahawa bilangan kata pinjaman yang wujud dalam kelima-lima *manga* ini berada dalam kuantiti yang sederhana. Selain itu, data menunjukkan bahawa kekerapan kata pinjaman per *manga* juga berada dalam kuantiti yang sederhana. Walaupun, analisis dan dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua *manga*, namun gambaran yang diberikan melalui penelitian purata pada lima buah *manga* ini cukup menunjukkan bahawa kemasukan kata pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun adalah signifikan.

Selain itu, berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat tiga golongan kata pinjaman tunggal yang dikenalpasti pada kata pinjaman bahasa Inggeris dalam kajian ini iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Setelah membuat penelitian, didapati bahawa majoriti kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun ialah kata nama diikuti pula kata kerja dan kata adjektif. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian-kajian lepas di mana kata nama merupakan golongan kata terbanyak sebagaimana yang dinyatakan oleh Irwin (2011), Daulton (2008) dan Honna Nobuyuki (1995). Selain itu, dalam satu kajian oleh Institusi Kebangsaan Bahasa Jepun di Jepun (juga dikenali

sebagai NINJAL) (1964), didapati bahawa 95% daripada 2964 kata pinjaman yang diperolehi melalui satu survey majalah adalah kata pinjaman dari golongan kata nama. Malahan, 77.8% daripada 500 kata pinjaman yang dikaji oleh Chan (2003) pada iklan-iklan dalam majalah-majalah wanita Jepun merupakan kata pinjaman dari golongan kata nama.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan data diperolehi seperti berikut. Stanlaw (1983) dan Irwin (2011) menyatakan bahawa apabila diadaptasi, kebanyakan kata pinjaman atau *gairaigo* berfungsi sebagai kata nama. Malahan, menurut Honna Nobuyuki (1995),


They (loanwords) designate the name of plants, animals, things, ideas, social developments, and scientific discoveries. Grapefruit, avocado, panda, alligator, parameter, paradigm, head hunter, colour, consultant, project coordinator, career development programme, and the like have become an essential part of Japanese. (p. 47)

Selain itu, berdasarkan penelitian data-data yang diperolehi, didapati bahawa kata nama pinjaman dalam *manga Daichouhen Doraemon* digunakan untuk mewakili perkara-perkara yang baru dan tidak wujud dalam masyarakat Jepun pada asalnya. Hasegawa (2012) menjelaskan bahawa,

This strategy (borrowing) is helpful for dealing with culture-specific words, modern concepts, and buzz words. (p. 169)

Perkara ini juga boleh dilihat dalam fungsi kata pinjaman sebagai bahasa pengantar untuk pelbagai bidang di dunia. Daulton (2008) menerangkan bahawa kebanyakan kata pinjaman dalam bahasa Jepun yang diadaptasi berasal dari istilah dan terminologi akademik. Manakala, Honna Nobuyuki (1995) menyatakan bahawa kata pinjaman

berperanan sebagai istilah teknikal. Oleh sebab, istilah-istilah dan terminologi yang diadaptasi majoriti dari golongan kata nama maka, perkara ini telah menyumbang kepada bilangan kata nama pinjaman yang banyak berbanding kata pinjaman dari golongan kata lain. Contohnya, perkataan-perkataan saintifik yang terdapat dalam *manga Daichouhen Doraemon* seperti エンジン *enjin (engine)* dan プログラム *puroguramu (program/programme)*. Malahan, bagi memperkukuhkan lagi perbincangan ini, kajian ini juga telah membahagikan data yang diperolehi kepada kategori-kategori tertentu iaitu:



Rajah 4.2
Carta Pembahagian Kategori Kata Pinjaman

Didapati bahawa 90.22% daripada 92 bilangan kata pinjaman tersebut adalah dari kategori bukan hidupan sebagaimana yang ditunjukkan pada jadual di bawah:

Bil	Leksikal	Bilangan	Peratusan Bilangan
1.	Hidupan	9	9.78%
2.	Bukan Hidupan	83	90.22%
Total:		92	100%

Jadual 4.3
Jadual Peratusan Kata Nama dalam Kategori Hidupan dan Bukan Hidupan

Lanjutan daripada dapatan tersebut, didapati bahawa majoriti daripada kata pinjaman dari kategori bukan hidupa terdiri daripada barangan elektronik dan bukan elektronik dengan peratusan sebanyak 19.28% dan 21.69% berbanding seperti berikut:

Bil	Leksikal	Bilangan	Peratusan Bilangan
1.	Tempat	10	12.05%
2.	Makanan	4	4.82%
3.	Barangan Elektronik	16	19.28%
4.	Barangan Bukan Elektronik	18	21.69%
5.	Kenderaan	2	2.41%
6.	Sukan	3	3.61%
7.	Bangunan	1	1.20%
8.	Ekspresi/ <i>Exclamation</i>	4	4.82%
9.	Peristiwa/Keadaan/Aktiviti	8	9.64%
10.	Sifat	7	8.43%
11.	Perbuatan	10	12.05%
Total:		83	100%

Jadual 4.4
Jadual Peratusan Kata Nama Kategori Bukan Hidupan

Selain itu, didapati bahawa pembentukan golongan kata lain yang sukar dalam kata pinjaman juga menjadi penyumbang perkara ini. Seperti yang dijelaskan pada bab dua, bagi membentuk kata kerja atau kata adjektif, kata nama pinjaman perlu digabungkan dengan perkataan dari bahasa Jepun. Contoh yang dapat dilihat dalam *manga Daichouhen Doraemon* ialah perkataan ワンダフルな *wandafuru-na* dari perkataan *wonderful* di mana kata pinjaman *wandafuru* perlu digabung dengan akhiran *-na* untuk membentuk kata adjektif. Disebabkan langkah ini, maka kata nama lebih cenderung

diadaptasi berbanding golongan kata lain. Tambahan pula, bagi membentuk golongan kata pinjaman dari golongan kata lain, kata nama pinjaman perlu dijadikan asas atau *kata akar*. Mengambil contoh perkataan ワンダフルな *wandafuru-na*, perkataan perkataan ワンダフル *wandafuru* adalah kata nama dan apabila ditambah *-na* ialah berubah menjadi kata adjektif.

Berdasarkan perbincangan berikut, boleh disimpulkan bahawa kata pinjaman wujud dalam kuantiti yang signifikan dalam *manga* dan majoriti kata pinjaman tersebut merupakan kata nama. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kata pinjaman yang dikategorikan sebagai kata nama terlebih dahulu selepas diadaptasi. Selain itu, kata pinjaman digunakan sebagai istilah atau terminologi dalam *manga Daichouhen Doraemon* dan kebanyakan perkataan-perkataan seperti ini merupakan kata nama. Akhir sekali ialah langkah tambahan yang perlu diambil dalam membentuk kata pinjaman dari golongan kata lain.

4.3 Analisis Kualitatif: Analisis Komponen Semantik

Honna Nobuyuki (1995) menyatakan bahawa kebanyakan kata pinjaman bahasa Inggeris mengekalkan makna dan bentuk asalnya tetapi terdapat juga kata pinjaman yang mengalami perubahan dari segi semantik dan juga struktur selepas diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian dari segi semantik. Kajian aspek semantik ini difokuskan kepada tiga ciri-ciri semantik iaitu peluasan makna, pengurangan makna dan pemilikan makna baru sahaja. Berikut merupakan kata pinjaman yang diperolehi dari *manga Daichouhen Doraemon* dan telah dianalisis mengikut Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975):

1. ^{キングダム} 王国 (*Kingudamu*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	^{キングダム} 王国 <i>kingudamu</i>	<i>kingdom</i>
Kerajaan/ Negara.	+	+
Diperintah oleh raja atau pemaistri.	+	+
Kawasan tertentu untuk orang yang memiliki ciri-ciri tertentu.	+	+
Kumpulan dari alam semula jadi yang dibahagikan berdasarkan jenis dan golongannya.	-	+
Kategori atau bidang dalam akademik, seni dan lain-lain	+	-
Dunia.	+	-

Perkataan ^{キングダム} 王国 *kingudamu* telah mengalami pengurangan makna apabila salah satu makna asal dalam bahasa Inggeris iaitu *kumpulan dari alam semula jadi yang dibahagikan berdasarkan jenis dan golongannya* tidak diserap ke dalam bahasa Jepun. Tambahan pula, perkataan ^{キングダム} 王国 *kingudamu* juga telah mengalami pemilikan makna baru apabila perkataan tersebut merujuk kepada maksud *dunia* dan *kategori atau bidang dalam akademik, seni dan lain-lain* yang tidak digunakan oleh perkataan *kingdom* dalam bahasa Inggeris.

2. ドリーム (Dream (*Dorīmu*))

Komponen Semantik	Leksikal ドリーム Dream <i>dorīmu</i>	Perkataan Asal <i>dream</i>
Mimpi.	+	+
Angan-angan.	+	+
Ilusi.	+	+
Imaginasi.	+	+
Harapan.	-	+
Impian.	-	+
Benda atau orang yang cantik.	-	+

Berdasarkan jadual di atas, perkataan *dream* bermakna *mimpi*, *angan-angan*, *ilusi*, *imaginasi*, *harapan*, *impian* dan *benda atau orang yang cantik*. Tetapi, dalam bahasa Jepun, perkataan ドリーム *dorīmu* tidak memiliki semua makna asal perkataan *dream*.

ドリーム *dorīmu* mengalami pengurangan makna apabila komponen semantik *benda atau orang yang cantik*, *harapan* dan *impian* dibuang apabila digunakan sebagai kata pinjaman dalam bahasa Jepun.

3. ワールド 世界 (Wārudo)

Komponen Semantik	Leksikal ワールド 世界 <i>wārudo</i>	Perkataan Asal <i>world</i>
Dunia.	+	+
Bumi.	-	+
Kumpulan.	-	+
Kawasan.	-	+
Planet.	-	+
Kehidupan seseorang.	-	+
Masyarakat.	-	+
Kewujudan manusia.	-	+

ワールド
世界 *wārudo* bermakna *dunia* dalam bahasa Jepun. Namun begitu, dalam bahasa Inggeris, *world* mempunyai makna selain dari *dunia* iaitu *Bumi*, *kumpulan*, *kawasan*, *planet*, *kehidupan seseorang*, *masyarakat* dan *kewujudan manusia*. Komponen semantik ini tidak diserap ke dalam bahasa Jepun semasa dijadikan kata pinjaman. Oleh itu, perkataan ^{ワールド}世界 *wārudo* telah mengalami pengurangan makna melalui pengurangan makna *Bumi*, *kumpulan*, *kawasan* dan *planet* apabila digunakan sebagai kata pinjaman dalam bahasa Jepun.

4. プログラム (*Puroguramu*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	プログラム <i>puroguramu</i>	<i>program/programme</i>
Rancangan televisyen.	+	+
Rancangan/Jadual.	+	+
Arahan atau prosedur yang menjalankan proses dalam komputer.	+	+
Risalah yang menjelaskan atur cara sesebuah drama/ teater atau program muzikal.	+	+
Kursus pembelajaran.	-	+
Rancangan radio.	-	+

Berdasarkan jadual di atas, perkataan プログラム telah mengalami pengurangan makna apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Perkara ini berlaku disebabkan oleh hanya sebahagian makna yang terdapat dalam perkataan asal bahasa Inggeris diserap masuk sebagai komponen makna kata pinjaman プログラム. Perkataan *program/programme* pada asalnya membawa makna *rancangan televisyen*, *rancangan/jadual*, *arahan atau prosedur yang menjalankan proses dalam komputer*, *risalah yang menjelaskan atur cara sesebuah drama/ teater atau program muzikal*, *kursus pembelajaran* dan *rancangan radio*. Walau bagaimanapun, setelah dijadikan kata pinjaman bahasa Jepun,

プログラム telah mengugurkan komponen makna *kursus pembelajaran* dan *rancangan radio*.

5. アイス (Aisu)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen semantik	アイス <i>aisu</i>	<i>ice</i>
Ais/ Air yang beku.	+	+
Permata.	-	+
Tempat meluncur ais.	-	+

Perkataan *ice* bererti *air yang beku*, *permata* dan *tempat meluncur ais*. Manakala, perkataan アイス *aisu* pula membawa makna yang sama dengan perkataan bahasa Inggeris *ice* iaitu *air yang beku* sahaja. Berdasarkan jadual di atas, perkataan アイス *aisu* mengalami pengurangan makna apabila makna *permata* tidak diserap ke dalam bahasa Jepun.

6. アウト (Auto)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	アウト <i>auto</i>	<i>out</i>
Jauh dari bahagian dalam.	+	-
Di luar.	+	-
Menghilang.	+	-
Skop sesuatu jarak.	+	-
Tidak boleh diteruskan.	+	-
Terpadam.	+	-
Bola yang terkeluar dari garisan dalam perlawanan sukan.	+	-
Keadaan pembaling bola dan pemukul bola yang tidak dibenarkan bermain lagi.	+	-
9 mata/lubang pada separuh masa pertama dalam sukan golf.	+	-
Keadaan yang teruk.	+	-
Alasan yang digunakan untuk melarikan diri dari keadaan yang kurang menyenangkan.	-	+

Kata pinjaman アウト *auto* mengalami pemilikan makna baru apabila kata pinjaman dalam bahasa Jepun ini memiliki komponen makna yang berlainan dari perkataan asal *out*. Apabila digunakan sebagai kata nama, perkataan *out* hanya boleh diinterpretasikan sebagai *alasan yang digunakan untuk melarikan diri dari keadaan yang kurang menyenangkan*. Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa kata nama pinjaman アウト *auto* memiliki makna baru setelah diadaptasi ke dalam bahasa Jepun.

7. エンジン (*Enjin*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	エンジン <i>enjin</i>	<i>engine</i>
Mesin bergerak dengan bahan bakar.	+	+
Satu bahagian pada kereta api.	-	+
Perkembangan sesuatu.	+	-

Perkataan *engine* bererti *mesin bergerak dengan bahan bakar* dan *satu bahagian pada kereta api*. Tetapi perkataan エンジン *enjin* hanya memiliki satu komponen semantik iaitu *mesin bergerak dengan bahan bakar*. Oleh itu, perkataan エンジン *enjin* mengalami pengurangan makna. Perkataan エンジン *enjin* juga mengalami pemilikan makna baru iaitu *perkembangan sesuatu*.

8. オーケー (*Ōkē*)・オッケ (*Okke*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	オーケー <i>ōkē</i> ・オッ ケ <i>okke</i>	<i>ok</i>
Tanda setuju.	+	-
Tanda faham.	+	-
Meminta kebenaran	-	+

Perkataan オーケー *ōkē*・オッケ *okke* mengalami pemilikan makna baru setelah diadaptasi ke dalam bahasa Jepun dari bahasa Inggeris. Perkataan asal *OK* mempunyai komponen semantik iaitu *meminta kebenaran* sahaja. Sebaliknya, kata nama pinjaman オーケー *ōkē*・オッケ *okke* memiliki dua dari komponen-komponen semantik tersebut iaitu *tanda setuju* dan *tanda faham* yang berlain dari perkataan asal.

9. コントロール (*Kontorōru*)

Komponen Semantik	Leksikal コントロール <i>kontorōru</i>	Perkataan Asal <i>control</i>
Perihal mengawal sesuatu atau seseorang.	+	+
Suis untuk mengawal sesuatu.	-	+
Butang pada papan kekunci komputer.	-	+
Bahan atau alat kawalan dalam eksperimen.	-	+
Tempat mengeluarkan arahan.	-	+
Kebolehan menendang dan membaling bola mengikut laluan yang dikehendaki pemain.	+	-

Perkataan *control* mempunyai beberapa komponen semantik yang berlainan iaitu *perihal mengawal sesuatu atau seseorang*, *suis untuk mengawal sesuatu*, *butang pada papan kekunci komputer*, *bahan atau alat kawalan dalam eksperimen* dan *tempat mengeluarkan arahan*. Namun begitu, apabila perkataan tersebut dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun, perkataan tersebut iaitu コントロール *kontorōru* menyerap satu sahaja daripada empat komponen semantik di atas. Komponen semantik tersebut adalah *perihal mengawal sesuatu atau seseorang* dan mengalami pengurangan makna. Selain itu, kata nama pinjaman ini turut mengalami pemilikan makna baru iaitu *kebolehan menendang dan membaling bola mengikut laluan yang dikehendaki pemain*.

10. ゴール (*Gōru*)

Komponen Semantik	Leksikal ゴール <i>gōru</i>	Perkataan Asal <i>goal</i>
Garisan penamat dalam perlawanan.	+	+
Lokasi yang dituju/Destinas.	+	+
Satu bekas atau benda berbingkai di mana apabila bola dimasukkan ke dalamnya akan memperolehi mata seperti mana dalam sukan.	+	+
Mata yang diperolehi dalam sukan.	-	+
Tujuan/ Objektif.	-	+

Perkataan ゴール *gōru* mengalami pengurangan makna setelah diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *goal* mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *garisan penamat dalam perlawanan*, *lokasi yang dituju atau destinasi*, *satu bekas atau benda berbingkai di mana apabila bola dimasukkan ke dalamnya akan memperolehi mata seperti mana dalam sukan*, *mata yang diperolehi dalam sukan* dan *tujuan atau objektif*.

Namun begitu, perkataan ゴール *gōru* hanya mempunyai sebahagian komponen-komponen semantik dari perkataan *goal* iaitu *garisan penamat dalam perlawanan*, *lokasi yang dituju atau destinasi* dan *satu bekas atau benda berbingkai di mana apabila bola dimasukkan ke dalamnya akan memperolehi mata seperti mana dalam sukan*.

11. ショー (Shō)

Komponen Semantik	Leksikal ショー <i>shō</i>	Perkataan Asal <i>show</i>
Persembahan secara visual.	+	+
Pameran/Pertunjukan.	+	+
Hiburan.	+	+
Acara/majlis awam.	-	+
Satu koleksi benda.	-	+
Mengekspresikan sesuatu.	-	+
Berpura-pura.	-	+
Tidak ikhlas.	-	+
Acara/majlis atau situasi yang dijalankan untuk menyelesaikan sesuatu urusan.	-	+
Pemandangan yang menarik.	-	+

Perkataan *show* dari bahasa Inggeris mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *persembahan*, *pameran/pertunjukan*, *hiburan*, *acara/majlis awam*, *satu koleksi benda*, *mengekspresikan sesuatu*, *berpura-pura*, *tidak ikhlas*, *acara/majlis atau situasi yang dijalankan untuk menyelesaikan sesuatu urusan* dan *pemandangan yang menarik*. Walau bagaimanapun, apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun, perkataan ショー *shō* mengalami pengurangan makna di mana hanya 3 daripada komponen-komponen semantik di atas diserap masuk iaitu *persembahan*, *pameran/pertunjukan* dan *hiburan*.

12. ジュース (Jyūsu)

Komponen Semantik	Leksikal ジュース <i>jyūsu</i>	Perkataan Asal <i>juice</i>
Minuman dari perahan buah atau sayur.	+	+
Cecair yang terdapat dalam daging.	-	+
Kuasa atau pengaruh.	-	+
Pertol/gas.	-	+
Elektik.	-	+

Perkataan ジュース *gyūsu* didefinisikan sebagai *minuman dari perahan buah atau sayur*. Walau bagaimanapun, perkataan asal *juice* dari bahasa Inggeris mempunyai komponen semantik yang sama dengan perkataan ジュース dan empat lagi komponen semantik lain iaitu *cecair yang terdapat dalam daging, kuasa atau pengaruh, petrol/gas serta elektrik*. Oleh yang demikian, perkataan ジュース *gyūsu* telah mengalami pengurangan makna apabila dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun.

13. スクラップ (*Sukurappu*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	スクラップ <i>sukurappu</i>	<i>scrap</i>
Cebisan dari besi atau logam-logam lain.	+	+
Carikan/cebisan kertas.	+	+
Cebisan kecil/Saki-baki makanan.	-	+
Kuantiti yang sedikit/ cebisan kecil.	-	+
Pertelingkahan atau pergaduhan.	-	+
Perihal menarik artikel atau laporan dari surat khabar, majalah dan lain-lain.	+	-

Perkataan *scrap* bermakna *cebisan dari besi atau logam-logam lain, carikan/cebisan kertas, cebisan kecil/saki-baki makanan, kuantiti yang sedikit dan pertelingkahan atau pergaduhan*. Tetapi, perkataan スクラップ *sukurappu* hanya menyerap makna *cebisan dari besi atau logam-logam lain* dan *carikan/cebisan kertas* dari perkataan asal dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, perkataan スクラップ *sukurappu* juga mengalami pemilikan makna baru iaitu *perihal menarik artikel atau laporan dari surat khabar, majalah dan lain-lain*. Oleh yang demikian, boleh dirumuskan bahawa perkataan スクラップ *sukurappu* mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru.

14. スタート (*Sutāto*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	スタート <i>sutāto</i>	<i>start</i>
Bertolak/Berlepas.	+	+
Perihal bermula.	+	+
Titik permulaan.	+	+
Bergerak dengan tiba-tiba/ Pergerakan yang tiba-tiba.	-	+
Peluang.	-	+
Pertandingan/Perlumbaan.	-	+
Jurang masa atau jarak antara pelumba di hadapan dan di belakang.	-	+

Perkataan *start* mempunyai beberapa komponen semantik iaitu *bertolak atau berlepas*, *perihal bermula*, *titik permulaan*, *bergerak dengan tiba-tiba/ atau pergerakan yang tiba-tiba*, *peluang*, *pertandingan/perlumbaan* dan *jurang masa atau jarak antara pelumba di hadapan dan di belakang*. Namun, apabila perkataan tersebut dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun, perkataan スタート *sutāto* hanya menyerap tiga daripada komponen-komponen semantik di atas. Komponen-komponen semantik yang kekal dalam perkataan スタート *sutāto* ialah *bertolak atau berlepas*, *perihal bermula* dan *titik permulaan*. Oleh itu, perkataan スタート *sutāto* mengalami pengurangan makna setelah dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun.

15. ステージ (*Sutēji*)

Komponen Semantik	Leksikal ステージ <i>sutēji</i>	Perkataan Asal <i>stage</i>
Pentas/Rostrum/Platform.	+	+
Tempat /Bilik/Bangunan/Ruang untuk melakukan persembahan.	+	+
Tahap/aras /peringkat/ bahagian sesuatu perkara.	+	+
Masa/tempoh sesuatu perkara.	+	+
Sebahagian dari sesuatu proses.	-	+
Bahagian pada sesebuah roket.	-	+
Tempat berlakunya sesuatu yang penting secara politik.	-	+
Kereta kuda.	-	+

Pengurangan makna juga berlaku pada perkataan ステージ *sutēji* yang berasal dari perkataan bahasa Inggeris, *stage*. Sebagaimana perkataan-perkataan lain yang mengalami pengurangan makna, perkataan ステージ *sutēji* hanya menyerap sebahagian dari komponen-komponen semantik dari makna asal dalam bahasa Inggeris. Perkataan *stage* yang pada asalnya mempunyai komponen-komponen semantik *pentas/rostrum/platform*, *tempat /bilik/bangunan/ruang untuk melakukan persembahan*, *tahap, aras, peringkat* atau *bahagian sesuatu perkara*, *sebahagian dari sesuatu proses*, *bahagian pada sesebuah roket*, *masa atau tempoh sesuatu perkara*, *tempat berlakunya sesuatu yang penting secara politik* dan *kereta kuda*.

Walau bagaimanapun, perkataan ステージ *sutēji* hanya mempunyai tiga komponen apabila dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun iaitu *pentas/rostrum/platform*, *tempat /bilik/bangunan/ruang untuk melakukan persembahan* dan *tahap, aras, peringkat* atau *bahagian sesuatu perkara*.

16. タイヤ (*Taiya*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	タイヤ <i>taiya</i>	<i>tyre</i>
Bahagian luar roda.	+	+
Kenderaaan.	+	+
Roda yang diperbuat dari getah.	+	+
Diisi dengan angin.	+	+
Roda termasuk bahagian besi roda.	+	-

Perkataan タイヤ *taiya* mengalami peluasan makna apabila diadaptasi ke bahasa Jepun.

Perkataan *tyre* pada asalnya mempunyai komponen-komponen semantik seperti *bahagian luar roda*, *kenderaan*, *roda yang diperbuat dari getah* dan *diisi dengan angin*.

Apabila dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun, perkataan タイヤ *taiya* mengekalkan makna-makna tersebut dan ditambah pula dengan komponen semantik *roda termasuk bahagian besi roda*.

17. ダメージ (*Damēji*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	ダメージ <i>damēji</i>	<i>damage</i>
Kerosakkān/Kecederaan.	+	+
Merosakkān sesuatu.	-	+
Wang ganti-rugi yang dibayar kepada mereka yang dcederakan atau mengalami kerugian.	-	+

Perkataan ダメージ *damēji* mengalami pengurangan makna selepas diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Perkataan asalnya iaitu *damage* yang memiliki *kerosakkān* atau *kecederaan*, *merosakkān sesuatu* dan *wang ganti-rugi yang dibayar kepada mereka yang dcederakan atau mengalami kerugian* sebagai komponen-komponen semantik.

Tetapi hanya satu sahaja komponen semantik yang diserap sebagai komponen semantik perkataan ダメージ *damēji* iaitu *kerosakkān* atau *kecederaan*.

18. チケット (*Chiketto*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	チケット <i>chiketto</i>	<i>ticket</i>
Tiket kenderaaan, pas kemasukan dan sebagainya.	+	+
Bukti pembelian.	-	+
Kad harga.	-	+
Saman.	-	+
Idea atau perancangan yang disokong seseorang semasa mereka menyertai pilihan raya.	-	+
Parti politik dalam pilihan raya.	-	+
Kupon.	+	-

Perkataan *ticket* di atas mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *bukti pembelian, kad harga, saman, idea atau perancangan yang disokong seseorang semasa mereka menyertai pilihan raya, parti politik dalam pilihan raya* dan *tiket kenderaaan, pas kemasukan dan sebagainya*. Namun begitu, perkataan チケット *chiketto* hanya menyerap satu komponen semantik iaitu *tiket kenderaaan, pas kemasukan dan sebagainya*. Tambahan pula, perkataan チケット *chiketto* memiliki makna baru iaitu *kupon*. Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa perkataan チケット mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru.

19. チャンス (*Chansu*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	チャンス <i>chansu</i>	<i>chance</i>
Peluang yang positif.	+	+
Kemungkinan.	+	+
Risiko.	-	+
Nasib.	-	+

Perkataan *chance* di atas mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *peluang yang positif*, *kemungkinan*, *risiko* dan *nasib*. Apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun, perkataan チャンス *chansu* yang berasal dari perkataan *chance* dari bahasa Inggeris hanya mengekalkan dua daripada komponen-komponen semantik tersebut iaitu *peluang yang positif* dan *kemungkinan*. Oleh itu, perkataan チャンス *chansu* mengalami pengurangan makna.

20. トイレ(*Toire*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	トイレ <i>toire</i>	<i>toilet</i>
Bilik air/ Tandas.	+	+
Gaya Barat.	+	+
Mangkuk tandas/jamban	+	+
Proses membersihkan diri dan mengenakan pakaian pada diri sendiri.	-	+

Secara amnya perkataan トイレ *toire* dan perkataan *toilet* memiliki tiga komponen semantik utama yang sama iaitu *gaya Barat*, *mangkuk tandas/jamban* dan *bilik air atau tandas*. Namun begitu, disebabkan perkataan トイレ *toire* hanya menyerap tiga daripada komponen semantik perkataan asalnya iaitu *toilet*, maka perkataan トイレ *toire* mengalami pengurangan makna setelah dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun

21. トラブル (*Toraburu*)

Komponen Semantik	Leksikal トラブル <i>toraburu</i>	Perkataan Asal <i>trouble</i>
Kesusahan/ masalah.	+	+
Kekurangan/ keburukan seseorang atau sesuatu.	+	+
Pertelingkahan/perbalahan.	+	+
Kesukaran.	+	+
Kerisauan.	+	+
Keadaan sesuatu yang teruk/ tidak berfungsi.	+	+
Menyusahkan seseorang.	-	+
Kesakitan/ penyakit.	-	+
Situasi yang sukar atau bahaya.	-	+
Usaha atau kerja lebih.	-	+

Perkataan *トラブル toraburu* mengalami pengurangan makna selepas diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *trouble* mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *kesusahan atau masalah, kekurangan/ keburukan seseorang atau sesuatu, pertelingkahan atau perbalahan, kesukaran, kerisauan, keadaan sesuatu yang teruk atau tidak berfungsi, menyusahkan seseorang, kesakitan/ penyakit, situasi yang sukar atau bahaya dan usaha atau kerja lebih*. Namun begitu, perkataan *トラブル toraburu* memiliki hanya sebahagian komponen-komponen semantik tersebut iaitu *kesusahan atau masalah, kesusahan atau masalah, kekurangan/ keburukan seseorang atau sesuatu, pertelingkahan atau perbalahan, kesukaran, kerisauan dan keadaan sesuatu yang teruk atau tidak berfungsi*.

22. バッテリー (*Batterī*)

Komponen semantik	Bahasa Jepun バッテリー <i>batterī</i>	Bahasa Inggeris <i>battery</i>
Boleh dicas dan digunakan semula berulang kali.	+	+
Kod dari pukulan bertalu-talu pada drum/ gendang tentera.	+	-
Kaedah untuk bermain tali pada gitar.	+	-
Pasangan pembaling dan penangkap bola lisut.	+	-
Bilangan/Kuantiti yang banyak.	-	+
Beberapa senapang, pistol dan senjata.	-	+
Serangan secara fizikal.	-	+
Sangkar yang digabung untuk menyimpan ayam.	-	+

Perkataan *battery* mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *boleh dicas dan digunakan semula berulang kali*, *bilangan atau kuantiti yang banyak*, *beberapa senapang, pistol dan senjata*, *serangan secara fizikal* dan *sangkar yang digabung untuk menyimpan ayam*. Walau bagaimanapun, perkataan バッテリー *batterī* hanya menyerap satu komponen semantik dari perkataan asalnya iaitu *boleh dicas dan digunakan semula berulang kali*. Oleh yang demikian, perkataan バッテリー *batterī* dikatakan mengalami pengurangan makna setelah diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Selain itu, perkataan バッテリー *batterī* mengalami pemilikan makna baru melalui komponen semantik *kod dari pukulan bertalu-talu pada drum/ gendang tentera*, *kaedah untuk bermain tali pada gitar* dan *pasangan pembaling dan penangkap bola lisut*.

23. バランス (*Baransu*)

Komponen Semantik	Leksikal バランス <i>baransu</i>	Perkataan Asal <i>balance</i>
Keseimbangan.	+	+
Keseimbangan debit dan kredit.	+	+
Keseimbangan/kestabilan badan.	-	+
Keserataan/Keseragaman/Keseimbangan campuran bunyi-bunyi tertentu dalam alat elektronik untuk muzik.	-	+
Selepas mempertimbangkan semua pendapat dan fakta.	-	+
Alat Penimbang.	-	+
Duit baki.	-	+

Perkataan バランス *baransu* mengalami pengurangan makna apabila tidak semua komponen semantik pada perkataan asalnya *balance* diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *balance* boleh didefinisikan mengikut komponen-komponen semantik *keseimbangan*, *keserataan/keseragaman/keseimbangan campuran bunyi-bunyi tertentu dalam alat elektronik untuk muzik*, *keseimbangan/kestabilan badan*, *selepas mempertimbang semua pendapat dan fakta*, *alat penimbang*, *duit baki* dan *keseimbangan debit dan kredit*. Walau bagaimanapun, perkataan バランス *baransu* hanya mengambil komponen semantik *keseimbangan* dan *keseimbangan debit dan kredit* sebagai komponen semantik dalam bahasa Jepun.

24. パワー (*Pawā*)

Komponen Semantik	Leksikal パワー <i>pawā</i>	Perkataan Asal <i>power</i>
Kebolehan mengawal sesuatu.	+	+
Kekuatan.	+	+
Autoriti/Pengaruh.	+	+
Tenaga.	+	+
Istilah matematik.	+	+
Hak membuat sesuatu yang dibenarkan oleh undang-undang.	-	+
Kuasa elektrik.	-	+
Kebolehan semula jadi.	-	+
Orang, organisasi atau negara yang mengawal sesuatu.	-	+
Ukuran bagi membesarkan saiz sesuatu imej.	-	+
Kewujudan yang baik atau jahat dan mengawal kehidupan orang lain.	-	+
Negara yang memiliki pengaruh yang besar.	-	+
Kekuatan secara berkumpulan.	+	-
Produktiviti/Kadar penghasilan.	+	-

Berdasarkan jadual di atas, komponen-komponen semantik yang terdapat pada perkataan *power* ialah *kebolehan mengawal sesuatu*, *kekuatan*, *autoriti/pengaruh*, *tenaga*, *istilah matematik*, *hak membuat sesuatu yang dibenarkan oleh undang-undang*, *kuasa elektrik*, *kebolehan semula jadi*, *orang, organisasi atau negara yang mengawal sesuatu*, *ukuran bagi membesarkan saiz sesuatu imej*, *kewujudan yang baik atau jahat dan mengawal kehidupan orang lain* dan *negara yang memiliki pengaruh yang besar*. Namun begitu, perkataan パワー *pawā* mengalami pengurangan makna apabila hanya sebahagian daripada komponen-komponen tersebut diserap masuk ke dalam bahasa Jepun setelah dijadikan kata pinjaman iaitu *kebolehan mengawal sesuatu*, *kekuatan*, *autoriti*, *tenaga* dan *istilah matematik*. Selain itu, kata nama pinjaman ini juga mengalami pemilikan makna baru iaitu *kekuatan secara berkumpulan* dan *produktiviti/kadar penghasilan*.

25. ピンチ (*Pinchi*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	ピンチ <i>pinchi</i>	<i>pinch</i>
Memicit sesuatu di antara dua jari.	-	+
Kuantiti yang sedikit.	-	+
Krisis/ Dilema.	+	-

Perkataam *pinch* bererti *memicit sesuatu di antara dua jari*, *mencuri sesuatu* dan *kuantiti yang sedikit*. Walau bagaimanapun, perkataan ピンチ *pinchi* yang diadaptasi dari perkataan tersebut mengalami pemilikan makna baru apabila makna *krisis* atau *dilema* dijadikan komponen makna kata nama pinjaman tersebut.

26. プレゼント (*Purezento*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	プレゼント <i>purezento</i>	<i>present</i>
Pemberian tanpa diminta.	+	+
Masa sekarang.	-	+

Perkataan プレゼント *purezento* di atas mangalami pengurangan makna apabila hanya satu daripada dua komponen semantik perkataan asalnya iaitu *present* diserap ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *present* mempunyai komponen semantik iaitu *pemberian tanpa diminta* dan *masa sekarang* tetapi apabila perkataan itu dijadikan kata pinjaman, perkataan プレゼント *purezento* hanya memiliki satu komponen semantik iaitu *pemberian tanpa diminta*.

27. プロジェクト (*Purojekuto*)

Komponen Semantik	Leksikal プロジェクト <i>purojekuto</i>	Perkataan Asal <i>project</i>
Program perkembangan atau rancangan sesuatu.	+	+
Set idea/ aktiviti yang ingin disampaikan kepada orang ramai.	-	+
Kerja sekolah atau tugas kolej/universiti.	-	+
Projek Perumahan.	-	+
Operasi atau kajian untuk menghasilkan atau melaksanakan sesuatu yang baru.	+	-

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa perkataan プロジェクト *purojekuto* mengalami pengurangan makna apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *project* mempunyai beberapa komponen-komponen semantik iaitu *program perkembangan atau rancangan sesuatu*, *set idea/ aktiviti yang ingin disampaikan kepada orang ramai*, *kerja sekolah atau tugas kolej/universiti*, dan *projek perumahan*. Walau bagaimanapun, selepas dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun, perkataan プロジェクト *purojekuto* hanya menyerap satu komponen semantik sahaja iaitu *program perkembangan atau rancangan sesuatu*. Tambahan pula, kata pinjaman ini juga memiliki makna baru iaitu *operasi atau kajian untuk menghasilkan atau melaksanakan sesuatu yang baru*.

28. ページ (*Pēji*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	ページ <i>pēji</i>	<i>page</i>
Satu helai kertas dari buku, buku akaun, surat khabar, majalah dan juga lain-lain.	+	+
Nombor atau simbol di hujung helaian kertas untuk menunjukkan bilangan mukasurat.	+	+
Sebahagian daripada laman sesawang.	-	+
Budak lelaki yang bekerja dengan satria untuk menjadi satria.	-	+
Tempoh/waktu yang penting dalam sejarah.	-	+

Perkataan *page* pada asalnya mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *helai kertas dari buku, buku akaun, surat khabar, majalah dan juga lain-lain, nombor atau simbol di hujung helaian kertas untuk menunjukkan bilangan mukasurat, sebahagian daripada laman sesawang, budak lelaki yang satu bekerja dengan satria untuk menjadi satria dan tempoh/waktu yang penting dalam sejarah*. Namun begitu, apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun menjadi ページ *pēji*, perkataan tersebut hanya mempunyai komponen semantik *helai kertas dari buku, buku akaun, surat khabar, majalah dan juga lain-lain dan nombor atau simbol di hujung helaian kertas untuk menunjukkan bilangan mukasurat*. Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa perkataan ページ *pēji* mengalami pengurangan makna selepas dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun.

29. ペット (*Petto*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	ペット <i>petto</i>	<i>pet</i>
Haiwan peliharaan.	+	+
Orang yang disukai oleh orang yang berkuasa.	-	+
Orang yang baik hati dan mudah disukai.	-	+
Cara percakapan yang ramah.	-	+
Budak lelaki yang digemari atau disayangi oleh orang tertentu.	+	+

Perkataan ペット *petto* mengalami pengurangan makna apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Hal ini berlaku perkataan *pet* memiliki komponen-komponen semantik iaitu *haiwan peliharaan*, *orang yang disukai oleh orang yang berkuasa*, *orang yang baik hati dan mudah disukai*, *cara percakapan yang ramah* dan *budak lelaki yang digemari atau disayangi oleh orang tertentu*. Sebaliknya, perkataan ペット *petto* hanya mempunyai dua komponen semantik iaitu *haiwan peliharaan* dan *budak lelaki yang digemari atau disayangi oleh orang tertentu*.

30. ペンダント (*Pendanto*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	ペンダント <i>pendanto</i>	<i>pendant</i>
Benda yang disangkut menggunakan rantai atau tali pada leher.	+	+
Lampu perhiasan elektrik yang digantung pada siling, atap dan sebagainya.	+	-
Perhiasan yang digantung pada subang/anting-anting	+	-

Berdasarkan jadual di atas, di dapati bahawa perkataan ペンダント *pendanto* mengalami peluasan makna apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Perkataan asalnya iaitu *pendant* hanya mempunyai satu komponen semantik iaitu *benda yang disangkut menggunakan rantai atau tali pada leher*. Tetapi perkataan ペンダント *pendanto* mempunyai tiga komponen semantik iaitu *benda yang disangkut menggunakan rantai atau tali pada leher, lampu perhiasan elektrik yang digantung pada siling, atap dan sebagainya dan perhiasan yang digantung pada subang/anting-anting*. Selain itu, perkataan ペンダント *pendanto* juga mengalami pemilikan makna baru melalui komponen semantik *lampu perhiasan elektrik yang digantung pada siling, atap dan sebagainya dan perhiasan yang digantung pada subang/anting-anting*.

31. ボス (*Bosu*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	ボス <i>bosu</i>	<i>boss</i>
Orang yang berada pada posisi teratas dalam sesuatu kumpulan dan berkuasa ke atasnya.	+	+
Perhiasan berbentuk perisai.	-	+
Orang yang berpengaruh.	+	-
Nama panggilan bagi ketua sesebuah organisasi, parti politik, kumpulan dan sebagainya.	+	-

Jadual di atas menunjukkan bahawa perkataan *boss* memiliki empat komponen semantik iaitu *orang yang berada pada posisi teratas dalam sesuatu kumpulan dan berkuasa ke atasnya* dan *perhiasan berbentuk perisai*. Perkataan ボス *bosu* pula hanya mengekalkan satu daripada komponen-komponen semantik tersebut setelah dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun iaitu *orang yang berada pada posisi teratas dalam sesuatu kumpulan dan berkuasa ke atasnya*. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa

perkataan ボス *bosu* mengalami pengurangan makna apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Tambahan pula, kata nama pinjaman ini juga mengalami pemilikan makna baru iaitu *orang yang berpengaruh dan nama panggilan bagi ketua sesebuah organisasi, parti politik, kumpulan dan sebagainya*.

32. ボタン (*Botan*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	ボタン <i>botan</i>	<i>button</i>
Satu mesin yang ditekan menggunakan jari.	+	+
Objek kecil untuk membutang baju.	-	+
Lencana atau pin butang.	-	+

Perkataan ボタン *botan* mengalami pengurangan makna selepas dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun. Perkataan *button* didefinisikan mengikut komponen-komponen semantik *satu mesin yang ditekan menggunakan jari, objek kecil untuk membutang baju dan lencana atau pin butang*. Namun begitu, perkataan ボタン *botan* hanya mengekalkan komponen semantik *satu mesin yang ditekan menggunakan jari* apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun.

33. マーク (*Māku*)

Komponen Semantik	Leksikal マーク <i>māku</i>	Perkataan Asal <i>mark</i>
Tanda/ Simbol/ Logo/ Bendera.	+	+
Digunakan untuk menanda seseorang atau sesuatu.	-	+
Gred atau markah kerja di sekolah oleh murid.	-	+
Tahap sesuatu.	-	+
Tanda yang mewakili ciri-ciri seseorang atau sesuatu.	-	+
Matawang Deutschmark	-	+
Tompok/kotoran	-	+
Nama model untuk mesin	-	+
Suhu gas dalam oven	-	+
Simbol pangkah di hujung dokumen bagi mereka yang buta huruf.	-	+
Tempat <i>fair catch</i> dalam rugby.	+	-
Tempat <i>free kick</i> dan <i>penalty kick</i>.	+	-
Perihal menanda pada padang dalam golf.	+	-
Tempat <i>strike</i> atau <i>spare</i> dalam bowling.	+	-
Perbuatan merekod	+	-
Menumpukan perhatian pada sasaran tertentu.	+	-

Berdasarkan analisis komponen makna dalam jadual di atas, selepas diadaptasi ke dalam bahasa Jepun, tidak semua komponen-komponen semantik perkataan *mark* dikekalkan dan perkataan マーク *māku* mengalami pengurangan makna. Selain itu, perkataan マーク *māku* juga mempunyai pemilikan makna baru iaitu *tempat fair catch dalam rugby*, *tempat free kick dan penalty kick*, *perihal menanda pada padang dalam golf*, *tempat strike atau spare dalam bowling*, *perbuatan merekod* dan *menumpukan perhatian pada sasaran tertentu*. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa perkataan マーク *māku* mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru.

34. マシン (*Mashin*)

Komponen semantik	Bahasa Jepun マシン <i>mashin</i>	Bahasa Inggeris <i>machine</i>
Alat atau mesin.	+	+
Komputer.	-	+
Kenderaan bermotor.	+	+
Kumpulan manusia yang mengawal sesuatu.	-	+
Menjahit pakaian dengan mesin jahit.	-	+
Manusia yang tidak berehat dan asyik bekerja.	+	-
Manusia yang berkerja dengan automatik tanpa perasaan	-	+

Perkataan マシン *mashin* mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *machine* mempunyai beberapa komponen-komponen semantik iaitu *alat atau mesin*, *komputer*, *kenderaan bermotor*, *kumpulan manusia yang mengawal sesuatu*, *menjahit pakaian dengan mesin jahit* dan *manusia yang berkerja dengan automatik tanpa perasaan*. Sebaliknya, hanya sebahagian daripada komponen-komponen semantik tersebut diserap masuk ke dalam perkataan マシン *mashin* iaitu *alat atau mesin* dan *kenderaan bermotor*. Tambahan pula, perkataan マシン *mashin* juga mengalami pemilikan makna baru melalui komponen semantik *manusia yang tidak berehat dan asyik bekerja*.

35. マジック (*Majikku*)

Komponen Semantik	Leksikal マジック <i>majikku</i>	Perkataan Asal <i>magic</i>
Sihir/Magik.	+	+
Kuasa misteri/ ajaib/ luarbiasa.	+	+
Ciri-ciri luarbiasa yang menonjolkan kelainan sesuatu.	-	+
Berlaku dengan keadaan luarbiasa.	-	+
Tipu-helah.	+	-

Perkataan マジック *majikku* mengalami pengurangan makna apabila hanya dua daripada empat komponen semantik asalnya diserap ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *magic* didefinisikan melalui komponen-komponen semantik *sihir atau magik, kuasa misteri, ajaib atau luarbiasa, ciri-ciri luarbiasa yang menonjolkan kelainan sesuatu atau berlaku dengan keadaan luarbiasa*. Tetapi hanya komopnen semantik *sihir atau magik* dan *kuasa misteri, ajaib atau luarbiasa* sahaja yang kekal sebagai komponen semantik perkataan マジック *majikku* setelah diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Selain itu, perkataan マジック juga mengalami pemilikan makna baru melalui komponen semantik *tipu-helah*.

36. ママ (*Mama*)

	Leksikal	Perkataan Asal
Komponen Semantik	ママ <i>mama</i>	<i>mama</i>
Ibu	+	+
Seorang wanita terutamanya wanita yang cantik	-	+
Pemilik bar wanita	+	-
<i>Madam</i>	+	-

Perkataan ママ *mama* mengalami pengurangan makna apabila perkataan tersebut hanya didefinisikan dengan komponen semantik *ibu*. Berbanding dengan perkataan asalnya *mama* yang didefinisikan dengan komponen-komponen semantik *ibu* dan juga *seorang wanita terutamanya wanita yang cantik*. Perkataan ママ *mama* juga memiliki makna baru iaitu *pemilik bar wanita* dan *madam*.

37. メンバー (*Menbā*)

Komponen Semantik	Leksikal メンバー <i>menbā</i>	Perkataan Asal <i>member</i>
Seseorang yang terlibat dan dimiliki oleh sesebuah kumpulan.	+	+
Kaki atau tangan.	-	+
Kemaluan lelaki.	-	+

Perkataan *member* di atas merujuk kepada komponen semantik *seseorang yang terlibat dan dimiliki oleh sesebuah kumpulan*, *kaki atau tangan* dan *kemaluan lelaki*. Manakala perkataan メンバー *menbā* pula hanya mempunyai satu komponen semantik iaitu *seseorang yang terlibat dan dimiliki oleh sesebuah kumpulan*. Oleh yang demikian, perkataan メンバー *menbā* mengalami pengurangan makna apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun.

38. リーダー (*Rīdā*)

Komponen Semantik	Leksikal リーダー <i>rīdā</i>	Perkataan Asal <i>leader</i>
Ketua/ petunjuk/ mentor.	+	+
Pemenang.	+	+
Bahagian editorial surat khabar.	-	+
Pemain violin terpenting dalam orkestra.	-	+
Barisan titik yang digunakan dalam mencetak.	+	-
(Dalam pita rakaman audio, video dan filem) Bahagian atas yang dimasukkan terlebih dahulu.	+	-
Komander.	+	-
Jurulatih.	+	-
Konduktor (muzikal).	+	-
Sebaris titik dalam percetakan.	+	-
Artikel atau editorial yang mendahului dalam surat khabar atau majalah.	+	-

Perkataan リーダー *rīdā* di atas mengalami pengurangan makna di mana hanya dua daripada komponen-komponen semantik asal diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Perkataan asalnya, *leader* mempunyai empat komponen-komponen semantik iaitu *ketua*, *petunjuk* atau *mentor*, *pemenang*, *bahagian editorial* surat khabar dan *pemain violin terpenting dalam orkestra*. Tetapi perkataan リーダー *rīdā* hanya menyerap masuk komponen semantik *ketua*, *petunjuk* atau *mentor* dan *pemenang* sahaja. Tambahan pula, perkataan リーダー *rīdā* juga memiliki makna baru iaitu *barisan titik yang digunakan dalam mencetak* dan (*dalam pita rakaman audio, video dan filem*) *bahagian atas yang dimasukkan terlebih dahulu*.

39. レース (*Rēsu*)

Komponen Semantik	Leksikal レース <i>rēsu</i>	Perkataan Asal <i>race</i>
Perlawanan/ pertandingan untuk sukan.	+	+
Perihal bertanding.	+	+
Bangsa.	+	+
Satu siri perlumbaan kuda.	-	+
Sejenis haiwan/tumbuh-tumbuhan.	-	+

Berdasarkan jadual di atas, perkataan レース *rēsu* mengalami pengurangan makna selepas diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Perkataan asalnya, *race* mempunyai komponen-komponen semantik iaitu *perlawanan* atau *pertandingan untuk sukan*, *perihal bertanding*, *bangsa*, *satu siri perlumbaan kuda* dan *sejenis haiwan/tumbuh-tumbuhan*. Perkataan レース *rēsu* puka hanya mengekalkan dua sahaja komponen semantik tersebut iaitu *perlawanan* atau *pertandingan untuk sukan* dan *perihal bertanding*.

40. レーダー (*Rēdā*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	レーダー <i>rēdā</i>	<i>radar</i>
Mesin yang memaparkan lokasi, ketinggian dan jarak objek sasaran.	+	+
(Dalam trafik) mesin mengukur kelajuan.	+	-

Merujuk jadual di atas, didapati bahawa perkataan レーダー *rēdā* mengalami peluasan makna apabila dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun. Perkataan asal, *radar* hanya mempunyai satu makna iaitu *mesin yang memaparkan lokasi, ketinggian dan jarak objek sasaran*. Apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun, perkataan レーダー *rēdā* meluaskan maknanya dan mengalami pemilikan makna baru melalui komponen semantik *mesin mengukur kelajuan (dalam trafik)*.

41. ロケット (*Roketto*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen semantik	ロケット <i>roketto</i>	<i>rocket</i>
Objek yang terbang dengan pantas.	+	+
Senjata.	+	+
Boleh bergerak di angkasa lepas.	+	+
Sayur yang digunakan dalam salad.	+	+
Bunga api yang terbang ke udara dan meletup.	-	+

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa selepas perkataan *rocket* dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun, perkataan ロケット *roketto* mengalami pengurangan makna di mana hanya sebahagian sahaja komponen-komponen semantik asal dikekalkan iaitu *objek yang terbang dengan pantas, senjata, boleh bergerak di angkasa lepas* dan *sayur yang digunakan dalam salad*.

42. ボール (*Bōru*)

	Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris
Komponen Makna	ボール <i>bōru</i>	<i>ball</i>
Objek berbentuk sfera.	+	+
Digunakan dalam permainan atau sukan.	+	+
Diperbuat daripada kulit, getah atau seluloid.	+	+
Bola <i>strike</i> dalam sukan bola lisut.	+	+
Majlis tari-menari.	+	+
Benang yang digulung.	-	+
Bahagian pada jari kaki atau ibu jari.	-	+
Tetstis.	-	+

Jadual di atas menunjukkan bahawa, selepas perkataan *ball* dibawa masuk ke dalam bahasa Jepun, perkataan ボール *bōru* hanya mengekalkan lima komponen makna dari perkataan asal iaitu *objek berbentuk sfera*, *digunakan dalam permainan atau sukan*, *diperbuat daripada kulit, getah atau seluloid*, *bola strike dalam sukan bola lisut*. dan *majlis tari-menari*. Oleh itu boleh disimpulkan bahawa kata nama pinjaman ボール *bōru* mengalami pengurangan makna.

4.4 Perubahan makna Kata Nama Pinjaman

Selepas menganalisis dan menapis data-data yang diperolehi dari lima buah *manga Daichouhen Doraemon*, didapat bahawa 42 daripada 92 kata nama pinjaman mengalami perubahan-perubahan makna itu. Manakala, 50 kata nama pinjaman lagi mengekalkan nama yang diperolehi dari perkataan asal (Sila lihat lampiran 3). Senarai kata nama pinjaman yang telah mengalami perubahan makna boleh dirujuk pada lampiran 4.

Berdasarkan data yang diperolehi dalam *manga Daichouhen Doraemon*, bilangan kata nama pinjaman yang memenuhi tiga ciri-ciri semantik tersebut adalah seperti berikut:

Ciri-ciri Semantik	Bilangan Kata Pinjaman
Peluasan Makna	3
Pengurangan Makna	36
Pemilikan Makna Baru	19

Jadual 4.5
Bilangan Perubahan Makna Kata Pinjaman

Jadual di atas menunjukkan bahawa 3 daripada 42 kata pinjaman mengalami peluasan makna dan merupakan ciri-ciri semantik yang paling sedikit. Majoriti kata pinjaman iaitu sebanyak 36 perkataan daripada 42 kata pinjaman mengalami pengurangan makna. Pemilikan makna baru boleh berlaku dalam mana-mana ciri-ciri semantik sama ada dalam kata pinjaman jenis peluasan makna mahupun pengurangan makna. Ini bermakna satu kata pinjaman mampu memiliki lebih dari satu perubahan makna. Contohnya kata pinjaman *mashin* dari perkataan *machine* yang mengalami dua perubahan makna iaitu pengurangan makna dan pemilikan makna baru. Oleh yang demikian, kajian ini telah berjaya mengenalpasti 19 daripada 42 kata pinjaman tersebut yang mengalami pemilikan makna baru.

4.4.1 Peluasan Makna (*Semantic Broadening*)

Dalam kajian ini, peluasan makna berlaku apabila sesuatu kata pinjaman itu mengekalkan semua komponen semantik dari perkataan asalnya dan ditambah pula dengan komponen makna lain. Peluasan makna juga berlaku apabila makna sesuatu kata pinjaman itu menjadi lebih subjektif berbanding makna asalnya dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula, kata pinjaman tersebut memperolehi komponen makna baru yang dicipta untuk kegunaan dalam bahasa Jepun dan disebut sebagai pemilikan makna

baru. Contohnya perkataan ペンダント *pendanto* (*pendant*) yang pada asalnya hanya membawa definisi *benda yang disangkut menggunakan rantai atau tali pada leher*. Namun begitu, setelah diadaptasi ke dalam bahasa Jepun, perkataan ペンダント *pendanto* mengekalkan makna asalnya dan mencipta makna baru iaitu *lampu perhiasan elektrik yang digantung pada siling, atap dan sebagainya* serta *perhiasan yang digantung pada subang/anting-anting*.

Selepas menganalisis data, didapati bahawa kata pinjaman yang mengalami peluasan makna (*semantic broadening*) mempunyai bilangan perkataan yang paling sedikit iaitu sebanyak 3 kata pinjaman. Berikut merupakan senarai kata nama pinjaman yang mengalami peluasan makna dalam 5 buah *manga Daichouhen Doraemon*:

1.	ペンダント <i>pendanto</i>	<i>pendant</i>
2.	タイヤ <i>taiya</i>	<i>tyre</i>
3.	レーダー <i>rēdā</i>	<i>radar</i>

Jadual 4.6
Kata Pinjaman yang Mengalami Peluasan Makna

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, kajian mendapat bahawa peluasan makna boleh berlaku tanpa memiliki makna baru. Perkara ini berlaku apabila makna kata pinjaman menjadi lebih meluas berbanding makna asal sebagaimana yang dibincang oleh Yamaguchi Toshiko (2007), Bréal (1900), Stern (1968) dan Ullman (1957). Contoh perubahan makna seperti ini boleh diteliti pada kata pinjaman タイヤ *taiya* dari perkataan bahasa Inggeris *tyre*. Penjelasan yang lebih lanjut akan dilakukan pada bahagian 4.4.3.

4.4.2 Pengurangan Makna (*Semantic Narrowing*)

Pengurangan makna (*semantic narrowing*) merupakan perubahan makna di mana hanya sebahagian sahaja dari komponen makna asal dalam bahasa Inggeris diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Contohnya, perkataan *toilet* membawa makna iaitu *bilik air atau tandas, mangkuk tandas/jamban* dan *proses membersihkan diri dan mengenakan pakaian pada diri sendiri*. Walau bagaimanapun, selepas dijadikan kata pinjaman dalam bahasa Jepun, perkataan telah mengugurkan makna *proses membersihkan diri dan mengenakan pakaian pada diri sendiri* dan hanya mengekalkan dua makna iaitu *bilik air atau tandas* dan *mangkuk tandas/jamban*. Kata pinjaman yang mengalami pengurangan makna merupakan kata pinjaman yang paling banyak ditemui dalam 5 buah *manga Daichouhen Doraemon* iaitu sebanyak 36 kata pinjaman. Senarai kata nama pinjaman yang mengalami pengurangan makna boleh dilihat pada lampiran 5.

4.4.3 Pemilikan Makna Baru.

Pemilikan makna baru ialah apabila kata pinjaman mempunyai makna baru selepas diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Makna baru yang diperolehi bukan berasal dari bahasa Inggeris tetapi dicipta mengikut konteks dalam budaya dan bahasa Jepun. Makna baru di sini merujuk kepada makna di luar skop atau konteks makna asal. Makna ini juga boleh dijelaskan sebagai makna yang berada di luar komponen semantik teras atau *common component* sesuatu perkataan. Dalam kajian ini, didapati bahawa 19 kata nama pinjaman memperoleh komponen semantik baru apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Berikut merupakan senarai perkataan yang mengalami pemilikan makna baru:

1.	キングダム 王国 <i>kingudamu</i>	<i>kingdom</i>	11.	プロジェクト <i>purojekuto</i>	<i>project</i>
2.	アウト <i>auto</i>	<i>out</i>	12.	ペンダント <i>pendanto</i>	<i>pendant</i>
3.	エンジン <i>engin</i>	<i>engine</i>	13.	ボス <i>bosu</i>	<i>boss</i>
4.	オーケー・オッケ <i>ōkē / okke</i>	<i>ok</i>	14.	マーク <i>māku</i>	<i>mark</i>
5.	コントロール <i>kontorōru</i>	<i>control</i>	15.	マシン <i>mashin</i>	<i>machine</i>
6.	スクラップ <i>sukurappu</i>	<i>scrap</i>	16.	マジック <i>majikku</i>	<i>magic</i>
7.	チケット <i>chiketto</i>	<i>ticket</i>	17.	ママ <i>mama</i>	<i>mama</i>
8.	バッテリー <i>batterī</i>	<i>battery</i>	18.	リーダー <i>rīdā</i>	<i>leader</i>
9.	パワー <i>pawā</i>	<i>power</i>	19.	レーダー <i>rēdā</i>	<i>radar</i>
10.	ピンチ <i>pinchi</i>	<i>pinch</i>			

Jadual 4.7
Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru

3 daripada 19 kata pinjaman tersebut tidak mengalami peluasan atau pengurangan makna tetapi hanya memperoleh makna baru. Perkataan-perkataan ini tidak menyerap sebarang makna dari perkataan asal dan mencipta makna baru. Perkara ini boleh dilihat dalam perkataan *pinch* yang membawa makna *memicit sesuatu di antara dua jari, mencuri sesuatu dan kuantiti yang sedikit*. Walau bagaimanapun, selepas diadaptasi ke dalam bahasa Jepun, perkataan ピンチ *pinchi* tidak menyerap mana-mana makna tersebut dan mengalami pemilikan makna baru melalui komponen makna *krisis atau dilema*. Perkara ini berlaku apabila perkataan yang diadaptasi hanya diserap secara sebutan tetapi bukan secara semantik. Makna kata pinjaman tersebut dicipta berdasarkan keperluan masyarakat Jepun dan bukan berdasarkan makna teras perkataan asal. Berikut merupakan senarai kata nama pinjaman yang hanya mengalami pemilikan makna baru sahaja:

1.	アウト <i>auto</i>	<i>out</i>
2.	オーケー・オッケ <i>ōkē / okke</i>	<i>ok</i>
3.	ピンチ <i>pinchi</i>	<i>pinch</i>

Jadual 4.8
Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru Sahaja

Menurut Shibatani (1990) dan Fromkin et al (2011), jenis perubahan makna ini disebut sebagai *shift in meaning* atau peralihan makna. Shibatani (1990) menggambarkan bahawa jenis perubahan makna ini berlaku dengan kadar sederhana (*fairly frequently*) dalam kes kata pinjaman. Namun begitu, dalam kajian ini didapati bahawa kata pinjaman dari jenis peralihan makna ini berlaku dalam kuantiti yang sedikit.

Pemilikan makna baru juga boleh berlaku pada mana-mana perkataan yang turut mengalami peluasan makna dan pengurangan makna. Perkara ini boleh dilihat apabila 14 daripada 19 kata pinjaman tersebut pula adalah kata pinjaman yang mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru. Perkara ini berlaku apabila hanya sebahagian daripada makna asal diserap masuk dan makna baru dicipta serta ditambah apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun.

Contohnya, perkataan ^{キングダム}王国 *kingudamu* mengalami pengurangan makna apabila salah satu makna asal dalam bahasa Inggeris iaitu *kumpulan dari alam semula jadi yang dibahagikan berdasarkan jenis dan golongannya* tidak diserap ke dalam bahasa Jepun tetapi perkataan ini juga mengalami pemilikan makna baru apabila memperoleh komponen-komponen makna baru iaitu *dunia* dan *kategori atau bidang dalam*

akademik, seni dan lain-lain. Senarai di bawah menunjukkan kata nama pinjaman yang telah mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru:

1.	王国 <i>kingudamu</i>	<i>kingdom</i>	8.	プロジェクト <i>purojekuto</i>	<i>project</i>
2.	エンジン <i>enjin</i>	<i>engine</i>	9.	ボス <i>bosu</i>	<i>boss</i>
3.	コントロール <i>kontorōru</i>	<i>control</i>	10.	マーク <i>māku</i>	<i>mark</i>
4.	スクラップ <i>sukurappu</i>	<i>scrap</i>	11.	マシン <i>mashin</i>	<i>machine</i>
5.	チケット <i>chiketto</i>	<i>ticket</i>	12.	マジック <i>majikku</i>	<i>magic</i>
6.	バッテリー <i>batterī</i>	<i>battery</i>	13.	ママ <i>mama</i>	<i>mama</i>
7.	パワー <i>pawā</i>	<i>power</i>	14.	リーダー <i>rīdā</i>	<i>leader</i>

Jadual 4.9
Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru dan Pengurangan Makna

Selain itu, kata nama pinjaman juga boleh mengalami kedua-dua peluasan makna dan pemilikan makna baru. Bagi kata pinjaman yang mengalami peluasan makna, pemilikan makna baru berlaku apabila makna tambahan yang diperolehi bukan sahaja menjadikan keseluruhan makna kata pinjaman lebih subjektif, malah komponen makna tambahan tersebut mempunyai menyentuh perkara yang berlainan dengan makna asal. Mengambil contoh sebelum ini, perkataan ペンダント *pendanto* yang mengalami peluasan makna apabila perkataan ini menyerap makna asal perkataan *pendant* iaitu *benda yang disangkut menggunakan rantai atau tali pada leher*. Kata nama pinjaman ini juga memperoleh makna baru yang berlainan dari konteks makna asal iaitu *lampu perhiasan elektrik yang digantung pada siling, atap dan sebagainya* dan *perhiasan yang digantung pada subang/anting-anting*. Kedua-dua komponen makna ini menyentuh perkara di luar skop makna asal. Oleh itu, komponen-komponen ini

merupakan makna baru dalam perkataan ペンダント *pendanto*. Berikut merupakan kata nama pinjaman yang mengalami kedua-dua peluasan makna dan pemilikan makna baru:

1.	ペンダント <i>pendanto</i>	<i>pendant</i>
2.	レーダー <i>rēdā</i>	<i>radar</i>

Jadual 4.10
Kata Pinjaman yang Mengalami Pemilikan Makna Baru dan Peluasan Makna

Namun begitu, tidak semua peluasan makna memiliki makna baru. Seperti yang dinyatakan pada bahagian 4.4.1, dalam kes-kes tertentu, peluasan makna hanya menjadikan sesuatu makna lebih subjektif tanpa memperolehi makna baru. Keadaan ini boleh dilihat pada perkataan タイヤ *taiya* di mana komponen makna asal perkataan *tyre* adalah *bahagian luar roda, kenderaan, roda yang diperbuat dari getah dan diisi dengan angin*. Selepas diserap masuk ke dalam bahasa Jepun, perkataan タイヤ *taiya* mengekalkan makna-makna tersebut dan ditambah pula dengan komponen semantik *roda termasuk bahagian besi roda*. Tidak seperti ペンダント *pendanto*, komponen makna yang ditambah pada kata pinjaman タイヤ *taiya* tidak membawa makna yang berlainan dari makna teras. Komponen makna tambahan tersebut bersifat meluaskan skop makna asal perkataan asal dalam medan semantik yang sama.

4.5 Perbincangan Analisis Kualitatif

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Nida (1975), makna kata pinjaman bahasa Jepun dan makna perkataan asal bahasa Inggeris boleh dibahagikan kepada beberapa komponen makna. Hasil daripada perbandingan komponen makna perkataan-perkataan tersebut,

didapati bahawa terdapat komponen-komponen makna yang dimiliki oleh kedua-dua perkataan dan juga komponen-komponen makna lain selain daripada komponen makna yang sudah sedia-ada. Kajian ini telah mendapati bahawa komponen-komponen makna yang dikekalkan atau dimiliki oleh kedua-dua kata pinjaman dan perkataan asal merupakan *common component* sebagaimana yang diutarakan oleh Nida (1975). Manakala, komponen-komponen yang ditambah, digugurkan atau dicipta baru merupakan *diagnostic* atau *distinctive component*.

Komponen-komponen makna ini yang membezakan perubahan makna, sama ada peluasan makna, pengurangan makna, pemilikan makna baru atau peralihan makna dialami oleh kata pinjaman. Contohnya, kata pinjaman ドリーム *dorīmu* dan perkataan *dream*. Kedua-dua perkataan ini memiliki *common component* yang sama iaitu *mimpi, angan-angan, ilusi* dan *imaginasi*. Disebabkan kata pinjaman ドリーム *dorīmu* mengalami pengurangan makna, maka *diagnostic* atau *distinctive component* bagi perkataan-perkataan ini ialah *benda atau orang yang cantik, harapan* dan *impian*.

Selain itu, berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa majoriti kata pinjaman mengalami pengurangan makna. Dapatan ini disokong oleh Irwin (2011), Yamaguchi Toshiko (2009) dan Shibatani (1990) yang menyatakan bahawa pengurangan atau penyempitan makna lebih kerap berlaku berbanding peluasan makna. Rasional berlakunya perkara ini ialah kata pinjaman digunakan untuk menggambarkan sesuatu perkara dan benda yang tertentu. Dalam erti kata lain, kata pinjaman diadaptasi untuk tujuan mewakili sesuatu secara khusus. Misalnya, kata pinjaman ^{ワールド}世界 *wārudo* yang digunakan secara khasnya untuk merujuk kepada makna *dunia* sahaja dalam bahasa Jepun, walaupun perkataan asalnya, *world* membawa makna yang lebih luas.

Selain itu, kata pinjaman ini diadaptasi untuk mewakili sesuatu perkataan atau konsep yang sudah wujud tetapi dalam konteks masyarakat Jepun. Perkara ini berlaku disebabkan wujud satu keperluan untuk mengasingkan pertembungan benda atau konsep budaya. Tambahan pula, selalunya kata pinjaman ini hanya mewakili konteks makna Barat sahaja tanpa menyerap masuk atau disatukan dengan konsep dalam masyarakat Jepun. Menurut Hasegawa (2012),

Borrowing can be used to introduce the flavor of the Source Language culture. (p. 169)

Contohnya, perkataan ^{キングダム} 王国 *kingudamu* yang merujuk kepada konsep kerajaan Barat manakala 王国 *ōkoku* merujuk kepada kerajaan yang berkonsepkan ketimuran. Selalunya, kata pinjaman seperti ini hanya akan menyerap komponen makna teras ke dalam bahasa Jepun dan menggugurkan komponen-komponen makna yang tidak diperlukan dalam bahasa Jepun dan jarang digunakan dalam perkataan asal bahasa Inggeris.

4.6 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan data yang diperolehi secara kuantitatif, dirumuskan bahawa, kata pinjaman wujud dalam satu kuantiti yang signifikan untuk diberi perhatian. Di samping itu, majoriti kata pinjaman bahasa Inggeris tersebut dalam *manga Daichouhen Doraemon* terdiri daripada kata nama. Selain itu, dapatan kajian ini mendapati bahawa dalam aspek semantik, kebanyakan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun mengalami pengurangan makna berbanding peluasan makna dan pemilikan makna baru.

Pengurangan makna berlaku apabila tidak semua makna asal sesuatu perkataan dikekalkan apabila dijadikan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun dan makna kata pinjaman tersebut lebih objektif berbanding makna perkataan asalnya dalam bahasa Inggeris. Manakala, pemilikan makna baru berlaku apabila makna kata pinjaman yang perolehi skop atau konteks makna yang berlainan dengan makna dari perkataan asal. Selain itu, pemilikan makna baru berlaku tidak kira sama ada kata pinjaman yang terbabit mengalami peluasan makna mahupun pengurangan makna. Pemilikan makna baru juga boleh berlaku pada kata pinjaman yang tidak mengalami peluasan atau pengurangan makna dan perubahan makna jenis ini disebut sebagai *shift in meaning* atau peralihan makna. Peluasan makna pula berlaku apabila makna asal dikekalkan dan ditambah dengan makna baru dan juga apabila makna kata pinjaman menjadi lebih subjektif berbanding makna dari perkataan asalnya.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, keseluruhan dapatan kajian ini dirumuskan untuk memudahkan pembaca menggarap isi penting kajian ini. Bab ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kesimpulan, saranan dan cadangan kajian lanjutan. Pada bahagian kesimpulan, kajian ini akan disimpulkan secara keseluruhan dengan berlandaskan dapatan yang diperolehi dalam bab empat. Dalam bahagian saranan pula, kaedah penyelesaian untuk permasalahan yang timbul dalam kajian ini akan diusulkan untuk membantu kajian-kajian pada masa akan datang. Dan akhir sekali, dalam bahagian cadangan kajian lanjutan pula, kajian-kajian yang boleh dijalankan pada masa akan datang diutarakan dan dibincangkan.

5.1 Kesimpulan Kajian

Selepas penelitian terhadap data-data yang diperolehi, disimpulkan bahawa bilangan serta kekerapan kata pinjaman dalam lima buah *manga Daichouhen Doraemon* wujud dalam jumlah yang signifikan untuk diberi perhatian. Kata pinjaman tersebut terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Majoriti kata pinjaman merupakan perkataan dari golongan kata nama. Hasil daripada perbincangan di bab empat didapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong perkara ini berlaku:

- a. Perkataan bahasa Inggeris yang diadaptasi ke dalam bahasa Jepun digolongkan sebagai kata nama terlebih dahulu.

- b. Selalunya kata pinjaman digunakan untuk menggambarkan nama, tempat, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan konsep atau idea baru.
- c. Digunakan sebagai istilah atau terminologi.
- d. Pembentukan kata pinjaman dari golongan kata lain memerlukan langkah tambahan dan kata nama pinjaman sebagai *kata akar*.

Tambahan pula, setelah menjalankan kajian ini, boleh disimpulkan bahawa terdapat kata pinjaman yang telah mengekalkan makna asal tanpa peluasan makna, pengurangan makna dan pemilikan makna baru. Kata pinjaman tersebut kekal secara semantik dan digunakan sebagaimana perkataan asalnya dalam bahasa Inggeris. Kata-kata pinjaman ini mewakili hampir separuh bilangan kata pinjaman yang diperolehi. Jenis perubahan makna ini tidak dibincangkan dalam bab empat kerana tidak mengalami sebarang perubahan yang signifikan secara semantik untuk dianalisis.

Jenis perubahan makna yang paling sedikit dalam kajian ini ialah peluasan makna. Peluasan makna berlaku apabila kata pinjaman mengekalkan makna dari perkataan asal dan menyerap makna baru untuk digunakan dalam bahasa Jepun. Perubahan makna ini juga berlaku apabila makna kata pinjaman menjadi lebih subjektif berbanding makna asalnya dalam bahasa Jepun. Namun, apabila sesebuah kata pinjaman mengalami peluasan makna, ini tidak bermakna perkataan tersebut pasti akan mengalami pemilikan makna baru. Terdapat juga kata pinjaman yang mengalami peluasan makna tanpa memperoleh makna baru. Perkara ini berlaku apabila skop komponen makna teras kata pinjaman menjadi lebih meluas jika dibanding dengan makna yang dibawa dari perkataan asal dari bahasa Inggeris dan tiada apa-apa makna lain selain dari skop komponen makna teras tersebut ditambah.

Selain itu, boleh disimpulkan bahawa kebanyakan kata pinjaman dalam lima buah *manga Daichouhen Doraemon* mengalami pengurangan makna. Pengurangan makna berlaku apabila hanya sebahagian daripada makna asal diserap masuk ke dalam kata pinjaman. Selain itu, pengurangan makna berlaku apabila makna yang terdapat dalam kata pinjaman lebih sempit atau sedikit berbanding makna asalnya dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, pengurangan makna juga boleh mengalami makna baru. Berdasarkan perbincangan kajian, terdapat dua sebab utama pengurangan makna merupakan majoriti kata pinjaman dalam *manga Daichouhen Doraemon*:

- a. Kata pinjaman digunakan untuk merujuk kepada sesuatu perkara atau benda secara khusus.
- b. Kata pinjaman digunakan untuk mewakili perkara atau konsep yang sudah wujud dalam bahasa Jepun tetapi dalam konteks Barat.

Pemilikan makna baru berlaku apabila makna baru yang tidak ada kaitan langsung dengan makna asal dicipta dan diserap masuk ke dalam kata pinjaman. Didapati bahawa kedua-dua kata pinjaman yang telah mengalami pengurangan makna dan peluasan makna juga boleh memiliki makna baru. Pemilikan makna baru tidak terhad kepada peluasan makna sahaja. Malahan, pemilikan makna baru juga boleh berlaku pada kata pinjaman yang tidak mengalami sebarang peluasan atau pengurangan makna. Perubahan makna ini dipanggil *shift in meaning* atau peralihan makna. Sesuatu kata pinjaman itu mengalami pemilikan makna baru apabila perkataan tersebut disesuaikan dengan budaya dan konteks masyarakat Jepun. Contohnya, perkataan ママ (*mama*) yang memiliki makna baru iaitu *pemilik bar wanita*. Ini kerana *pemilik bar wanita* di Jepun juga memainkan peranan sebagai pelayan dan teman bual kepada pelanggannya.

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa wujudnya satu bilangan kata pinjaman yang signifikan dalam *manga*. Majoriti kata pinjaman ini berasal dari golongan kata nama. Di samping itu, daripada tiga perubahan makna yang dibincangkan, sebilangan besar kata pinjaman dari golongan kata nama ini mengalami pengurangan makna.

5.2 Saranan

Bahasa Jepun telah mula mengadaptasi perkataan bahasa Inggeris bermula dari kemasukan pengaruh ketamadunan Eropah ke dalam masyarakat Jepun. Sejak daripada itu, pelbagai perkataan dari bahasa Inggeris telah diserap masuk ke dalam kosa kata bahasa Jepun sebagai kata pinjaman. Perkara ini menjadi satu permasalahan apabila kemasukan kata pinjaman berlaku secara mendadak dan dalam kuantiti yang banyak. Keadaan ini telah mencapai satu tahap di mana kata pinjaman digunakan untuk menggantikan perkataan bahasa Jepun yang sinonim dengan kata pinjaman tersebut. Seheingakan perkataan bahasa Jepun tersebut diabaikan dari kosa kata bahasa Jepun. Selain itu, penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun digambarkan sebagai berlebihan, tidak diperlukan, tidak dikehendaki dan mengelirukan (Honma Nobuyuki, 1995).

Namun begitu, kemasukan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun tidak boleh dihalang atau dihentikan dari terus tersebar disebabkan oleh globalisasi dan aliran maklumat yang tiada sempadan di seluruh dunia. Satu-satu caranya untuk menyelesaikan permasalahan ini ialah dengan membendung atau membataskan bilangan kemasukan kata pinjaman tersebut. Dengan berbuat demikian, perkataan yang sudah

sedia ada tidak akan diganggu atau diabaikan. Malahan, perbendaharaan kata bahasa Jepun juga boleh diperkayakan dalam bilangan yang terkawal.

Permasalahan tersebut juga boleh dibendung atau dikawal dengan merasionalkan perkataan bahasa Inggeris yang diadaptasi ke dalam bahasa Jepun. Perkara ini boleh dilakukan dengan memahami keperluan sesuatu perkataan itu diserap masuk ke dalam bahasa Jepun seperti istilah-istilah dan terminologi sains. Dengan itu, kemasukan kata pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun tidak akan berlaku dengan sewenang-wenangnya tanpa pertimbangan.

Kesimpulannya, pengadaptasian kata pinjaman dari bahasa Inggeris ke bahasa Jepun merupakan satu isu yang sukar untuk diseat. Perkara ini merupakan satu proses yang sentiasa berlaku untuk memenuhi keperluan bahasa Jepun yang berubah mengikut peredaran masa. Satu-satunya penyelesaian yang wujud ialah dengan mengawal kadar kemasukan kata pinjaman tersebut dan merasionalkan kemasukannya.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Setiap kajian mempunyai kelemahan dan kelebihan yang tersendiri. Begitu juga kajian yang dijalankan ini. Oleh itu, beberapa idea akan dikemukakan sebagai cadangan bagi kajian pada masa akan datang. Antara kajian lanjutan yang sesuai dijalankan ialah :

- a. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa kajian yang telah dijalankan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua jenis *manga* dalam bahasa Jepun. Kajian ini mencadangkan agar penyelidikan lanjutan dijalankan dengan mengubah beberapa

aspek pada bahan kajian. Antaranya ialah menggunakan bahan yang lebih banyak daripada lima buah *manga* untuk mendapatkan data statistik yang lebih jitu dan membolehkan pengkaji pada masa akan datang mengeneralisasikan dapatan. Selain itu, kajian ini juga ingin mencadangkan agar penyelidikan seterusnya dijalankan dengan menggunakan bahan bacaan lain atau *manga* dengan genre yang berlainan. Seperti sains fiksi, sukan, matang dan sebagainya.

- b. Di samping itu, cadangan lain yang ingin diusulkan ialah menjalankan penyelidikan dalam skop semantik yang lebih meluaskan. Perkara ini boleh dilakukan dengan menambah jenis perubahan makna dengan kategori seperti pambatasan makna, pengkhususan makna dan sebagainya. Selain itu, kajian lanjutan juga boleh dijalankan dengan memfokuskan kepada aspek makna konteks dalam kata pinjaman.
- c. Kajian lanjutan juga boleh dijalankan dengan memberi tumpuan kepada salah satu kaedah metodologi iaitu kuantitatif ataupun kualitatif. Dengan menumpukan kajian terhadap salah satu kaedah metodologi sahaja, kajian juga boleh mengawal arah tuju data yang diperolehi supaya kajian yang dijalankan lebih efektif.
- d. Selain itu, kajian pada masa akan datang juga boleh dijalankan dengan meneliti data yang terdiri daripada lebih dari satu perkataan. Dengan kata lain, kajian tersebut dijalankan pada kata pinjaman yang berbentuk frasa ataupun ayat. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan pada kata pinjaman yang berasal dari bahasa asing lain seperti bahasa Jerman, bahasa Perancis, dan bahasa Portugis.

- e. Akhir sekali, kajian ini ingin mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan dengan menyelidik kata pinjaman dari aspek lain selain semantik. Antara aspek yang ingin dicadangkan ialah pragmatik, psikolinguistik, kognitif linguistik dan sosiolinguistik.

5.4 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan pada bab empat serta kesimpulan pada bab lima ini, kajian telah menjelaskan persoalan yang dikemukakan pada bab satu. Data-data yang perolehi menunjukkan bahawa kata pinjaman wujud dalam satu bilangan dan kekerapan yang signifikan dalam lima buah *manga Daichouhen Doraemon* dan majority kata pinjaman yang terdapat dalam *manga-manga* ini merupakan kata nama.

Selain itu, kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat kata pinjaman yang mengalami perubahan makna selepas diserap masuk ke dalam kosa kata bahasa Jepun. Perubahan makna tersebut tidak berlaku secara pemilikan makna baru sahaja tetapi juga berlaku secara peluasan makna dan melalui pengurangan makna. Di samping itu, didapati bahawa majoriti kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun mengalami pengurangan makna.

Walaupun kajian ini telah mendedahkan beberapa penemuan yang menarik dalam penyelidikan terhadap kata pinjaman, bahasa Jepun dan semantik, kajian ini masih mempunyai kelemahan serta kekurangan yang perlu diperbaiki terutamanya dari segi bahan kajian yang terhad kepada lima buah *manga* sahaja. Dengan bahan kajian yang terhad ini, penyelidikan ini mengalami kesukaran untuk mengeneralisasikan dapatan kajian. Diharap kajian akan datang boleh memperbanyakkan lagi bilangan bahan kajian supaya dapatan yang lebih jitu dapat diperolehi. Akhir sekali, diharap agar kajian ini

dapat membantu sesiapa sahaja yang terlibat dalam bidang semantik, kata pinjaman dan bahasa Jepun khasnya.

RUJUKAN-RUJUKAN BERKAITAN

- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am*. Selangor: PTS Professional Publishing.
- Ager, S. (2014). *Japanese Kanji*. Diperolehi pada Februari 21, 2014 daripada http://www.omniglot.com/writing/japanese_kanji.htm
- Aishah Mahdi. (1991). *Kata Pinjaman Tulen Bahasa Inggeris dalam Bahasa Malaysia : Satu Kajian Semantik*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Azuma Shōji. (1996). Borrowing and Politeness in Japan. Dalam M.L. Juge et al (Ed.), *General Session and Parasession On The Role Of Learnability In Grammatical Theory: Proceeding in the twenty-second annual meeting of the Berkeley Society*, 16 (19). Berkeley, CA: Berkeley Linguistics Society.
- Berndt, J. (1995). *Phänomen Manga*. Berlin: Edition q.
- Berndt, J. (2008). *Considering Manga Discourse: Location, Ambiguity, Historicity*. Dalam Mark W. MacWilliam (Ed.). 48-67. Amerika : M.E. Sharpe, Inc.
- Bordilovskaya, A.V. (n.d). *A Study of Loan Color Terms Collocations in Modern Japanese*. Retrieved December 12, 2012 from <http://mindmodeling.org/cogsci2012/papers/0243/paper0243.pdf>.
- Bryce, M., Davis, J. D., dan Barber, C. (n.d). The Cultural Biographies and Social Lives of Manga: Lessons from the Mangaverse. *Journal of Media Culture Arts*. Diperolehi pada Januari 10, 2013 daripada http://scan.net.au/scan/journal/display.php?journal_id=114
- Carmel Heah Lee Hsiah. (1989). *The Influence of English on the Lexical of Expansion of Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chan Ka-yin. (2003). *Loan Words in Advertisements in Japanese Women's Magazines*. Kertas Akademik Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Hong Kong: University of Hong Kong.
- Crawford, C.J. (2009). *Adaptation and Transmission in Japanese Loan Word Phonology*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Diperolehi pada Januari 02, 2013 daripada <http://ecommons.library.cornell.edu/bitstream/1813/13947/1/Crawford,%20Clifford.pdf>.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research Fourth Edition*. Boston: Pearson Education Inc.
- Croft, W. (2000). *Explaining Language Change: An Evolutionary Approach*. London: Longman.
- Daulton E. F. (2008). *Japan's Built-In Lexicon Of English-Based Loanwords*. Cleveland: Multilingual Matters.

- Derry Tanti Wijaya dan Reyyan Yeniterzi. (2011). Understanding Semantic Change of Words Over Centuries. Dalam *Detect' 11*. Pittsburg: Carnegie Mellon University.
- Fromkin, V. et al. (2011). *An Introduction to Language 9th Edition*. Kanada: Wardsworth Cengage Learning.
- Fujio Fujiko. (2000). *Nobita's Legend of the Sun King*. Tokyo: Shogakukan.
- Fujio Fujiko. (2001). *Nobita and the Winged Braves*. Tokyo: Shogakukan.
- Fujio Fujiko. (2002). *Nobita and the Robot Kingdom*. Tokyo: Shogakukan.
- Fujio Fujiko. (2003). *Nobita and the Wind Wizard*. Tokyo: Shogakukan.
- Fujio Fujiko. (2004). *Nobita's Wannyan Space Time Odyssey*. Tokyo: Shogakukan.
- Geeraerts, D. (2006). Componential Analysis. Dalam *Encyclopedia of Language and Linguistics Second Edition*, 2, 709- 712. Oxford: Elsevier Ltd.
- Geeraerts, D. (2010). *Theories of Lexical Semantics*. Oxford: Oxford university Press.
- Good, M., et al (Ed.). (2008). *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Third Edition*. Cambridge University Press: Cambridge.
- Gordon, A. (2003). *A Modern History of Japan from Tokugawa Times to the Present*. Oxford: OUP.
- Gravett, P. (2004). *Manga: Sixty Years of Japanese Comics*. New York: Collins Design.
- Hara Yuki. (2011). *The Use Of Loanwords In English Vocabulary Learning*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Indiana: Ball State Univeristy.
- Hasegawa Yoko. (2012). *The Routledge in Japanese Translation*. London dan New York: Routledge.
- Hawke, T. (1972). *Metaphor*. Great Britain: Methuen and Co.
- Honna Nobuyuki. (1995). English in Japanese Society : Language within Language. Dalam J. Maher (Ed.), *Multilingual Japan*, 45-62. Great Britain: Short Run Press.
- Horikawa Naoko. (2012). *English Loan Words in Japanese: Exploring Comprehension and Register*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Portland: Portland State University.
- Hornby, A.S. (2008). *Oxford Advanced Lerarner's Dictionary 7th Edition*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Hymes, D. (1974). *Foundations of Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania.

- Hypnos. (2013). *Rôhazi Aiueo*. Diperolehi pada Disember 06, 2013 daripada <http://green.adam.ne.jp/roomazi/>.
- Irwin, M. (2011). *Loanwords in Japanese*. Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
- Ishiwata Toshio. (1985). *Nihongo No Naka No Gaikokugo*. Tokyo: Iwanami Shoten.
- Jackson, H. (1988). *Word and Their Meaning*. London: Longman Inc.
- Japanese Education Exchange and Services (JEES). (2009). *Guidelines for the Japanese-Language Proficiency Test*. Diperolehi pada 14 Januari 2015 daripada www.jlpt.jp/statistics/pdf/2009_2.pdf
- Jüngst, H.E. (2004). Japanese Comics in Germany. *Perspectives: Studies in Translatology*, 12(2), 83-105. England: Routledge.
- Kahru, B. B. (1986). *The Alchemy of English: The Spread, Function and Models of Non-Native Englishes*. Oxford: Pergamon Institute of English.
- Kay, G. (1995). English loanwords in Japanese. Dalam *World Englishes*, 14(1), 66-76. Oxford dan Cambirdge: Basil Blackwell Limited.
- Kemmer, S. (2013). *Loanwords: Major Periods of Borrowing in the History of English*. Diperolehi pada September 04, 2013 daripada <http://www.ruf.rice.edu/~kemmer/Words/loanwords.html>.
- Kempson, R.M. (1991). *Teori Semantik* (Zaiton Ab. Rahman, Trans.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keok Choon Leong. (2000). *Kata Pinjaman Bahasa Cina Dalam Bahasa Melayu : Satu Kajian Semantik*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Kinko Ito. (2008). Manga in Japanese History. Dalam Mark W.MacWilliam (Ed.), *Japanese Visual Culture*, 26-47. London : M.E.Sharpe Inc.
- Kuang Ching Hei. (2009). Common Loanwords Identified in Japanese Music Magazines. *Polyglossia*, 17, (pp. 1-16).
- Kume, et al (eds). (2002). *The Iwakura Embassy, 1871-1873: A True Account of the Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary's Journey of observation Through the United State of America and Europe*. London: Routledge.
- Landsbergen, F. et al. (2010). A Cultural Evolutionary Model Of Patterns in Semantic Change. Dalam *Linguistics*, 48(2), 363–390. Berlin: De Gruyter Mouton.
- Leech, G. (1978). *Semantics*. England: Penguin Books Ltd.
- Lent, J. A. (2001). *Illustrating Asia: Comics, Humor Magazines, and Picture Books*. Honolulu, Hawaii: University of Hawaii Press.

- Lewis, M. P., Gary F. S., dan Charles D. F. (eds.). (2013). *Ethnologue: Languages of the World, Seventeenth edition*. Dallas, Texas: SIL International.
- Loveday, L.J. (1996). *Exploration in Japanese Sociolinguistics*. Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
- Lovins, J. B. (1975). *Loanwords and The Phonological Structure of Japanese*. Tokyo: Indiana University Linguistic Club.
- Macdonald, C. (2014). *1st Doraemon Manga Volume in 8 Years Ships in December*. Diperolehi pada January 19, 2014 daripada <http://www.animenewsnetwork.com/news/2014-11-15/1st-doraemon-manga-volume-in-8-years-ships-in-december/.81061>
- Malmkajær, K. (1991). Semantics. Dalam Malmkajær, K. (Ed.), *The Linguistics Encyclopedia*, 389 - 398. London dan New York: Routledge.
- Maynard, K.S. (1990). *Japan Grammar and Communication Strategies*. Tokyo: The Japan Times.
- McMahon, A.M.S. (1994). *Understanding Language Change*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Miller, R.A. (1967). *The Japanese Language*. Chicago dan London: The University of Chicago Press.
- Mohd Nazim Najmuddin. (2010). *Bahasa dan Gender dalam Komik Humor Kanak-Kanak*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mutsukawa Masahiko. (2006). *Japanese Loanword Phonology in Optimality Theory: The Nature of Inputs and the Loanword Sublexicon*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. East Lansing : Michigan State University.
- Nida, E.A. (1975). *Componential Analysis of Meaning*. Belgium: Mouton.
- NINJAL (Ed.). (1964). *Houkoku 25: Gendai Zasshi 90-Shu No Yougoyouji Daisanbusatsu III: Bunseki (Report #25: Vocabulary and Chinese Characters in 90 Magazines of Today, Vol III: Analysis)*. Tokyo: Shuei Shuppan.
- Noresah Baharom, et al (Ed.). (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Olah, B. (2007). English Loanwords in Japanese: Effects, Attitudes and Usage as a Means of Improving Spoken English Ability. Dalam *Bunkyo Gakuen Daigaku Ningen Gakubun Kenkyuu Kiyuu*, 9 (1), 177 - 188. Kawasaki: Chôfu Gakuen Tanki Daigaku.
- Ono Reiko. (1993). Sociolinguistic Perspectrive On English Borrowing in Japanese. Dalam *Kobe Kaisei Review*, 32, 53-74. Kobe: Kobe Kaisei College.

- Oshima Kimie. (2002). Semantic and Structural Shift Patterns of Gairaigo in Japan. Dalam *Intercultural Communication Studies XI*, 4, 51-65. Tokyo: International Christian University.
- Palmer, F.R. (1989). *Semantik* (Abdullah Hassan, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roksana Bibi. (1993). *Kajian Leksis Dalam Teori Medan Makna: Satu Analisis Komponential*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Saeed, I. J. (2003). *Semantics Second Edition*. Malden, Mass: Wiley-Blackwell Publishing.
- Safir, E. (1921). *Language*. New York: Harcourt, Barce dan World Inc.
- Saira Syed. (2011). *Comic giants battle for readers*. BBC News. BBC. Diperolehi pada Mac 8, 2014 daripada <http://www.bbc.co.uk/news/business-14526451>.
- Sakagami Shizuka. (2000). *The Semantic of Western Word in Japanese*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. New York: Teachers College, Columbia University.
- Sakata Yukiko. (2000). *Informative Japanese Dictionary*. Nihon'go No Kai JiGyo Kumiai dan Shinchosha: Tokyo.
- Sakina Sahuri, (2000). *Manusia dan Alam Sebagai Medan Sumber Metafora Melayu: Satu Kajian Metafora*. Disertasi SPBM yang belum diterbitkan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya
- Sanseido Co. (2004). *Netto De Yoku Hiku Sanshouhenshujyo Katakana Shingo Jiten* (ネットをよくひく ^{さんしょうへんしゅうじょ}三省編集所カタカナ新語辞典). Tokyo: Sanseido Co.
- Saraceni, M. (2003). *The Language in Comics*. London: Routledge.
- Schodt, F.L. (1983). *Manga! Manga! The World of Japanese Comics*. Tokyo: Kondansha.
- Schodt, F.L. (1996). *Dreamland Japan: Writings on Modern Manga*. Berkeley: Stone Bridge Press.
- Shibatani Masayuki. (1990). *The Language of Japan*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shimada Maiko. (2003). *Function of Western Loanwords in Japanese Newspaper Articles*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Vancouver: University of British Columbia.
- Shogaku Tosho Jisho Henshubu (Ed.). (2000). *A Dictionary of Loanwords*. Shogakukan : Tokyo.

- Shoichi Iwasaki. (2006). Japan: Language Situation. Dalam *Encyclopedia of Language and Linguistics Second Edition*, 6, 93- 95. Oxford: Elsevier Ltd.
- Stanlaw, J. (1983). English In Japanese Communicative Strategies. Dalam B. B. Kachru (Ed.), *The Other Tongue: English Across Cultures*, 168-197. N.Y.: Pergamon Press.
- Sugimoto Tsutomu. (2007). Gairaigo. Dalam *Nihongogaku Kenyū Jiten (The Research Encyclopedia of Japanese Linguistics)*, 408-411. Tokyo: Meiji Shoin.
- Sumarsono. (2007). *Pengantar Semantik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Swan, M. (2006). English in the Present Day (Since ca.1990). Dalam *Encyclopedia of Language and Linguistics Second Edition*, 4, 149- 156. Oxford: Elsevier Ltd.
- Tadao Umesao, et al (Ed.). (1995). *The Great Japanese Dictionary Second Edition*. Kondansha: Japan.
- Takahashi, M. (2008). *Opening the Closed World Shoujo Manga*. Dalam Mark W. MacWilliam (Ed.). 48-67. Amerika : M.E. Sharpe, Inc.
- Taylor, I. dan Taylor, M. M. (1995). *Writing and Literacy in Chinese, Korean and Japanese*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Thaiyibah Sulaiman dan Kami Yoko. (1997). *Nahu Bahasa Jepun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toshiko Yamaguchi Toshiko. (2007). *Japanese Linguistics: An Introduction*. London: Continuum.
- Trask, R.L. (1994). *Language Change*. London dan New York: Routledge.
- Trask, R.L. (1999). *Key Concepts in Language and Linguistics*. London dan New York: Routledge.
- Traugott, E.C. (2006). Semantic Change: Bleaching, Strengthening, Narrowing, Extension. Dalam *Encyclopedia of Language and Linguistics Second Edition* 11, 124- 130. Oxford: Elsevier Ltd.
- Tsutomu Akamatsu. (1997). *Japanese Phonetics Theory and Practice*. Munchen-Newcastle: Lincom Europa.
- Ullman, S. (1962). *Semantics: An Introduction to The Science of Meaning*. Oxford: Basil Blackwell and Mott Ltd.
- Unger, J.M. (2006). Japan: Writing System. Dalam *Encyclopedia of Language and Linguistics Second Edition*, 6, 95- 101. Oxford: Elsevier Ltd.
- Wan Zahari Wan Ali. (1999). *Kajian Leksikal dan Semantik dalam Sajak-Sajak J. M. Aziz*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Wehmeier, S. et al (Ed.). (2005). *Oxford Advanced Learner's Dictionary International Student's Edition*. New York: Oxford.

Yule, G. (1995). *The Study of Language*. United Kingdom: Cambridge University Press.

LAMPIRAN

Lampiran 1
Jadual Hiragana dan Katakana Bersama dengan Kanji Asalnya yang diadaptasi
dari Jadual Unger (2006)

w-		r-		y-		m-		h-		n-		t-		s-		k-		Ø-		
わ	ワ	ら	ラ	や	ヤ	ま	マ	は	ハ	な	ナ	た	タ	さ	サ	か	カ	あ	ア	-
和		良		也		末		波 八		奈		太 多		左 散		加		安 阿		a
ゐ	ヰ	り	リ			み	ミ	ひ	ヒ	に	ニ	ち	チ	し	シ	き	キ	い	イ	-
為	井	利				美	三	比		仁		知	千	之		幾		以	伊	i
		る	ル	ゆ	ユ	む	ム	ふ	フ	ぬ	ヌ	つ	ツ	す	ス	く	ク	う	ウ	-
		留	流	由		武	牟	不		努	奴	川		寸	須	久		宇		u
ゑ	ヱ	れ	レ			め	メ	へ	ヘ	ね	ネ	て	テ	せ	セ	け	ケ	え	エ	-
恵	慧	礼				女		部		祢		天		世		計	介	衣	江	e
を	ヲ	ろ	ロ	よ	ヨ	も	モ	ほ	ホ	の	ノ	と	ト	そ	ソ	こ	コ	お	オ	-
遠	乎	呂		與		毛		保		乃		止		會		己		於		o

Lampiran 2
Jadual *Romanization Hepburn* bagi Sebutan Bahasa Jepun

ア	イ	ウ	エ	オ	ワ	ウィ	ウ	ウェ	ウオ
A	I	U	E	O	Wa	(Wi)	(W) U	(We)	(Wo)
カ	キ	ク	ケ	コ	キャ		キュ		キョ
Ka	Ki	Ku	Ke	Ko	Kya		Kyu		Kyo
ガ	ギ	グ	ゲ	ゴ	ギャ		ギュ		ギョ
Ga	Gi	Gu	Ge	Go	Gya		Gyu		Gyo
サ	スイ	ス	セ	ソ	ニヤ		ニユ		ニョ
Sa	(Si)	Su	Se	So	Nya		Nyu		Nyo
ザ	ズイ	ズ	ゼ	ゾ	ヒヤ		ヒユ		ヒョ
Za	(Zi)	Zu	Ze	Zo	Hya		Hyu		Hyo
シャ	シ	シュ	シェ	ショ	ピヤ		ピユ		ピョ
Sha	Shi	Shu	(She)	Sho	Pya		Pyu		Pyo
ジャ	ジ	ジュ	ジェ	ジョ	ビヤ		ビユ		ビョ
Ja	Ji	Ju	(Je)	Jo	Bya		Byu		Byo
タ	ティ	トウ	テ	ト	ミヤ		ミユ		ミョ
Ta	(Ti)	(Tu)	Te	To	Mya		Myu		Myo
ダ	ディ	ドウ	デ	ド	リヤ		リユ		リョ
Da	(Di)	(Du)	De	Do	Rya		Ryu		Ryo
ツァ	ツイ	ツ	ツエ	ツォ	ラ°	リ°	ル°	レ°	ロ°
Tsa	(Tsi)	Tsu	(Tse)	Tso	(La)	(Li)	(Lu)	(Le)	(Lo)
チャ	チ	チュ	チェ	チョ	ヴァ	ヴィ	ヴ	ヴェ	ヴォ
Cha	Chi	Chu	(Che))	Cho	(Va)	(Vi)	(Vu)	(Ve)	(Vo)
ヂャ	ヂ	ヂュ	ヂェ	ヂョ	ワ	ウィ	ウ	ウェ	ウオ
(Dja)	(Dji)	(Dju)	(Dje)	(Djo)	Wa	(Wi)	(W) U	(We)	(Wo)
ナ	ニ	ヌ	ネ	ノ	キャ		キュ		キョ
Na	Ni	Nu	Ne	No	Kya		Kyu		Kyo
ハ	ヒ	ハウ	ヘ	ホ	ギャ		ギュ		ギョ
Ha	Hi	(Hu)	He	Ho	Gya		Gyu		Gyo
ファ	フィ	フ	フェ	フォ					
(Fa)	(Fi)	Fu	(Fe)	(Fo)					
パ	ピ	プ	ペ	ポ					
Pa	Pi	Pu	Pe	Po					
バ	ビ	ブ	ベ	ボ					
Ba	Bi	Bu	Be	Bo					
マ	ミ	ム	メ	モ					
Ma	Mi	Mu	Me	Mo					
ヤ	イ	ユ	イエ	ヨ					
Ya	(Y)I	Yu	(Ye)	Yo					
ラ	リ	ル	レ	ロ					
Ra	Ri	Ru	Re	Ro					

Lampiran 3
Jadual Senarai Kata Pinjaman Yang Tidak Mengalami Perubahan Makna

1.	データ <i>dēta</i>	<i>data</i>	2.	ダイヤル <i>daiyaru</i>	<i>dial</i>
3.	アイロン <i>airon</i>	<i>iron</i>	4.	テープ <i>tēpu</i>	<i>tape</i>
5.	アトラクション <i>atorakushon</i>	<i>attraction</i>	6.	テスト <i>tesuto</i>	<i>test</i>
7.	エラー <i>erā</i>	<i>error</i>	8.	テレビ <i>terebi</i>	<i>television</i>
9.	オーナー <i>ōnā</i>	<i>owner</i>	10.	トップ <i>toppu</i>	<i>top</i>
11.	オーライ <i>ōrai</i>	<i>alright</i>	12.	ドア <i>doa</i>	<i>door</i>
13.	カイト <i>kaito</i>	<i>kite</i>	14.	ネックレス <i>nekkuresu</i>	<i>necklace</i>
15.	カウンター <i>kauntā</i>	<i>counter</i>	16.	ハイウエー <i>haiuē</i>	<i>highway</i>
17.	カナリア <i>kanaria</i>	<i>canary</i>	18.	パトロール <i>padorōru</i>	<i>patrol</i>
19.	カプセル <i>kapuseru</i>	<i>capsule</i>	20.	パパ <i>papa</i>	<i>papa</i>
21.	カメラ <i>kamera</i>	<i>camera</i>	22.	ビーム <i>bīmu</i>	<i>beam</i>
23.	キス <i>kisu</i>	<i>kiss</i>	24.	ピラミッド <i>piramiddo</i>	<i>pyramid</i>
25.	ゲーム <i>gēmu</i>	<i>game</i>	26.	フード <i>fūdo</i>	<i>food</i>
27.	コース <i>kōsu</i>	<i>course</i>	28.	フラミンゴ <i>furamingo</i>	<i>flamingo</i>
29.	コースタ <i>kōsuta</i>	<i>coaster</i>	30.	ブルドーザー <i>burudōzā</i>	<i>bulldozer</i>
31.	コスチューム <i>kosuchūmu</i>	<i>costume</i>	32.	フード <i>pūdo</i>	<i>hood</i>
33.	コックピット <i>kokkupitto</i>	<i>cockpit</i>	34.	ポケット <i>poketto</i>	<i>pocket</i>
35.	コンサート <i>konsāto</i>	<i>concert</i>	36.	ポスター <i>posūta</i>	<i>poster</i>
37.	コンピューター <i>konpyūtā</i>	<i>computer</i>	38.	マグマ <i>maguma</i>	<i>magma</i>
39.	サッカー <i>sakkā</i>	<i>soccer</i>	40.	モニター <i>monitā</i>	<i>monitor</i>
41.	サンキュー <i>sankyū</i>	<i>thank you</i>	42.	ラジャ! <i>rajya</i>	<i>roger</i>
43.	スイッチ <i>suicchi</i>	<i>switch</i>	44.	リタイア <i>ritaia</i>	<i>retire</i>
45.	スピード <i>supīdo</i>	<i>speed</i>	46.	ルート <i>rūto</i>	<i>route</i>
47.	ソーセージ <i>sōsēji</i>	<i>sausage</i>	48.	レストラン <i>resutoran</i>	<i>restaurant</i>
49.	タッチ <i>tacchi</i>	<i>touch</i>	50.	ロボット <i>robotto</i>	<i>robot</i>

Lampiran 4
Jadual Senarai Kata Pinjaman Yang Mengalami Perubahan Makna

1.	キングダム 王国 <i>kingudami</i>	<i>kingdom</i>	22.	バッテリー <i>batterī</i>	<i>battery</i>
2.	ドリーム Dream <i>dorīmu</i>	<i>dream</i>	23.	バランス <i>baransu</i>	<i>balance</i>
3.	ワールド 世界 <i>wārudo</i>	<i>world</i>	24.	パワー <i>pawā</i>	<i>power</i>
4.	プログラム <i>furoguramu</i>	<i>program</i>	25.	ピンチ <i>pinchi</i>	<i>pinch</i>
5.	アイス <i>aisu</i>	<i>ice</i>	26.	プレゼント <i>purezento</i>	<i>present</i>
6.	アウト <i>auto</i>	<i>out</i>	27.	プロジェクト <i>purojekuto</i>	<i>project</i>
7.	エンジン <i>enjin</i>	<i>engine</i>	28.	ページ <i>pēji</i>	<i>page</i>
8.	オーケー・オッケ <i>ōkē /okke</i>	<i>ok</i>	29.	ペット <i>petto</i>	<i>pet</i>
9.	コントロール <i>kontorōru</i>	<i>control</i>	30.	ペンダント <i>pendanto</i>	<i>pendant</i>
10.	ゴール <i>gōru</i>	<i>goal</i>	31.	ボス <i>bosu</i>	<i>boss</i>
11.	ショー <i>shō</i>	<i>show</i>	32.	ボタン <i>botan</i>	<i>button</i>
12.	ジュース <i>gyūsu</i>	<i>juice</i>	33.	マーク <i>māku</i>	<i>mark</i>
